

"JANGAN biarkan mungkar mendapat tempat di negara ini, nanti kita akan mendapat susah dan juga anak cucu kita."

Awasi setiap gejala buruk, sambil mengasuh jiwa supaya lebih mampu menghadapi cabaran dan kejutan budaya." - Titah sempena Menyambut Awal Tahun Baru Hijrah 1418.



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

"PERBANYAKKANLAH oleh kamu mengingat akan mati, bahawasanya ia dapat menghapuskan dosa dan menahan daripada rakus kepada dunia." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 46 BILANGAN 15 RABU 11 APRIL, 2001/1422 رابو 17 محرم

PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI: (02) 383941/(02) 383804 Faks: (02) 381004/(02) 380507

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman.

Majlis mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Sementara itu, Jabatan Perdana Menteri dalam siaran akhbar juga memaklumkan bahawa pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri sukacita

Oleh Abu Bakar HAR

memaklumkan bahawa baginda telah memperkenankan bagi Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan, Timbalan Pesuruhjaya Polis dilantik untuk memegang jawatan Pesuruhjaya Polis bagi menggantikan Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, Pesuruhjaya Polis yang akan memulakan cuti sebelum menamatkan perkhidmatannya mulai 9 April, 2001.

Siaran akhbar itu menambah, lantikan Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman sebagai Pemangku Pesuruhjaya Polis adalah berkuatkuasa mulai 9 April, 2001.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Polis yang akan bersara, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman, Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Amat Mulia Tengku Syarif Temenggung Perlis, Dato' Seri Diraja Syed Amir Abidin yang mengetuai rombongan perutusan rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Menerima mengadap rombongan perutusan rasmi Raja Perlis

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap rombongan perutusan rasmi daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Yang Amat Mulia Tengku Syarif Temenggung Perlis, Dato' Seri Diraja Syed Amir Abidin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail di Istana Nurul Iman.

Juga menyertai rombongan itu ialah Yang Berhormat Dato' Yazid bin Mat, Ahli Majlis

Oleh Sahari Akim

Mesyuarat Kerajaan Negeri; Yang Berhormat Encik Yaacob bin Md. Sam, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Yang Mulia Haji Mohamad Sokri bin Haji Hussin, Setiausaha Sulit Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis.

Rombongan perutusan rasmi itu berada di negara ini bagi menyebarkan warkah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kewartawanan menyumbang pembangunan masyarakat

BERAKAS, 7 April. - Bidang kewartawanan merupakan profesion yang mencabar dan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar kepada pembangunan serta kestabilan masyarakat dan negara.

Di antara peranan yang boleh dimainkan oleh bidang kewartawanan dalam pembangunan masyarakat ialah bertindak sebagai wadah sumber pengetahuan.

Oleh Sahari Akim

Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menyatakan perkara tersebut ketika berucap merasmikan Bengkel Kewartawanan Fotografi Bagi Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Bawah anjuran Jabatan Penerangan dengan

kerjasama Jabatan Ko-Kurikulum berlangsung di Jabatan Penerangan di sini.

Menurut Dato Paduka, bidang kewartawanan juga dapat mewujudkan suasana kenegaraan atau kekitan dalam pembangunan negara dengan mendorong rakyat untuk mendukung dan menyertai pelaksanaan dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan negara yang seiring dengan keperluan rakyat.

Beliau berkata, para peserta hendaklah menyedari bahawa bidang kewartawanan juga memberi potensi pekerjaan yang baik kepada mereka yang berminat di bidang penulisan dan pemberitaan yang mana peluang itu belum lagi dieksploitasi sepenuhnya.

Lihat muka 7





دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
قَمُورُهُ دَانَ مَهَا فَيَاغِيْ

Dari Sidang Pengarang

11 April, 2001 BERSAMAAN 1422 17 محرم

MENJANA KREATIVITI REMAJA

REMAJA atau belia sering diungkapkan sebagai aset negara yang bakal mewarisi kepimpinan negara di masa hadapan. Negara dan bangsa bergantung harap kepada mereka untuk meneruskan kesinambungan kehidupan berbangsa dan bernegara yang aman, makmur, mewah dan sejahtera. Mereka di suatu hari nanti juga diharapkan dapat melakar kecermerlangan bangsa dan negara terutamanya dalam menempuh era globalisasi dan teknologi maklumat yang sangat mencabar.

Ke arah itu golongan remaja haruslah dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang berguna di bidang akademik, keagamaan, latihan dan kepakaran, budaya dan tata susila, kemasyarakatan dan seumpamanya. Kaum belia juga harus disediakan dengan pelbagai wadah dan kegiatan sebagai saluran mengasah bakat dan daya kreativiti mereka.

Untuk menjana daya kreativiti mereka, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat terhadap pembangunan belia dan remaja di negara ini. Sebagai salah satu agenda penting, pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan tanpa kendur-kendur telah, sedang dan akan terus merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan belia di pelbagai bidang.

Golongan belia merangkumi lebih 60 peratus daripada keseluruhan penduduk negara ini dan terdiri daripada pelbagai agama, bangsa serta peringkat dan lapisan masyarakat. Mereka juga mempunyai tahap berfikir dan bertindak serta minat yang berlainan yang perlu diurus ke arah sesuatu yang positif dan cemerlang.

Tugas membentuk belia ke arah yang positif dan cemerlang bukanlah sesuatu yang mudah tetapi ia menghendaki perancangan dan pelaksanaan program-program yang teliti dan jitu. Apatah lagi ketika ini golongan remaja sentiasa terdedah kepada gejala-gejala sosial yang negatif dan amat membimbangkan.

Remaja hendaklah terhindar daripada kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral seperti ponteng sekolah, merokok, melawan ibu bapa dan guru-guru, pergaulan bebas, menyalahgunakan dadah, terlibat dalam kegiatan jenayah, judi dan seumpamanya.

Untuk menghindar kaum remaja daripada terlibat dengan gejala-gejala sosial tersebut, maka keprihatinan daripada ibu bapa, guru-guru, pemimpin-pemimpin masyarakat, badan-badan bukan kerajaan serta masyarakat umumnya hendaklah ditumpukan selari ke arah pembentukan remaja yang berilmu, berdisiplin, bertatasusila, berkemahiran dan cemerlang.

Para remaja perlu diberikan ruang untuk mengisikan masa lapang mereka dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat yang boleh memberikan pengajaran dan pengalaman untuk mereka mengharungi kehidupan di masa hadapan.

Sebagai contoh semasa cuti sekolah penggal pertama ini, para pelajar sebaiknya mengikuti kegiatan-kegiatan atau program-program sama ada berbentuk pendidikan, keagamaan, kemahiran atau kemasyarakatan yang dianjurkan oleh agensi-agensi dan persatuan-persatuan bukan kerajaan yang lain.

Dalam sama-sama mengambil peranan tersebut, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Jabatan Komunikasi bermula daripada 7 hingga 11 April telah menganjurkan Bengkel Kewartawanan Fotografi kepada penuntut-penuntut sekolah menengah bawah di Daerah Brunei dan Muara sebagai aktiviti mengisi-cuti penggal persekolahan mereka.

Bengkel tersebut sedikit sebanyak juga diharapkan akan dapat mendedahkan mereka kepada dunia kewartawanan fotografi di samping mengasah daya kreativiti di bidang tersebut. Mereka bukan sahaja boleh menjadikan bidang tersebut sebagai hobi yang menguntungkan malahan ia juga boleh dijadikan sebagai bidang kerjaya yang berpotensi kepada mereka yang berminat.

Pepatah Melayu mengatakan 'melentur buluh biarlah daripada rebung' dan 'jauh berjalan luas pemandangan' memang sesuai dalam pembentukan belia kerana kanak-kanak bukan sahaja perlu diasuh sedari kecil malahan perlu diberikan pelbagai pengalaman agar mereka benar-benar menjadi aset yang berguna kepada bangsa dan negara di masa hadapan.

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat bersama-sama lagi hadir di majlis yang berkebahjikan pada hari ini. Segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kepada keluarga, sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu izinkan saya untuk mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Jabatan Telekom Brunei kerana berkesudian menjemput saya hadir ke majlis pada pagi ini selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Pusat Urusniaga ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Telekom atas usaha membuka Pusat Urusniaga Telekom ini. Pembukaan Pusat Urusniaga pada hari ini merupakan satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mempertingkatkan dan memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai selaras dengan Tekad Pemudalian Orang Ramai Jabatan Telekom, untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang cekap dan bermutu tinggi. Usaha ini membuktikan keprihatinan Jabatan Telekom terhadap keperluan pengguna-pengguna dan pelanggan-pelanggannya. Saya penuh yakin dengan adanya inisiatif seperti ini para pelanggan akan lebih berpuas hati dan menaruh kepercayaan terhadap Jabatan Telekom.

Kita sedia maklum bahawa dalam dunia perniagaan dewasa ini, persaingan untuk menarik pelanggan terutama di sektor telekomunikasi semakin hebat. Sesebuah organisasi itu perlu memberi perhatian yang serius terhadap keperluan pelanggan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Dari itu saya menyeru kepada Jabatan Telekom supaya akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi kualiti dan tahap perkhidmatannya mengikut keupayaan dan kemampuan pegawai dan kakitangan di jabatan ini.

WAWASAN INDUSTRI TELEKOMUNIKASI DI NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Setiap hari industri telekomunikasi sentiasa berkembang pesat selaras dengan perubahan teknologi yang begitu pantas dengan kadar tempoh perubahan (system life span) yang semakin singkat. Memandangkan kepesatan perkembangan ini, adalah menjadi wawasan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membangun dan memperkembangkan industri telekomunikasinya sendiri. Adalah menjadi matlamat kita untuk memperkembangkan dan mempertingkatkan daya saing negara kita dan men-

INDUSTRI TELEKOMUNIKASI SEMAKIN MENCABAR



UCAPAN Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman di Majlis Pelancaran Rasmi Pusat Urusniaga Jabatan Telekom Brunei, Berakas pada 27 Mac, 2001.

jadikan negara ini sebagai pusat komunikasi di rantau ini.

Selaras dengan perkembangan pesat industri telekomunikasi, kerajaan sentiasa meneliti dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang ada supaya sesuai dengan kemajuan teknologi semasa. Di samping itu, usaha untuk mempertingkatkan kualiti dan tahap fizikal prasarana info-komunikasi negara ini akan terus dilaksanakan. Untuk ini Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Telekom telah pun menghadapkan cadangan bagi penambahan prasarana untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 nanti. Ini adalah bertujuan semata-mata supaya rakyat dan penduduk di negara ini akan dapat sama-sama menikmati manfaat daripada perkembangan-perkembangan teknologi terkini.

LIBERALISASI PERKHIDMATAN DAN PERALATAN DI NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Kita sedia maklum bahawa perkembangan industri telekomunikasi kini semakin mencabar dengan pengenalan perkhidmatan-perkhidmatan yang baru. Cita rasa pengguna yang semakin sofistikated menimbulkan permintaan dan keperluan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan baru yang semakin bertambah. Permintaan ini boleh mendatangkan bebanan dan cabaran kepada operator-operator perkhidmatan.

Bagi menghadapi cabaran ini, Kementerian Perhubungan

sentiasa berusaha untuk mewujudkan suasana yang lebih menggalakkan persaingan yang sihat di antara operator-operator perkhidmatan. Ini bertujuan untuk menggalakkan perkembangan industri telekomunikasi di negara ini di samping mewujudkan daya pembaharuan dan daya kreatif operator-operator perkhidmatan dalam menyediakan dan memperkenalkan perkhidmatan yang baru yang dapat memenuhi cita rasa pelanggan-pelanggan mereka. Sebagai contoh, Kementerian Perhubungan telah membukakan perkhidmatan telefon awam kepada penyedia kedua iaitu Syarikat DST Payphone Sendirian Berhad dengan menggunakan teknologi GSM. Kesan dari pembukaan ini kita mendapati bahawa perkhidmatan telefon awam telah tambah baik.

Baru-baru ini pula, Kementerian Perhubungan juga telah membukakan sektor internet yang sebelum ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Telekom. Hasil daripada liberalisasi tersebut, sebanyak empat lesen baru pengendali perkhidmatan internet (internet service providers) telah diberikan untuk menawarkan perkhidmatan mereka untuk memberikan kepelbagaian pilihan kepada orang ramai untuk melayari internet.

Salah satu perkhidmatan telekomunikasi yang mengalami pertumbuhan yang pesat di negara ini ialah perkhidmatan telefon bergerak selular. Perkhidmatan ini mula dikenalkan dalam tahun 1989 dengan 600 pelanggan. Dengan kemudah-

an-kemudahan yang baharu yang diberikan bilangan pelanggan telah menjangkau kira-kira 110 ribu pelanggan. Berdasarkan kepada saiz pasaran, kita menganggarkan bahawa kita boleh mengeluarkan satu lagi lesen kepada pengendali kedua telefon bergerak selular. Dalam hubungannya ini, saya sukacita memaklumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan kebenaran untuk mengeluarkan satu lagi lesen bagi pengendalian sistem telefon bergerak selular kedua di negara ini. Butir-butir lanjut mengenainya akan dikeluarkan oleh Kementerian Perhubungan dalam sedikit masa lagi dan kita berharap insya-Allah lesen ini akan dapat dikeluarkan dengan secepat-cepatnya yang boleh.

Kita berharap pembukaan atau liberalisasi industri perkhidmatan telekomunikasi ini akan mewujudkan persaingan (competition) yang sihat yang akan membolehkan hasil dan faedah yang lebih baik kepada pengguna dalam bentuk perkhidmatan yang lebih berkualiti, lebih reliable, dengan kadar bayaran yang berpatutan di samping penyediaan pilihan-pilihan kepada orang ramai.

PERHUBUNGAN LUAR BANDAR

Kita berbangga bahawa sistem perhubungan yang terdapat di negara ini adalah di antara yang terbaik di rantau ASEAN ini. Sejak beberapa tahun yang sudah, sistem dan rangkaian telekomunikasi di negara ini telah pun menggunakan sistem digital sepenuhnya. Jabatan Telekom Brunei selaku penggerak utama dalam pembangunan prasarana dan perkhidmatan telah banyak menyumbangkan kepada pemodenan sistem dan rangkaian telekomunikasi di negara ini. Dengan adanya sumbangan Jabatan Telekom ini, perhubungan infotelekomunikasi ke seluruh negara bukanlah lagi satu yang mustahil. Rakyat dan penduduk negara ini tidak terkecuali yang tinggal di pedalaman akan dapat sama-sama menikmati kemudahan-kemudahan tersebut dengan terlaksananya sistem rangkaian telekomunikasi di kawasan-kawasan pedalaman. Insya-Allah, bagi Daerah Tutong dan Temburong, rancangan ini akan dilaksanakan seawal-awalnya bulan Mei 2001, manakala bagi Daerah Belait ianya akan dilaksanakan pada awal tahun 2002 nanti.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DYTM hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Tuan Abdul Sattar sempena dengan Hari Pakistan.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia merakamkan ucapan penghargaan terhadap hubungan dan kerjasama yang dikongsi bersama oleh kedua-dua negara, di samping sumbangan yang dibuat oleh rakyat republik tersebut kepada Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berharap untuk meneruskan usaha-usaha bagi mengukuhkan hubungan dua hala yang sedia ada.

Sementara itu pada 26 Mac lepas, Duli Yang Teramat Mulia juga telah menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Tuan Abdus Samad Azad bersempena dengan Hari Kemerdekaan republik tersebut.

Tingkatkan pengetahuan undang-undang

BERAKAS, 3 Mac. - Pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang di Kementerian Hal Ehwal Ugama disaran meningkatkan pengetahuan undang-undang mereka ketika menjalankan tugas demi mengelakkan mereka sendiri diambil tindakan mahkamah oleh orang yang mereka dakwa.

Ini antara yang ditekankan oleh Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan, Jabatan Undang-Undang, Awang Mohd. Yusri bin Haji Junaidi ketika menyampaikan ceramahnya di Majlis Kursus Ulangkaji Pegawai Penguatkuasa Undang-Undang, Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Menurutnya, pengetahuan setiap pegawai penguatkuasa perlu ditingkatkan kerana terdapat sebahagian penguatkuasa menjalankan tugas tidak mengikut undang-undang dan peraturan yang ada, yang menyebabkan kesilapan seperti itu boleh pula diambil tindakan oleh orang yang didakwa.

Katanya, setiap pegawai penguatkuasa yang membuat seruan atau memberkas di tempat-tempat yang dipercayai menyimpan daging atau ayam yang diragukan kehalalannya, mereka mestilah membuat nota atau peringatan dengan perkara yang berkaitan kerana perkara-perkara seumpama itu boleh digunakan di mahkamah ketika membuat dakwaan.

Oleh Abdullah Asgar

Lebih 90 orang pegawai penguatkuasa termasuk pegawai-pegawai wanita menyertai kursus singkat tersebut. Selain mendengar ceramah undang-undang, peserta juga mendengar ceramah daripada Pegawai Kesihatan Awam, Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Awang Yusof bin Haji Ali yang mengaitkan dengan 'Akta Kesihatan Awam (Makanan) Penggal 182 dan Aturan-aturannya'.

Di samping itu, seorang lagi penceramah menyampaikan ceramah mengenai 'Akta Majlis Ugama Islam Penggal 77' dan 'Prosedur Tangkapan' yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Sawas bin Haji Jebat.

Di sebelah tengah hari, sesi ceramah diteruskan dengan tajuk 'Akta Menahan dan Ramasan Barang-barang Tegahan' oleh Penolong Penguasa Kastam, Awang Haji Jamil bin Haji Tuah.

Kemudiannya diikuti dengan ceramah mengenai 'Prosedur/Tatacara Pemeriksaan, Penahanan dan Pengeledahan Yang Bersopan Santun' yang disampaikan oleh Timbalan Penguasa Polis, DSP Awang Amiruddin bin Haji Junaidi.

MENURUTNYA, pengetahuan setiap pegawai penguatkuasa perlu ditingkatkan kerana terdapat sebahagian penguatkuasa menjalankan tugas tidak mengikut undang-undang dan peraturan yang ada, yang menyebabkan kesilapan seperti itu boleh pula diambil tindakan oleh orang yang didakwa.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Sambutan Perayaan Hari Keputeraan dikemaskinikan

Oleh Samle HJ

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 April. - Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 mengemaskinikan lagi atur cara sambutan perayaan yang akan bermula pada malam 15 Julai nanti.

Mesyuarat kedua itu telah dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 di Dewan Persantapan Lapau di sini.

Mesyuarat juga menerima laporan mengenai persediaan atur cara keberangkatan baginda ke daerah-daerah.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof menjelaskan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama sentiasa bersikap terbuka, telus dan ikhlas.

BERAKAS, 2 April. - Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sentiasa mengutamakan dan menitikberatkan kehendak hukum syarak melalui penguatkuasaan undang-undang sesuai dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan kedudukan negara ini sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula menjelaskan demikian di Majlis Perjumpaan Muhibah dengan Dewan Perniagaan Melayu, Persatuan Bumiputera dan syarikat persendirian di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Katanya, Kementerian Hal

Kerajaan utama hukum syarak

Oleh Abdullah Asgar

Ehwal Ugama sentiasa mempunyai sikap terbuka, telus dan ikhlas dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan kawalan ke atas daging halal dan pencegahan kemaksiatan yang melibatkan masyarakat Islam dan hukum syarak.

Segala maklumat, maklum balas, cadangan, teguran dan nasihat yang ikhlas dan membina daripada orang ramai khususnya umat Islam dan sektor swasta seperti pihak perhotelan/apartmen/rumah persinggahan kerajaan dan dewan-dewan perniagaan adalah sangat berguna.

Perkara sedemikian dapat membantu dan membolehkan Kementerian Hal Ehwal Ugama memilih cara atau kaedah yang terbaik dan berseesuaian bagi memperbaiki dan meningkatkan lagi kecekapan, keberkesanan dan profesionalisme dalam penguatkuasaan undang-undang dan peraturan dalam pengawalan daging-daging halal dan pencegahan kemaksiatan di negara ini.

Katanya, ini adalah selaras dengan kedudukan negara ini sebagai sebuah negara Islam dan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

"Mudah-mudahan langkah turun padang dan bersemuka yang seumpama ini dengan mereka yang terlibat dalam memberikan bantuan, kerjasama dan sokongan dalam penguatkuasaan undang-undang

dan peraturan di negara ini yang berkaitan dengan isu pencegahan kemaksiatan dan kawalan daging halal dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai kesan dan akibat daripada melanggar undang-undang dan peraturan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan hukum syarak," jelas beliau lagi.

Ini menurutnya, adalah semata-mata bagi memastikan supaya negara ini terhindar daripada segala kemaksiatan dan kemungkaran yang boleh merosakkan akidah, akhlak dan moral, menjejaskan keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan negara.

Tambahnya, selain bertujuan memberikan penerangan mengenai undang-undang dan peraturan, perjumpaan itu juga bagi meningkatkan kerjasama dan perhubungan antara agensi penguatkuasaan undang-undang di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan lain-lain kementerian dan jabatan yang terlibat dengan perkara ini.


Di samping itu tegasnya, ia juga bagi mendengar dan mendapatkan maklum balas lanjut mengenai perlaksanaan/penguatkuasaan undang-undang dan peraturan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

KATANYA, ini adalah selaras dengan kedudukan negara ini sebagai sebuah negara Islam dan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Majlis juga diselenggarakan dengan sesi mendengar maklum balas daripada pihak swasta yang terlibat serta sesi soal jawab bersama beberapa buah agensi kerajaan yang menyertai majlis tersebut.

Setelah itu majlis diteruskan lagi dengan taklimat dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para hadirin juga diberi peluang melawat pameran perkembangan dan kemajuan Kementerian Hal Ehwal Ugama sepanjang 1421 Hijrah tahun lalu.

Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC)



TEROKAI KERJASAMA PELBAGAI BIDANG

JALINAN persefahaman Asia Timur dan Amerika Latin yang telah termeterai di Mesyuarat Pertama Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC) berjaya merapatkan lagi hubungan kedua-dua benua lebih akrab, ke arah menerokai pelbagai bidang kerjasama.

Lebih bermakna lagi pertemuan dua hari menteri-menteri luar dan ketua-ketua delegasi di Republik Chile itu berjaya menghurai isu-isu yang menjadi perhatian kedua-dua belah pihak terutama, cabaran-cabaran dan peluang-peluang dalam

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
Gambar-gambar oleh Abdullah HAD

sains teknologi serta meningkatkan persefahaman dan dialog kerjasama.

Menteri Luar Republik Singapura, Tuan yang Terutama Profesor S. Jayakumar yang mempengerusikan mesyuarat

bersama rakan sejawatnya dari Chile, Puan Yang Terutama Puan Maria Soledad Alvear dalam sidang media di akhir Mesyuarat FEALAC berkata bahawa banyak bidang kerjasama telah dicapai antara negara anggota dan daripada persefahaman tersebut akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi, sosial dan budaya.

"Kami menumpukan forum ini dalam pelbagai dimensi yang bukan saja menumpukan kepada aspek perdagangan dan ekonomi, tetapi juga sebagai saluran untuk mendekatkan budaya dan persefahaman melalui pertukaran pengalaman masing-masing," ujar Tuan Yang Terutama.

Tuan Yang Terutama menjelaskan FEALAC, menjadi jambatan penghubung bagi merapatkan usaha sama yang lebih luas dengan memperoleh faedah-faedah masa depan yang cerah.

Walaupun jarak Asia Timur dan Amerika Latin jauh terpisah, kata Tuan Yang Terutama, namun FEALAC berjaya menghubungkannya sebagaimana yang sudah dijalin dengan Amerika Syarikat, Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC); ASEAN-EU, dan Asia-Eropah (ASEM) dan begitu juga Amerika Latin dan Amerika Utara dan EU.

Sehubungan itu, tambah Tuan Yang Terutama, antara Asia Timur dan Amerika Latin ini akan menjadi forum kerjasama yang dapat memberikan faedah bersama kedua-dua pihak dari masa ke semasa.

Pada asasnya Mesyuarat Pertama Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC) telah meluluskan dokumen rangka kerja mengenai prinsip, hala tuju, matlamat dan perancangan kerjasama jangka panjang.

FEALAC yang dianggotai oleh Argentina, Australia, Bolivia, Brazil, Negara Brunei Darussalam, Kamboja, Chile, China, Columbia, Costa Rica, Cuba, Ecuador, El Salvador, Republik Indonesia, Jepun, Korea, Laos, Malaysia, Mexico, Myanmar, Panama, Paraguay, Peru, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Uruguay, Venezuela dan Vietnam juga menemukan pasaran global yang meliputi bidang ekonomi dan dimensi politik.

Selain itu, FEALAC juga sepakat menjalin kerjasama antara wilayah untuk menjana keamanan dan kestabilan rantau.

Asia Timur dan Amerika Latin yang mengandungi negara-negara membangun akan dapat berkongsi pelbagai perkara untuk dibentangkan dalam forum di samping menyelidik aspek kerjasama seperti skop politik, sosial, kebudayaan, pendidikan, ekonomi dan pelbagai kerjasama yang lain.

Hubungan akrab dan kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin ini banyak mendorong kedua-dua pihak melakukan usaha sama di semua peringkat untuk mencapai kemajuan, keamanan dan kestabilan politik.

Forum daripada idea Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, itu juga berazam memajukan hubungan negara-negara anggota melalui

dialog kerjasama termasuk pendekatan yang melibatkan orang awam dan sektor swasta.

Kenyataan 25 perkara yang dikeluarkan pada akhir mesyuarat itu juga menyebutkan dokumen rangka kerja yang meliputi projek 'inter regional scope,' serta penyer-taan negara ahli dalam forum.

Para menteri dan ketua-ketua delegasi FEALAC juga bersetuju memperluaskan projek kerjasama, isu-isu tersendiri, dan memelihara persefahaman, kerjasama serta melaksanakan projek baru.

Kerjasama dan persefahaman ini akan membuka lembaran baru kepada negara ahli FEALAC untuk berkongsi pandangan melalui forum dan dialog bagi faedah keamanan dan kemajuan sejagat.



DULI Yang Teramat Mulla bersama para menteri dan ketua delegasi berangkat menghadiri sesi terakhir plenari Mesyuarat Pertama Forum FEALAC.

PADA asasnya Mesyuarat Pertama Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC) telah meluluskan dokumen rangka kerja mengenai prinsip, hala tuju, matlamat dan perancangan kerjasama jangka panjang.



DULI Yang Teramat Mulla berbual mesra bersama seorang ketua delegasi yang menghadiri Mesyuarat Pertama Menteri-menteri FEALAC.



KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulla Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah di Lapangan Terbang Santiago, Republik Chile dijunjung oleh Duta Besar Chile yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Roberto Ibarra.

Mesyuarat Pertama Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC)



DULI Yang Teramat Mulia bersama para menteri dan ketua-ketua delegasi Mesyuarat Pertama Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC) diraikan Majlis Persantapan di Istana Presiden.



MENTERI-MENTERI dan ketua-ketua delegasi FEALAC merakamkan gambar kenangan selepas sesi plenari Mesyuarat Pertama Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin, (FEALAC).



Liputan
Haji Ahat Haji Ismail
Gambar-gambar
oleh Abdullah HAD




DULI Yang Teramat Mulia mengadakan perjumpaan dua hala dengan Menteri Luar Chile, Puan Yang Terutama Puan Soledad Alvear.



PRESIDEN Chile, Tuan Yang Terutama Presiden Ricardo Lagos bersama isteri, menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Istana Presiden bagi Majlis Persantapan yang disembahkan oleh Presiden Chile.



MENTERI Luar Republik Chile, Puan Yang Terutama Puan Maria Soledad Alvear bersama Menteri Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar mempengerusikan sesi plenari Mesyuarat Menteri-menteri FEALAC.



PRESIDEN Chile, Tuan Yang Terutama Presiden Ricardo Lagos meraikan menteri-menteri dan ketua-ketua delegasi Majlis Santap Pagi di Istana Presiden.

Sempena Majlis Konvokesyen Ke-7 Maktab Jururawat PAPRSB

BERANGKAT KE MAJLIS KONVOKESYEN

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 31 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan berangkat menyempurnakan penyampaian diploma, sijil-sijil dan rencana kejururawatan di Majlis Konvokesyen Ke-7 Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, (PAPRSB).

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, ahli-ahli Lembaga Pengurusan dan Pengetua maktab berkenaan.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah.

Pengetua maktab tersebut, Dayang Hajah Suraya Noraidah dalam sembah alu-aluannya berkata, Maktab PAPRSB sebagai institusi yang mengeluarkan tenaga profesional kejururawatan sama ada di dalam memberikan penjagaan kepada pesakit di hospital atau di bahagian kemasyarakatan, akan terus meningkatkan mutu pelajar-pelajar melalui skim galakan yang sedang berjalan ketika ini.

Skim penghantaran pelajar-pelajar terbaik tambahnya, merangkumi semua aspek bukan saja mengambil kira prestasi akademik tetapi juga sebagai seorang yang benar-benar menepati ciri-ciri seorang jururawat yang berilmu, berwibawa, bersopan santun, penyayang, titih dan lutan demi mencapai matlamat pemberian perawat cemerlang kepada semua yang menghendakinya di masa kini dan akan datang.

Selepas mengurniakan sabda, Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan penyampaian diploma, sijil dan rencana kepada seramai 160 orang graduan yang menamatkan kursus masing-masing dalam pengambilan ke-11 sesi 1996-1999 dan pengambilan ke-12 sesi 1997-2000.

Penerima diploma adalah terdiri para jururawat yang menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang diploma kejururawatan termasuk lanjutan kejururawatan dalam kesihatan masyarakat, kemalangan dan kecemasan, kejururawatan kritikal, kejururawatan bilik pembedahan, kejururawatan pembedahan bahagian kepala dan muka serta kejururawatan therapeutik.

Di majlis berkenaan, beberapa orang graduan juga menerima hadiah-hadiah maktab bagi graduan-graduan terbaik.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal yang juga mengetuai bacaan Surah Al-Faatihah di awal majlis.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Yang Teramat Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama graduan-graduan yang menamatkan kursus dalam sesi fotografi.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah ketika berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen Ke-7 Maktab Jururawat PAPRSB. Berangkat sama ke majlis itu ialah adinda-adinda Yang Teramat Mulia. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan menyempurnakan penyampaian diploma, sijil dan rencana kepada dua orang graduan Maktab Jururawat PAPRSB di Majlis Konvokesyen Ke-7 maktab itu. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



Maktab Jururawat PAPRSB kendali sembilan kursus profesional

Oleh Siti Muslihat HS

MAKTAB Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB) sedang mengendalikan tujuh kursus ikhtisas di peringkat profesional iaitu kursus-kursus Diploma Kejururawatan Lanjutan.

Kursus-kursus Diploma Kejururawatan Lanjutan ini adalah dimestikan untuk memberikan kepakaran dan mendalami ilmu perawatn yang cemerlang.

Pengetua Maktab Jururawat PAPRSB, Dayang Hajah Suraya Noraidah semasa berucap di Majlis Konvokesyen Ke-7 maktab berkenaan pada 31 Mac lalu menjelaskan, pada tahun ini dua lagi kursus ikhtisas di peringkat Diploma Lanjutan telah pun diluluskan oleh Lembaga Pengurusan Maktab Jururawat PAPRSB dan sudah mula ditawarkan iaitu Kursus Diploma Perawatan Mata dan Kursus Diploma Perawatan Pesakit Menerima Ubat Pelalian atau Anaesthetic Nursing.

"Ini menjadikan Maktab Jururawat PAPRSB berkemampuan untuk mengendalikan sembilan buah kursus di peringkat profesional. Insya-Allah kursus-kursus seperti Kursus Diploma Perawatan Kanak-kanak, Diploma Perawatan Kesihatan Mental dan Diploma Lanjutan Pengurusan Kejururawatan sedang dalam perancangan dan akan ditawarkan pada tahun hadapan.

Insya-Allah Kursus Diploma Kejururawatan Lanjutan akan ditawarkan pada bulan Januari setiap bulan bagi membolehkan jururawat yang sudah berdaftar untuk mengikutinya. Kursus-kursus juga ditawarkan kepada jururawat di luar negara," jelasnya.

Ke arah mempertingkatkan profesionalisme kejururawatan, beliau melahirkan harapan supaya kemudahan di Maktab Jururawat PAPRSB akan sentiasa dipertingkatkan lagi melalui rancangan pengubahsuaian yang bersesuaian terutama kepada makmal-makmal kejururawatan yang mana akan menyediakan pelajar-pelajar jururawat kepada situasi sebenar bila berhadapan dengan pesakit dan

keluarga mereka.

"Ini perlu bagi menyepadukan segala teori yang diajarkan supaya pelajar-pelajar bukan hanya mencapai kecemerlangan akademik tetapi juga cekap di dalam memberikan perawatn secara total," tambahnya lagi.

Mengikut perangkaan, Maktab Jururawat PAPRSB sehingga kini telah mengeluarkan seramai 605 orang graduan di peringkat Diploma Kejururawatan Asas di mana dengan bertambahnya para graduan di bidang kejururawatan sekurang-kurangnya akan dapat meningkatkan perkembangan tenaga profesional di bidang kejururawatan di Kementerian Kesihatan.

Sehingga kini terdapat hampir 480 orang pelajar termasuk jururawat berdaftar yang mengikuti pelbagai bidang Kursus Kejururawatan Lanjutan di bahagian pengkhususan di maktab tersebut.

Jumlah ini termasuk tujuh orang pelajar melalui Biasiswa Komanwel dan enam lagi daripada negara Thailand. Dengan adanya pelajar-pelajar asing ini, sekurang-kurangnya akan memberikan daya saing yang mencabar bagi pelajar-pelajar tempatan untuk lebih maju di dalam mencapai kejayaan.

Menurut Pengetua Maktab Jururawat PAPRSB seterusnya, sebagai satu institusi yang mengeluarkan tenaga profesional kejururawatan sama ada di dalam memberikan penjagaan kepada pesakit di hospital atau di bahagian kemasyarakatan, maktab itu akan terus meningkatkan mutu pelajar-pelajar melalui skim-skim galakan yang sedang berjalan pada masa ini.

Skim penghantaran pelajar-pelajar terbaik katanya, yang merangkumi daripada semua aspek yang mana akan mengambil



MAKTAB Jururawat PAPRSB sedang mengendalikan tujuh kursus peringkat profesional, jelas Pengetua maktab itu, Dayang Hajah Suraya Noraidah. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

kira bukan saja prestasi akademik tetapi juga sebagai seorang yang benar-benar menepati ciri-ciri seorang jururawat yang berilmu, berwibawa bersopan santun, penyayang, titih dan lutan untuk mencapai matlamat pemberian perawat cemerlang kepada semua yang memerlukan.

Rakyat perlu terajui, tanai pembangunan negara

TUTONG, 31 Mac. - Pembangunan sesebuah negara tidak bermakna jika proses dan hasilnya tidak dapat ditangani dan dinikmati oleh rakyat dan penduduknya sendiri.

Matlamat pembangunan bukan sahaja untuk mewujudkan kesejahteraan dan kesejahteraan hidup atau pembangunan ekonomi semata-mata, malah juga bertujuan untuk membangun dan memajukan tenaga manusia.

Ini perlu kerana proses pembangunan itu sendiri boleh terjejas dan terbengkalai apabila rakyat dan penduduk sesebuah negara itu tidak dapat menanai dan menerajui pembangunan negara mereka sendiri, tegas Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail, Menteri Pembangunan di Majlis Dialog Mesra Rakyat Bagi Daerah Tutong yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini.

Yang Amat Mulia bersabda, pembangunan dan perubahan itu boleh diibaratkan senaman. Tanpa bersenam badan mulanya memang rasa selesa, tetapi lambat-laun ia lemah tidak bermaya.

Sebaliknya selepas bersenam, sabda Yang Amat Mulia lagi, badan terasa letih dan sakit serta sengal, tetapi dalam jangka panjang ia lebih sihat dan cergas, sentiasa berupaya untuk menghadapi cabaran yang lebih tinggi.

"Demi untuk melihat negara ini sentiasa maju, sihat dan cergas bukan sahaja dari segi jasmani, malah dari segi kualiti tenaga manusia, keagamaan, ilmu pengetahuan, kepimpinan, perusahaan, malah dari semua aspek pembangunan rakyat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejak tahun 60-an telah melaksanakan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) lima tahun berturut-turut hinggalah sekarang ini," terang Yang Amat Mulia.

Menurut Yang Amat Mulia, RKN tersebut ini bukanlah digubal mengikut kehendak pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia semata-mata, malah ia juga mengambil kira

Oleh Haji Ahmad HS

maklum balas penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang sentiasa disampaikan kepada Pegawai-pegawai Daerah dan semua ini dipertimbangkan untuk dilaksanakan mengikut keutamaan masing-masing.

Perlaksanaan RKN bukan sahaja menyediakan kemudahan asas, malah memberikan peluang bagi anak-anak tempatan untuk menceburi dan melibatkan diri dalam bidang-bidang perniagaan, pembinaan dan teknikal dalam pelaksanaan projek-projek yang dirancang dengan harapan dapat meningkatkan kemahiran dan kecekapan masing-masing.

Dalam hubungan itu, Yang Amat Mulia menyarankan segala usul-usul daripada penghulu dan ketua kampung perlulah diteliti oleh jabatan-jabatan berkenaan sama ada ianya bersifat kecekapan atau mengikut jadual dan keutamaan yang telah ditetapkan.

"Sudah setentunya cadangan-cadangan itu mendatangkan manfaat kepada keseluruhan masyarakat kampung, ianya akan lebih diberikan keutamaan daripada cadangan yang menguntungkan hanya sebilangan kecil penduduk kampung," sabda Yang Amat Mulia.

Majlis Dialog Mesra Rakyat merupakan program pembangunan kemasyarakatan yang penting dalam menghidupkan suasana kemesraan kehidupan rakyat, menjadi wadah penghubung 'komunikasi' dua hala antara kerajaan dengan rakyat.

Majlis tersebut melibatkan beberapa agensi-agensi kerajaan iaitu Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



MENTERI Pembangunan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail ketika berucap di Majlis Dialog Mesra Rakyat Bagi Daerah Tutong. Majlis berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Tutong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berucap merasmikan Bengkel Kewartawanan Fotografi Bagi Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Bawah anjuran Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Dari muka 1

"Dewasa ini belum ramai anak-anak tempatan yang menceburi diri di bidang kewartawanan. Ini dapat dilihat di dalam industri surat khabar tempatan masih bergantung kepada tenaga luar. Berbanding dengan negara-negara jiran di mana tenaga di dalam persuratkhabaran tempatan adalah diperlukan untuk diisikan oleh anak-anak tempatan sendiri," ujar Dato Paduka.

Terdahulu Dato Paduka berkata, penyertaan para pelajar dalam bengkel tersebut dapat dilihat kemanfaatannya dari pada beberapa aspek yang mana dari segi pendidikan, ia dapat memberikan kefahaman mengenai kewartawanan fotografi yang boleh membantu mereka dalam perbincangan dan membuat karangan.

Dalam waktu yang sama, jelas Dato Paduka, para pelajar juga akan beroleh pengetahuan

umum melalui kegiatan sampingan yang berkaitan dengan bengkel tersebut, manakala dari aspek kerjaya pula ia boleh mendorong mereka untuk menceburi bidang kewartawanan khususnya kewartawanan fotografi.

Dari aspek yang lain pula, tambah Dato Paduka, para pelajar akan dapat mengembangkan daya kreativiti mereka dengan menjadikan fotografi sebagai satu hobi di samping menghargai bidang tugas kewartawanan fotografi dan sumbangannya kepada pembangunan masyarakat.

Di majlis itu, Dato Paduka juga menyatakan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat terhadap pembangunan golongan belia dan remaja di negara ini.

Menurut Dato Paduka, pembangunan golongan belia dan remaja di pelbagai bidang merupakan agenda penting kerajaan yang tidak kendur-kendur dirancang dan dilaksanakan oleh agensi-agensi tertentu dalam kerajaan.

Dalam waktu yang sama saran Dato Paduka, para pelajar juga perlu memainkan peranan dan tanggungjawab dalam memastikan bahawa mereka adalah merupakan aset yang sangat berguna kepada bangsa dan negara.

Ia termasuklah tanggungjawab kepada diri mereka sendiri agar menjadi individu yang sempurna, bahagia di dunia dan akhirat serta berguna kepada bangsa dan negara melalui kecemerlangan di bidang pelajaran, mendisiplinkan diri serta menghindarkan daripada perbuatan dan kegiatan yang boleh merosakkan diri sendiri.

Selain dari itu tegas Dato Paduka, mereka perlu memenuhi tanggungjawab kepada ibu bapa yang mengharapkan anak-anak yang salih, tahu membalas jasa serta menjaga maruah dan nama baik keluarga.

Mereka juga harus bertanggungjawab kepada negara kerana negara dan masyarakat mengharap golongan belia yang berilmu pengetahuan untuk menjamin kesinambungan pembangunan negara, mempunyai semangat kecintaan kepada raja, bangsa dan negara yang tinggi untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan negara, di samping patuh kepada perlembagaan dan undang-undang negara.

Menjadikan masyarakat Brunei bermaklumat

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 7 April. - Salah satu misi Jabatan Penerangan ialah untuk menjadikan masyarakat Brunei bermaklumat iaitu dengan membuat pelbagai pendekatan kepada semua peringkat termasuk golongan belia atau pelajar.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin ketika menyampaikan ucapan alu-aluan di Majlis Perasmian Bengkel Kewartawanan Fotografi Bagi Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Bawah anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan di Jabatan Penerangan di sini.

Menurut Abd. Ghani, salah satu saluran penyampai maklumat jabatannya ialah melalui bahan-bahan terbitan seperti akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI, poster-poster, buku-buku dan seumpamanya yang didukung oleh gambar-gambar bagi membiasakan dan memberikan nilai tambah kepada terbitan-terbitan tersebut.

Beliau menambah, menyedari akan peranan atau kepentingan gambar itu, maka Jabatan Penerangan merasakan pentingnya maklumat dalam bentuk gambar dan pengetahuan dalam

bidang teknologi berkenaan disebarluaskan.

Ke arah itu, katanya, jabatannya telah mengorak langkah dengan mengadakan Bengkel Kewartawanan Fotografi di mana pesertanya terdiri daripada penuntut-penuntut tingkatan I hingga III dari sekolah-sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara sebagai satu kegiatan positif untuk mengisi masa percutian mereka.

Bengkel asas atau pengenalan yang julung-julung kali diadakan oleh Jabatan Penerangan dengan kerjasama rakan strategik iaitu Jabatan Ko-Kurikulum itu jelas Pengarah Penerangan, bertujuan untuk menajana daya kreativiti dan memberi pendedahan kepada mereka tentang asas-asas kewartawanan fotografi seperti teknik penggunaan kamera dan peralatanannya yang betul, pemilihan sudut penggambaran, pemprosesan filem termasuk penerangan mengenai penggunaan kamera digital yang tercanggih setakat ini.

Sepanjang bengkel itu, para peserta bukan

sahaja diberikan pendedahan dalam bilik kuliah malah akan dibawa ke beberapa lokasi untuk membuat latihan amali dengan mendekati kehidupan masyarakat setempat sambil menanamkan rasa cinta terhadap alam sekitar.

Selain dari itu, jelas Pengarah Penerangan, mereka juga akan mengikuti kursus kaunseling dari Unit Kaunseling, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Biro Kawalan Narkotik.

Abd. Ghani seterusnya menerangkan bahawa bengkel tersebut bukan sahaja akan memberi tumpuan kepada latihan pengambilan gambar-gambar, malah juga sebagai wadah pembelajaran dan kaunseling yang berunsurkan 'educational outing' sebagaimana yang dihasilkan oleh pendidikan ko-kurikulum.

"Hasil-hasil gambar dari bengkel itu nanti akan dijadikan bahan pameran dengan hasrat ia akan turut mendukung memberigakan Tahun Melawat Brunei 2001.

Walaupun gambar-gambar tersebut dihasilkan oleh penuntut-penuntut dalam lingkungan umur 12 ke 15 tahun, namun maklumat dan nilai seninya tetap ada," jelas Abd. Ghani.



SALAH satu misi Jabatan Penerangan ialah untuk menjadikan masyarakat Brunei bermaklumat, jelas Pengarah Penerangan, Abd. Ghani. - Gambar oleh Abdullah HAD.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima penerangan ringkas salah satu pameran yang dipamerkan di Muzium Brunei daripada Pegawai Muzium Brunei (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia tertarik dengan hasil kraf tangan yang dibuat di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, sambil berkenan menerima penerangan daripada pegawai pusat tersebut. Juga kelihatan ialah murid-murid dari Sekolah St. Andrew's. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Melawat PLKPTB dan Muzium Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 April. - Sempena cuti penggal pertama yang bermula Jumaat lalu selama dua minggu, pelbagai kegiatan telah dijalankan oleh maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah dan juga rendah dengan mengadakan jualan amal, rentas desa dan juga tidak ketinggalan mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang menarik di negara ini.

Serombongan 168 orang murid Sekolah St. Andrew's telah mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei (PLKPTB) yang terletak satu kilometer dari pusat bandar.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, anakanda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Oleh Haji Ahmad HS dan Siti Muslihat HS

Darussalam adalah penuntut sekolah tersebut yang menyertai dalam lawatan itu.

Di pusat itu, para pelawat dibawa melawat ke tempat-tempat seperti dewan pameran dan jualan hasil kraf tangan daripada perak, tembaga dan sebagainya, dan mereka juga dibawa menyaksikan hasil kraf tangan daripada perak, tembaga dan kayu yang dihasilkan oleh para penuntut pusat berkenaan.

Dari Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berserta penuntut-penuntut dari Sekolah St. Andrew's

meneruskan lawatan ke Muzium Brunei.

Sebelum meneruskan lawatan ke beberapa dewan pameran di sini, rombongan tersebut terlebih dahulu menyaksikan tayangan video mengenai penemuan alat-alat purba dalam kapal karam yang dijalankan selepas penemuannya pada tahun 1998.

Sepanjang lawatan itu, rombongan Yang Teramat Mulia diberikan taklimat oleh Pengiran Dr. Karim bin Pengiran Haji Osman, Kurator Arkeologi yang juga selaku Pengurus Bangunan Muzium Brunei.

Pada tahun lalu, Muzium Brunei menerima seramai 61,284 orang pengunjung termasuk pengunjung berulang, sementara dari awal bulan Januari hingga Mac 2001, muzium tersebut mencatatkan seramai 8,407 orang pengunjung.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah ketika berucap merasmikan Mesyuarat Ke-19 Kumpulan Kerja Pengangkutan APEC. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Industri pengangkutan semakin mencabar

BERAKAS, 2 April. - Pengangkutan telah dan akan terus memainkan peranan penting di dalam perkembangan ekonomi dan kesejahteraan sesebuah negara dan juga sejagat.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah berkata, pertumbuhan pesat dalam lalu lintas pengangkutan terutamanya dalam sektor penerbangan dijangka akan berterusan di abad ke-21 ini.

Berucap di Majlis Pembukaan Mesyuarat Ke-19 Kumpulan Kerja Pengangkutan APEC yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Dato Paduka Awang

Haji Abdullah menambah, pertumbuhan yang berterusan ini telah memberikan cabaran dan membuka peluang-peluang kepada industri pengangkutan.

"Kerajaan dan industri haruslah bekerjasama untuk menghadapi cabaran-cabaran ini dan berusaha mencari penyelesaian kepada isu-isu yang timbul.

Kepayaan sistem pengangkutan untuk mengendali pergerakan manusia dan barangan adalah kritikal dalam memaksimumkan produktiviti ekonomi, memudahkan perdagangan dan pengangkutan orang ramai.

Dari itu, kita harus menggalakkan suasana institusi yang

Oleh Siti Muslihat HS

dapat menyumbang ke arah perkembangan sistem pengangkutan yang selamat dan efisien yang masing-masing boleh memudahkan pengguna dan pembebas, tegas Dato Paduka seterusnya.

Kumpulan Kerja Pengangkutan APEC adalah forum serantau yang bertanggungjawab untuk melaksanakan keputusan dan arah tuju yang dibuat oleh menteri-menteri pengangkutan APEC dan ketua-ketua ekonomi APEC di dalam kerjasama teknikal serta pembebasan dan

pemudahan perdagangan dan pelaburan dalam bidang pengangkutan.

Mesyuarat kali ini antara lain membincangkan kerjasama ke arah pengangkutan yang bersepadu dan isu-isu pengangkutan serantau APEC yang termasuk peningkatan daya saing industri pengangkutan dan infrastruktur, sistem pengangkutan yang selamat dan mesra alam sekitar serta teknologi-teknologi baru dalam pengangkutan dan perkembangan tenaga manusia yang juga meliputi latihan, penyelidikan dan pendidikan.

Selain itu, mesyuarat kali ini membincangkan persediaan-

persediaan bagi Mesyuarat Ketiga Menteri-menteri Pengangkutan APEC yang akan diadakan di Peru pada awal bulan Oktober nanti.

Mesyuarat lima hari itu dipengerusikan bersama oleh Pegawai Tugus-Tugas Khas Kementerian Perhubungan, Awang Haji Metassin bin Haji Md. Daud dan Awang Nigel Mouat dari New Zealand.

Seramai 210 orang delegasi daripada 18 anggota ekonomi APEC termasuk 50 orang delegasi dari negara tuan rumah serta pemerhati daripada pertubuhan-pertubuhan pengangkutan serantau dan antarabangsa hadir semasa mesyuarat tersebut.

Tiga pegawai ditetapkan dan dinaikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 April. - Jabatan Perkhidmatan Awam sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah

perkenan bagi pegawai-pegawai berikut :

Awang Haji Jemat bin Haji Ampal, Pemangku Pengarah Penyelidikan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Penyelidikan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mulai 11 Zulkaedah, 1421/5 Februari, 2001.

Awang Haji Mahmud bin Pengarah Digadong Haji Abu Bakar, Pegawai Tugus-Tugas Khas Kementerian Hal Ehwal Ugama dinaikkan pangkat dan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pegawai Tugus-Tugas Khas Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama mulai 6 Syawal, 1421/2 Januari, 2001.

Pengiran Haji Mohiddin bin Pengiran Haji Badaruddin, Pemangku Penolong Pengarah Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan di Jabatan Perkhidmatan Awam dinaikkan pangkat dan seterusnya ditetapkan dalam jawatannya sebagai Penolong Pengarah Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan di Jabatan Perkhidmatan Awam mulai 8 Muharam 1422/1 Mei, 2001.

Waspada terhadap kaedah teknologi maklumat

PENGALIRAN maklumat yang begitu cepat dan terkini mengenai ekonomi kewangan, perdagangan dan pelaburan yang dibawa oleh rangkaian internet dan penyiaran satelit dengan mudah mempengaruhi serta memberi implikasi kepada pasaran kewangan, stok barangan, perdagangan dan pelaburan di samping berdaya mengubah minda tanggapan serta pemikiran.

Peralihan perubahan ini tidak dapat dinafikan tetapi kita hadapi kerana ianya membawa cabaran-cabaran besar di samping membawa kesan positif dan negatif kepada keadaan ekonomi, sosial dan struktur masyarakat. Pembangunan manusia amat penting kerana boleh merangsang individu bagi melakukan sesuatu atau tidak melakukannya. Membina sikap yang betul dan sempurna setentunya akan menghasilkan seperti yang diharapkan.

Kita perlu memberi mereka ilmu, sikap yang positif dan ketrampilan terhadap apa pun juga usaha yang hendak dilakukan kerana pembangunan manusia itu meliputi motivasi, ketahanan mental, fizikal dan sikap serta tanggungjawab, lagi pun segala kegiatan manusia itu harus dilakukan selaras dengan fitrahnya dan juga tuntutan Islam. Di dalam keadaan ini disedari bahawa terdapat pihak-pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan bagi memenuhi agenda tersendiri mereka dengan memperguna serta memperalatkan teknologi maklumat dan informasi yang telah sedia ada.

Sebahagian daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu tidak langsung memperhitungkan tentang nilai kehidupan selesa masyarakat yang telah menjadi mangsa mereka. Tambahan pula proses globalisasi yang dipengaruhi oleh ledakan teknologi maklumat dan komunikasi secara langsung menjadikan negara di dunia dalam banyak aspek secara meluas saling berganding di antara satu dengan yang lain.

Masing-masing hendaklah diberikan tanggungjawab yang sebanding dengan kemampuan mental, fizikal dan emosi. Kesedaran terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepada seseorang itu amat penting dalam proses pembangunan manusia. Sehubungan dengan itu, rakyat serta penduduk negara ini hendaklah bersikap waspada dan berhati-hati di dalam menangani perubahan, cabaran dan peralihan kesan daripada ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang antaranya mewujudkan krisis kegawatan ekonomi.

Seseorang tidak akan dapat melakukan sesuatu dengan sempurna tanpa sebarang perancangan yang sempurna, di samping kefahaman bahawa setiap perkara hanya boleh berlaku mengikut fitrahnya sendiri seperti dalam mempelajari ilmu, kita sukar memahami bahan ilmu, kita sukar memahami bahawa ilmu yang tinggi jika

BAWA PERUBAHAN POSITIF

OLEH HAZIQAH FAKHRIYAH BINTI MOHD. DAUD

tidak mempunyai asas ilmu itu dengan kata lain, tiada jalan singkat dalam proses pembangunan manusia itu.

Hasil daripada penelitian dan penilaian itu sudah pasti membolehkan kita untuk mudah merangka strategi dan langkah tindakan bagi mengatasi permasalahan baik secara individu mahupun berkumpulan, dengannya juga kita akan sentiasa siap siaga untuk terus sama-sama menikmati kemajuan, pembangunan, perubahan dan peralihan bagi manfaat kita bersama.

Kesepaduan dari segi mental, fizikal, moral dan kerohanian hendaklah dilakukan serentak bagi melahirkan insan yang bersepadu kehidupannya. Oleh itu bagi mencapai kesepaduan ini ianya perlu dilakukan secara berulang-ulang kerana hubung kaitnya yang rapat dengan sikap manusia.


Kita sedia maklum bahawa sikap manusia sentiasa dipengaruhi oleh keadaan dan suasana, maka pembangunan secara berterusan dan berulang-ulang amat perlu bagi mencapai atau mencipta suatu gerak laku sementara berubah kepada sikap yang kekal dan kukuh pendirian. Serentak dengan itu, kita harus meningkatkan kemahiran

dan menghasilkan produktiviti sesuai dengan hasrat kita untuk menjadikan bumi darussalam ini sebagai pusat pembangunan perkhidmatan rantau ASEAN.

Kesimpulannya pembangunan manusia yang bersifat bersepadu antara kemampuan fizikal dan kemantapan kerohanian banyak membantu untuk membina serta bagi melahirkan manusia ke peringkat kesempurnaan yang setentunya akan dapat menangani pelbagai masalah termasuklah tentang isu-isu yang bersangkutan dengan kenegaraan.

Apa yang jelas kepada kita semua ialah perlunya ditanamkan sikap atau sifat peramah, adil, 'ingau', serta sanggup melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya bagi kepentingan bersama yang merupakan asas kecemerlangan di samping membawa pembaharuan yang positif terutama sekali dari segi kita menghayati nilai-nilai Islam sebagai panduan ke arah memimpin dan membangun negara.

Keadaan ini menuntut semua pihak agar memandang masa hadapan dengan positif dan menumpukan perhatian kepada cara yang terbaik untuk memulihkan keyakinan menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang sangat-sangat diperlukan di rantau ini. Lebih-lebih lagi ianya bertepatan dengan suasana kita melangkah ke arah kemajuan yang akan menuntut banyak tindakan yang akan dibuat dan menguji sejauh mana kewibawaan itu.



GAMBAR HIASAN ... Pembangunan manusia yang bersifat bersepadu banyak membantu, membina dan melahirkan manusia yang sanggup melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya kepada agama, bangsa dan negara.

MASING-MASING hendaklah diberikan tanggungjawab yang sebanding dengan kemampuan mental, fizikal dan emosi. Kesedaran terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepada seseorang itu amat penting dalam proses pembangunan manusia. Sehubungan dengan itu, rakyat serta penduduk negara ini hendaklah bersikap waspada dan berhati-hati di dalam menangani perubahan, cabaran dan peralihan kesan daripada ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang antaranya mewujudkan krisis kegawatan ekonomi.

Oleh Siti Muslihat HS
Gambar-gambar oleh
Masri Osman

UBD tawar lebih banyak program berkembar

TUNGKU, 29 Mac. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) sedang berusaha bagi menawarkan lebih banyak program berkembar yang baru dalam bidang perubatan di tahun-tahun akan datang.

Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam semasa berucap di Majlis Perasmian Program Orientasi Pelajar-pelajar Sarjana Muda Sains Bio-Perubatan menjelaskan bahawa pihak universiti melalui Institut Perubatan dan Fakulti Sains juga sedang giat mengadakan perundingan dengan beberapa buah universiti luar negara untuk memperluaskan program berkembar dalam bidang pre-medical dan perubatan.

"Dengan bertambahnya program-program berkembar ini, pelajar-pelajar Brunei akan mempunyai pilihan yang luas untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan," jelas Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman di majlis yang berlangsung di Dewan Kafeteria di sini.

Menyentuh mengenai kelayakan penuntut untuk mengikuti pengajian di bidang Sarjana Muda Sains Bio-Perubatan yang baru diperkenalkan itu, Dato Paduka Seri Setia berkata, pemilihan untuk mengikuti program ini bukan hanya berasaskan kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan minima, tetapi juga adalah berdasarkan kepada prestasi serta ketrampilan calon semasa temu duga.

Temu duga itu, menurutnya lagi, adalah perlu untuk memastikan calon-calon yang dipilih adalah mempunyai sikap yang positif mengenai program ini, supaya ianya tidak dijadikan sebagai batu loncatan atau pasport untuk belajar di luar negeri semata-mata.

"Program Bachelor of Biomedical Science ini diperkenalkan untuk memberikan peluang seluas-luasnya bagi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, penduduk tetap dan pelajar-pelajar luar negeri mengejar cita-cita mereka melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan.

Adalah juga dipersyaratkan bagi pelajar-pelajar yang mengikuti program Bachelor of Biomedical Science ini untuk sekurang-kurangnya mencapai purata gred 4.0 (GPA 4.0) dalam dua semester pengajian di UBD sebelum mereka dipertimbangkan untuk diterima melanjutkan pengajian dalam program Bachelor of Biomedical Science tersebut," tegas Dato Paduka Seri Setia lagi.

Dato Paduka Seri Setia menambah, bagi mereka yang mencapai GPA 4.0 atau lebih, satu proses pemilihan melalui temu duga akan diadakan sekali lagi di akhir tahun pertama program ini untuk memastikan hanya pelajar-pelajar yang betul-betul layak dari segi sikap dan iltizam akan diterima untuk melanjutkan pengajian dalam Graduate MBBS Programme di Universiti Queensland (UQ), asalkan mereka terus dapat mempertahankan tahap pencapaian sekurang-kurangnya GPA 4.0 di sepanjang tiga tahun mereka mengikuti program di UBD dan UQ.

Bagi pelajar-pelajar yang tidak dipertimbangkan untuk meneruskan pengajian program Bachelor of Biomedical Science selepas semester kedua di UBD, mereka ini akan disalurkan ke program-program 'Allied Health Sciences', seperti program 'Occupational Therapy', 'Physiotherapy', 'Pharmacy', dan bagi mereka yang berminat meneruskan pengajian di UBD



akan disalurkan ke dalam program BSc. dalam bidang biologi dan kimia yang akan diperkenalkan atau dalam program BSc. Mathematics yang memang sudah sedia ada, ujar Dato Paduka Seri Setia seterusnya.

Program Berkembar Biomedical Science UBD dan Universiti Queensland, Australia ini

PROGRAM Bachelor of Biomedical Science ini diperkenalkan untuk memberikan peluang seluas-luasnya bagi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, penduduk tetap dan pelajar-pelajar luar negeri mengejar cita-cita mereka melanjutkan dalam bidang perubatan.

NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon menjelaskan, UBD melalui Institut Perubatan dan Fakulti Sains akan memperluaskan program berkembar dalam bidang pre-medical dan perubatan.

diikuti oleh 23 orang penuntut. Dalam tempoh program selama tiga tahun, para penuntut akan terlebih dahulu menjalani kursus selama satu tahun setengah di UBD dan akan meneruskan selebihnya ke Universiti Queensland tertakluk kelayakan yang akan diperolehi kemudian.

Pengenalan program ini merupakan satu langkah positif ke arah perkembangan pendidikan dalam bidang perubatan di negara ini, yang mana ianya juga dijangkakan dapat menjimatkan perbelanjaan.

Wakil PELITA BRUNEI di majlis itu sempat membuat pendekatan bersama dua orang pelajar yang mengikuti program tersebut.

Dayang Nurulummi binti Haji Adnan, 19, apabila ditanya mengenai mengapa ia memilih bidang ini, beliau menjelaskan bidang ini memberikan peluang atau pilihan yang luas.

"Saya suka dengan tugas-tugas di makmal, jadinya saya berhasrat untuk menjadi seorang bio-

technologist memandangkan bidang ini jarang diceburi," jelasnya ringkas.

Di samping itu, beliau yang merupakan anak bongsu daripada lima orang adik-beradik seterusnya berharap, akan dapat menghadapi cabaran-cabaran serta memperoleh pengalaman dalam menyesuaikan diri dengan kehidupan di universiti.

Sementara itu, Awang Norzaiddi bin Haji Md. Saini, 18, ketika ditemui pula berharap kemasukannya ke universiti itu nanti akan memantapkan dirinya sebagai seorang ahli universiti.

Selain daripada dorongan ibu bapanya dan juga guru-guru yang pernah mengajarnya di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, bidang pengajian ini menurutnya, memang diminatinya. Seperti juga Dayang Nurulummi, beliau berpendapat bidang ini memberikan peluang yang banyak untuk diterokai.



AWANG Norzaiddi bin Haji Md. Saini, 18 tahun, seorang pelajar yang menyertai Program Berkembar Biomedical Science UBD dan Universiti Queensland, Australia.



DAYANG Nurulummi binti Haji Adnan, 19 tahun, berhasrat menjadi seorang bio-technologist memandangkan bidang tersebut jarang diceburi.



SERAMAI 23 orang penuntut yang menyertai Program Berkembar Biomedical Science UBD dan Universiti Queensland, Australia.

Persiapkan diri dengan bekalan amal salih

MARILAH kita sama-sama meningkatkan rasa ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan jalan mengerjakan apa-apa yang disuruh, serta menjauhkan dan seterusnya meninggalkan apa-apa jua yang dilarang. Semoga dengan cara ini kita akan sentiasa berjalan di atas landasan yang lurus, dan bukannya landasan bagi mereka yang dimurkai dan mereka yang sesat.

Kematian bagi tiap-tiap yang bernyawa pasti datang. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 185 yang tafsirannya :

"Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada Hari Kiamat sahajalah disempurnakan balasan kamu."

Apabila kita sebut akan mati, kita akan merasa takut. Kerana mati itu adalah suatu musibah, suatu yang menyeksakan, suatu yang menyakitkan, satu kejadian yang paling menakutkan dan mengerikan. Mati bukanlah titik noktah bagi satu kehidupan, akan tetapi ia merupakan suatu jambatan untuk memulakan kehidupan yang baru di alam barzakh dan seterusnya akan terus kekal hidup di alam akhirat. Sesungguhnya kita amat dituntut agar mati di dalam keadaan beriman sebagaimana Allah Subhanahu Wataala telah berfirman di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Baqarah ayat 132 yang tafsirannya:

"Maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam."

Namun bagi orang yang memandang kecil persoalan akhirat, ia tidak akan mengambil berat tentang persoalan mati dan bagaimanalah kesudahan ia akan mengakhiri hayatnya. Hanya orang yang benar-benar yakin dengan mati dan pertemuan dengan Allah Subhanahu Wataala di akhirat dan sentiasa memperhitungkan tentang nasibnya di akhirat dan sentiasa bimbang bagaimana cara hayatnya berakhir, akan sentiasa berdoa dan memohon kepada Allah Subhanahu Wataala supaya Allah menutup hayat mereka dalam keadaan husnul khatimah iaitu mati dalam keadaan beriman. Walaupun persoalan mati dan bagaimana bentuk kematian kita, ia adalah di dalam pengetahuan dan urusan Allah Subhanahu Wataala, namun kita selaku hamba-Nya digalakkan untuk terus berusaha dan berdoa agar Allah Subhanahu Wataala menjauhkan kita dari mati dalam keadaan kafir (sual khatimah).

Kematian merupakan suatu yang menakutkan bagi orang yang lemah imannya dan bagi mereka yang belum bersedia untuk mati. Kita selalu berdoa supaya usia kita dilanjutkan dan bukan pula supaya segera dimatikan. Kenapa manusia suka kalau umur mereka dipanjangkan dan dapat hidup lebih lama? Ini tertakluklah kepada niat individu tersebut, belum bersedia untuk mati sama ada kerana amalan dan bekalan pahala belum mencukupi, atau

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nahl ayat 21 yang tafsirannya:



Suara dari mimbar

"Di mana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekalipun kamu berada di dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh."

Agama Islam menuntut supaya kita selalu ingat kepada mati. Cara yang paling berkesan untuk mengingat mati ialah agar sering melawat sanak keluarga

atau teman, sahabat dan kenalan yang sedang menderita sakit di rumah masing-masing atau di rumah sakit. Sering menyaksikan orang menghembuskan nafas yang terakhir, sering datang bertakziah ke rumah orang yang sudah mati, sering turut mengurus jenazah, memandikannya, menyembah-

DARI itu kita umat Islam wajiblah mempersiapkan diri dengan bekalan-bekalan amal salih dari muda lagi, jangan terlalu suka melengah-lengahkan atau bersikap sambil lewa dalam mengerjakan kewajipan ibadat dan janganlah juga menunggu hari tua baru hendak beramal kerana kita tidak tahu bila kita akan dimatikan.

yangkannya, menghantar jenazah ke kubur, menyaksikan jenazah dimasukkan ke liang lahad atau kubur dan sering mendoakan terhadap orang-orang yang sudah mati, lebih-lebih lagi terhadap ibu bapa sendiri. Dengan sikap demikian akan menjadikan kita selalu ingat diri, menjauhi segala perkara-perkara yang mungkar serta akan sentiasa beringat tujuan kenapa kita dihidupkan di muka bumi ini. Kita lahir ke dunia untuk mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wataala, melaksanakan yang diwajibkan dan yang disuruh serta menjauhi larangan-Nya, di samping berperanan untuk menjaga keamanan dan keharmonian bumi ini dan seisinya.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Anas radiallahuanhu yang kira-kira bermaksud:

"Perbanyakanlah oleh kamu mengingat akan mati, bahawasanya ia dapat menghapuskan dosa dan menahkan daripada rakus kepada dunia."

Oleh kerana ajal itu tidak diketahui bila datangnya, di mana dan bagaimana kita akan mati, kita hendaknya selalu waspada dan berhati-hati agar situasi kehidupan kita sentiasa berada dalam suasana beriman dan bertakwa. Ada beberapa jalan atau cara yang boleh kita amalkan semoga kita sentiasa berada dalam keadaan beriman apabila menyambut kematian kelak, antaranya ialah:

1. Sentiasa merasa di bawah penguasaan Allah Subhanahu Wataala, iaitu apabila keimanan yang kuat kepada Allah Subhanahu Wataala serta yakin tidak ada yang lebih berkuasa selain dari-Nya, kita tidak akan merasa takut kecuali hanya kepada Allah Subhanahu Wataala. Dengan itu kita juga akan sentiasa memelihara diri dari kemungkaran dan kemaksiatan kerana kita tahu bahawa Allah Subhanahu Wataala Maha

Mengetahui segala tingkah laku manusia, yang baik atau tidak, yang dalam keadaan terang atau gelap, bahkan apa yang tersirat di dalam hati pun diketahui juga. Dengan keimanan sebegini kita akan merasa selalu diawasi oleh Allah Subhanahu Wataala yang Maha Agung sehingga akhirnya diri kita tertuntun pada jalan yang baik lagi benar.

2. Mengenal alam barzakh iaitu tempat kita disemadikan sementara sebelum perhitungan di Hari Kiamat. Dengan meyakini bahawa adanya seksa kubur bagi yang berdosa dan kufur akan sentiasa menjadi peringatan bagi kita untuk sentiasa patuh kepada kewajipan kerana takut akan dosa dan azab yang bakal diterima di alam kubur kelak.

3. Memahami dan mempercayai adanya Syurga dan Neraka. Dengan yang demikian kita akan selalu berhati-hati serta mempertimbangkan dengan saksama amalan, tingkah laku, perbuatan atau percakapan sebelum melaksanakannya, kerana kita tahu amalan yang baik balasannya Syurga, manakala yang buruk pula balasannya azab Neraka.

Dari itu kita umat Islam wajiblah mempersiapkan diri dengan bekalan-bekalan amal salih dari muda lagi, jangan terlalu suka melengah-lengahkan atau bersikap sambil lewa dalam mengerjakan kewajipan ibadat dan janganlah juga menunggu hari tua baru hendak beramal kerana kita tidak tahu bila kita akan dimatikan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Qaaf ayat 19 yang tafsirannya :

"Dan apabila sampai ajal seseorang, datanglah 'sakaratul maut' membawa kebenaran (yang telah dijanjikan, serta dikatakan kepada yang mengingkarinya sebelum itu) inilah perkara yang engkau mengelak diri daripadanya."

Waktu Sembelih, Amalat, Shorok dan Zuhri

Waktu 2 sembelih, amalat, shorok dan zuhri berkali-kali di atas muara muara dari hari Rabu, 17 Muharram 1422 bermula 11 April 2001 hingga 23 Muharram 1422 bermula 17 April 2001 adalah seperti berikut:-

Hijrah	Zuhri	Esr	Mugrib	Esha	Amalat	Shorok	Zuhri	Sembelih
17	12.23	3.29	6.28	7.38	4.48	6.15	6.38	11
18	12.23	3.29	6.28	7.38	4.48	6.15	6.38	12
19	12.22	3.30	6.28	7.38	4.47	6.14	6.37	13
20	12.22	3.30	6.28	7.38	4.47	6.13	6.37	14
21	12.22	3.31	6.28	7.38	4.46	6.13	6.36	15
22	12.22	3.31	6.27	7.38	4.46	6.13	6.36	16
23	12.21	3.31	6.27	7.38	4.45	6.12	6.36	17

Waktu 2 sembelih berkali-kali di atas muara muara berkali-kali di atas muara muara dari hari Rabu, 17 Muharram 1422 bermula 11 April 2001 hingga 23 Muharram 1422 bermula 17 April 2001 adalah seperti berikut:-

NAMUN bagi orang yang memandang kecil persoalan akhirat, ia tidak akan mengambil berat tentang persoalan mati dan bagaimanalah kesudahan ia akan mengakhiri hayatnya. Hanya orang yang benar-benar yakin dengan mati dan pertemuan dengan Allah Subhanahu Wataala di akhirat dan sentiasa memperhitungkan tentang nasibnya di akhirat dan sentiasa bimbang bagaimana cara hayatnya berakhir, akan sentiasa berdoa dan memohon kepada Allah Subhanahu Wataala supaya Allah menutup hayat mereka dalam keadaan husnul khatimah iaitu mati dalam keadaan beriman.

Bolehkah Menghadiri Upacara Pengebumian Mayat Orang Bukan Islam?

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'Alaa Aalibie Wasabbihie Waman Walah.

MEMASUKI GEREJA

GEREJA ialah sebuah bangunan tempat beribadat penganut Kristian. Gereja disebut pelbagai nama mengikut saiz dan penggunaannya. Jikalau gereja kecil dan penggunaannya dikhususkan, ia disebut chapel. Tetapi terdapat juga istilah umum yang digunakan untuk gereja iaitu disebut church. Abbey pada asalnya bermakna asrama paderi-paderi tetapi kini telah diperluaskan penggunaannya hingga lebih membawa erti gereja besar. Biasanya bahagian utama gereja berbentuk salib. Gerbang gereja pada mulanya berbentuk bulat, tetapi kemudiannya tirus ke atas bagi melambangkan keteguhan dan keagungan. (Ensiklopedia Malaysia: 5/109-110)

Jika berlaku kematian, biasanya mayat orang kafir (Kristian) dibawa ke dalam gereja khas keagamaan dan ia adalah menjadi salah satu syiar atau tanda khusus bagi agama mereka. Cara seperti ini tidak ada di dalam Islam dan bagi orang Islam sendiri tidak dibenarkan turut bersama mengikuti atau menyertai acara keagamaan mereka itu.

Menurut sesetengah kitab yang menghuraikan hukum-hukum yang berkaitan dengan orang kafir zimmi ada menyebutkan bahawa gereja-gereja mereka itu adalah tempat-tempat

pat laknat, kemarahan dan kemurkaan turun kepada mereka di dalamnya sebagaimana dikatakan oleh sebahagian sahabat: "Jauhi oleh kamu akan orang-orang Yahudi dan Nasrani di hari-hari kebesaran mereka kerana kemurkaan turun kepada mereka pada hari-hari itu." Selain daripada itu, gereja itu termasuk di antara rumah (tempat) musuh-musuh Allah, rumah musuh-Nya pula adalah tidak layak dijadikan tempat beribadat kepada-Nya. (Ibn Qayyim Al-Jauziyah, Ahklam Ahl Zimmah, 3:1230-1231)

Apabila demikian halnya gereja itu, maka tidak elok bagi seseorang Muslim memasukinya tanpa sebab-sebab tertentu, sebagaimana dicatatkan dalam



IRSYAD HUKUM
DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

sejarah pembukaan Bait Al-Muqaddas bahawa Sayidina Umar Radiallahuanhu pernah memasuki gereja Al-Qumamah (Al-Qiyamah) dan sempat duduk di dalamnya dan apabila tiba waktu sembahyang beliau keluar. Tindakan Sayidina Umar ini lebih banyak bermotifkan politik Islamiyah yang pada masa itu di mana agama Islam baru mula bertapak di kawasan Bait Al-Muqaddas dan Umar sendiri memasukinya bukan kerana

sukakan atau cenderung kepada gereja atau ajaran mereka. (Muhammad Redha, Al-Faruq: Umar bin Al-Khattab: 208)

SYARAT-SYARAT MEMASUKI GEREJA

Menurut ulama Syafie'e hukum memasuki gereja itu dibolehkan dengan beberapa syarat. Antara syarat-syarat itu ada kebenaran daripada pihak gereja dan di dalam gereja itu pula tidak terdapat gambar

Bilangan 118 Bahagian Akhir

atau patung-patung yang dimulikan seperti gambar atau patung yang disangkakan orang Nashrani sebagai gambar atau patung Nabi Isa 'Alaihisshalatu Wasallam, atau Sayidatina Maryam dan lain-lain.

Jika syarat-syarat ini tidak terpenuhi, maka tidak harus memasukinya (haram) masuk gereja disebabkan ada gambar-gambar atau patung yang dihormati oleh mereka yang diletakkan dalam gereja itu.

Dalam hal ini Ibnu Hajar dan Imam Ali Al-Syibramalisi Rahimahullah menyebutkan bahawa tidak harus memasuki gereja kecuali dengan ada izin kebenaran daripada mereka dan di dalamnya tidak terdapat gambar-gambar yang dimulikan. (Tuhfah Al-Muhtaj: 9/295 & Hasyiah Nihayah Al-Muhtaj: 8/99)

Termasuk juga syarat itu hendaklah masuknya itu tidak membawa kesan cenderung atau mengiktiraf kepada ajaran gereja atau akan membawa dia

mempersembahkan Islam bersama-sama orang kafir sehingga boleh merosakkan akidahnya. (Fatwa Abdul Halim Mahmud: 198)

Berasaskan kepada huraian di atas, adalah dibolehkan mengikuti serta menyertai jenazah orang kafir dari tempat kediaman asalnya sehingga sampai ke tempat pengebumiannya, termasuk ke gereja yang sunyi daripada gambar-gambar dan patung yang disebarkan.

Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa orang Islam adalah haram menghadiri atau menyertai mana-mana acara peribatan atau acara khas keagamaan agama yang lain, sama ada ia dilakukan di gereja, di kuil, rumah atau di mana-mana tempat sekalipun.

Dengan demikian perkara orang Islam datang ke gereja untuk hanya sekadar memberi takziah dan simpati kepada keluarga terdekat atau teman rapat adalah harus, iaitu selama tidak menyertai acara khusus keagamaan mereka dan di tempat itu tidak ada gambar-gambar atau patung yang mereka mulikan.

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah كولان قوسه دعوه اسلاميه

KEBAHAGIAAN hidup berumah tangga merupakan idaman kepada setiap pasangan yang melangsungkan ikatan perkahwinan. Namun tidak semua mereka yang melangsungkan perkahwinan itu akan dapat mencapai kebahagiaan hidup seperti mana yang didamkan-idamkan. Adakala kebahagiaan yang dicari hanya datang sekejap sahaja, selepas itu bertukar menjadi porak-peranda. Rumah tangga yang dibina akan bertukar menjadi gelanggang pertarungan dan pertengkaran yang tidak putus-putus. Yang mendukacitakan kebahagiaan hidup yang diharapkan di antara suami dan isteri akan mudah berkesudahan dengan perceraian. Akibatnya, anak-anak akan menjadi mangsa perceraian dan hilang tempat bergantung kehidupan dan tidak dapat merasa kasih dan sayang dari ibu bapa secara mutlak. Lebih malang lagi anak-anak akan menghadapi kekecewaan dan lebih aman dan cenderung mencari ketenangan di luar rumah. Bila perkara tersebut terjadi anak-anak mudah terdedah kepada sesuatu yang boleh merosak masa depan mereka seperti lebih suka berfoya-foya dalam keadaan tidak tentu arah yang akhirnya akan menjadi pemuda pemudi yang liar dan bermasalah lagi tidak bermoral.

Di antara punca utama yang menyebabkan keruntuhan rumah tangga ialah kurangnya persefahaman hidup berkeluarga menurut ajaran Islam, baik di pihak suami dan juga di pihak isteri. Ekoran daripada kejahilan inilah terdapat suami-suami yang tidak bertanggungjawab dalam menunaikan amanah terhadap isteri dan anak-anak. Bersikap kasar, bengis, tidak mampu membimbing isteri dan anak-anak mengikut ajaran Islam. Al-Quran mengarahkan suami agar mengauli isteri-isteri mereka dengan cara baik.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisa' ayat 19 yang maksudnya:

Rumah Tangga Bahagia

"Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji dan nyata. Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasa) benci kepada mereka (disebabkan tingkah lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)."

Demikian juga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Asakir dari Ali yang maksudnya: "Sebaik-baik kamu ialah orang yang terbaik kepada isterinya, aku adalah orang yang paling baik di antara kamu terhadap isteri. Tidakkah menghormati akan perempuan kecuali lelaki yang mulia dan tidak pula menghinakan kecuali lelaki yang hina."

Adalah kewajipan suami untuk mendidik anak-anak dan isteri ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wataala. Sekiranya ia tidak mampu berbuat demikian, maka hendaklah ia berusaha untuk mendapatkan guru bagi mengajarkan anak-anak dan isterinya. Seorang suami janganlah membiarkan anak dan isteri terdedah kepada perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wataala lebih-lebih lagi perkara yang diharamkan oleh syariat Islam, seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, mendedahkan aurat, bersolek apabila keluar rumah dan seumpamanya. Suami bukan sahaja sekadar mengajar perkara yang baik, malah sesuai dengan peranan suami sebagai ketua di dalam rumah tangga hendaklah sentiasa memamerkan contoh teladan dengan akhlak yang dituntut dalam Islam. Ingatlah akan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis riwayat Al-Nasa'ie, Ahmad dan Al-Hakim yang maksudnya:

"Tiga golongan diharamkan oleh Allah daripada memasuki ke dalam Syurga, iaitu penagih minuman keras (arak), anak yang menderhaka terhadap ibu bapa dan suami yang membiarkan

(isterinya melakukan perbuatan keji (suami dayus))."

Dalam mencari kebahagiaan dan kedamaian rumah tangga, selain daripada memahami peranan dan tanggungjawab di antara suami dan isteri hendaklah juga dilaksanakan dengan penuh amanah dalam rangka mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala. Suami isteri haruslah sentiasa faham-memahami, bertolak ansur, berbincang dalam menyelesaikan sebarang masalah kekeluargaan, tolong-menolong dengan penuh kasih sayang, saling menjaga rahsia sama ada suami ataupun isteri. Sehubungan dengan ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan terutama kepada suami, agar jangan membocorkan rahsia kehidupan rumah-tangga. Di dalam sabdanya yang diriwayatkan oleh Muslim bermaksud: "Sesungguhnya orang yang mendapat kedudukan yang paling buruk di hari kiamat kelak adalah lelaki yang melakukan hubungan dengan isterinya kemudian ia membocorkan rahsianya (menceritakan pula kepada orang lain)."

Kita sebagai orang Islam (umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam), sentiasalah memperteguhkan keimanan dan menghayati ajaran Islam bermula dari diri kita, anak-pinak dan isteri serta isi keluarga kita.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Tahrim ayat 6 yang maksudnya:

"Boleh jadi, jika Nabi menceraikan kamu, Tuhannya akan menggantikan baginya isteri-isteri yang lebih baik daripada kamu, yang menurut perintah, yang ikhlas imannya, yang taat, yang bertaubat, yang tetap beribadat, yang berpuasa (meliputi) yang janda dan yang anak dara."

Dalam mendidik anak-anak, kita perlu mengambil iktibar daripada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat At-Thabarani daripada Ali bin Abi Talib karamallah wajhah bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Ajarkanlah kepada anak-anak kamu tiga perkara, mencintai Nabi kamu dan mencintai keluarganya serta membaca Al-Quran. Sebab para pembaca Al-Quran berada di sisi Arasy Allah bersama-sama para anbiya dan ashfian (orang yang salih) pada hari tiada naungan melainkan Allah."

Sambutan Hijrah Sambutan Hijrah Sambutan Hijrah

Perkhidmatan pentadbiran awam digesa

GADONG, 30 Mac. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya berkata, semangat Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam perlu diserapkan dalam perkhidmatan pentadbiran awam, khusus bagi tujuan pemindahan cara berfikir dan bertindak demi kepentingan bangsa dan negara.

Ke arah itu, tambahnya, perkhidmatan pentadbiran awam haruslah segera bersikap lebih proaktif dan tidak kaku daripada tradisi lama dalam berurusan dengan orang ramai.

"Bagi peralihan dalam pentadbiran awam ini, komitmen, keteguhan dan ketegasan hati serta semangat adalah diperlukan. Dengan erti kata yang lain, peralihan paradigma ini hendaklah semata-mata bertujuan untuk mewujudkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang lebih efektif dan berkesan bagi sama-sama menjamin kesejahteraan bangsa dan kemakmuran negara," katanya di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1422 bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya berlangsung di Dewan Institut Perkhidmatan Awam, Kampong Rimba di sini.

Menurut Yang Dimuliakan, tahun baru Hijrah adalah juga menandakan kelahiran masyarakat madani yang mana hanya akan kuat jika semua unsur dalam masyarakat bersatu.

Proses mewujudkan masyarakat madani, jelas

Bersikap lebih proaktif

Yang Dimuliakan, sudah ditunjukkan di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu dengan memperkukuhkan asas kehidupan beragama dan bernegara.

Yang Dimuliakan juga menyatakan bahawa di antara pelajaran yang sangat berharga yang dapat

Oleh Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh Harun HR

kita perolehi daripada penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah untuk mencapai sesuatu memerlukan pengorbanan, tenaga, fikiran dan material termasuk jiwa dan raga.

Dalam usaha kita untuk memajukan bangsa dan negara seperti yang diajarkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa doa, usaha, ikhtiar dan tawakal adalah penting bagi menjaga keutuhan hidup beragama dan bernegara daripada ancaman.

Terdahulu dari itu Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin, selaku Pengerusi Bersama Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1422, antara lain berkata, misi penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu bukan sahaja sarat dengan bahaya dan kesukaran sehingga mengancam nyawa Baginda sendiri, malah juga sarat dengan ilmu, siasah, pengajaran dan iktibar yang tinggi nilainya dan masih tetap relevan dengan kehidupan kita meskipun kehadiran modenisasi menakutkan dan mempesona.

Semakin hebat modenisasi yang kita kecapi tamahnya, sama ada disadari atau tidak, semakin tinggi pula keperluan kita terhadap unsur-unsur teladan dan bimbingan yang boleh mengisi dan memandu rohani kita untuk mencapai kehidupan yang lebih sempurna dan selamat.

Tidak lain tidak bukan, jelasnya, yang dimak-

DALAM usaha kita untuk memajukan bangsa dan negara seperti yang diajarkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa doa, usaha, ikhtiar dan tawakal adalah penting bagi menjaga keutuhan hidup beragama dan bernegara daripada ancaman.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya menjelaskan, perkhidmatan pentadbiran awam haruslah bersikap lebih proaktif dan tidak kaku daripada tradisi lama.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani selaku Pengerusi Bersama Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1422 bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya menjelaskan, misi penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai pengajaran dan iktibar yang perlu diikuti oleh umat Islam.

sudkan itu sudah tentu yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Yang Dimuliakan juga turut menyentuh kehebatan peristiwa agung yang Baginda lalu dapat memberikan kepada kehebatan, kekuatan, kemakmuran dan perubahan kepada umat Islam terutamanya dari segi politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya.

Kejayaan misi hijrah Baginda sehingga terbunuhnya kerajaan Islam yang pertama di mana jelasnya, kuncinya adalah perpaduan.

"Perpaduan yang digarap oleh Baginda merangkumi kerjasama, persefahaman, persaudaraan, perundingan, rela berkorban dan sanggup mengenyapkan kepentingan peribadi demi untuk kebaikan bersama," ujarnya.

Majlis tersebut kemudian diikuti dengan ceramah khas oleh penceramah undangan dari Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Maimun Aqsha yang antara lain menyentuh penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan terdapatnya ajaran-ajaran yang boleh memesonakan akidah umat Islam yang dijalankan oleh pengembang-pengembang bukan beragama Islam di negara ini.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Syarafil Anam oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan dan Pasukan Polis Diraja Brunei. Sambutan Awal Tahun Hijrah 1422 pada tahun ini kelolaan bersama oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penerangan.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan lain-lain ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1422 bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MAJLIS Sambutan Awal Tahun Hijrah 1422 bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya diserikan dengan persembahan Dikir Syarafil Anam oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

Kuasai bidang ICT

DENGAN bermulanya alaf dan abad baru, tamadun manusia mula menilai kepentingan teknologi baru yang membawa seribu satu harapan dan cabaran. Teknologi yang semakin hari menjadi semakin canggih ini seolah-olah mencabar manusia supaya menjadi lebih bersedia dalam segenap aspek, bidang dan segi. Teknologi ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru, sebaliknya teknologi ini telah pun wujud apabila manusia mula memajukan teknik berkomunikasi dan menyampaikan maklumat. Namun mutakhir ini, teknologi ini berkembang dengan semakin pesat dan pantas sehingga apa yang 'baru' pada hari ini menjadi 'lama' pada hari esok.

Demikianlah halnya dengan teknologi maklumat dan komunikasi atau ringkasnya ICT. Di dalam ledakan era informasi ini ditambah dengan cabaran-cabaran proses globalisasi, kita selaku rakyat negara ini perlu memperkembangkan diri dengan kemahiran, keupayaan, kecekapan dan pengetahuan untuk menguasai bidang ICT ini. Jika tidak, negara kita akan terus ditinggalkan lebih jauh ke belakang oleh negara lain.

ICT mempunyai peranan yang penting sebagai alat penyebaran maklumat atau pencerangan dan juga sebagai bahan rujukan dan penyelidikan yang amat berguna di dalam pembangunan negara. Dalam sesebuah negara, ICT adalah amat diperlukan dalam membantu kerajaan bagi maksud tertentu. Contohnya untuk menyalurkan kefahaman yang lebih jelas dan tepat dalam perkara-perkara yang berhubung kait dengan hal-ehwal semasa mengenai dasar atau pun polisi kerajaan yang perlu diketahui oleh seluruh rakyatnya sama ada yang tinggal di bandar ataupun di daerah-daerah pedalaman. Peranan ICT dalam mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam perniagaan, sektor awam dan juga di kalangan rakyat merupakan salah satu daripada strategi penting dalam pembangunan negara. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, penggunaan teknologi telah bertambah pesat melalui aktiviti-aktiviti komunikasi, informasi, rekreasi dan perniagaan.

Antara perkembangan ICT yang terdapat di Negara Brunei Darussalam contohnya PELITA BRUNEI adalah media massa yang pertama sekali wujud di negara kita kira-kira 40 tahun yang lalu. Seterusnya penerbitan surat khabar dalam bahasa Inggeris yang diberi nama Borneo Bulletin dan Media Permata dalam bahasa Melayu yang mula diterbitkan dalam tahun 1998.

Satu lagi teknologi yang amat berguna dalam teknologi moden ini adalah komputer. Komputer digunakan di mana-mana sahaja di seluruh dunia, dan melalui komputer inilah kita dapat memperoleh maklumat sama ada maklumat dalam negeri mahupun luar negeri. Begitu juga dengan komunikasi, komputer juga sebagai alat komunikasi yang penting pada masa sekarang. Selain itu, penggunaan pelbagai jenis komunikasi seperti telefon adalah sangat berguna pada masa sekarang dan dengan adanya telefon ini akan mempercepatkan lagi sesuatu kerja itu dilakukan.

Maka untuk menjadi sebuah negara yang maju dan rakyatnya berpandangan jauh, aktif dan dinamik ialah dengan melahirkan sebuah masyarakat yang mempunyai ilmu pengetahuan dan dapat menguasai pelbagai bidang, terutama, sekali ICT ini.

Hari ini, masyarakat yang maju dikatakan masyarakat yang mempunyai maklumat yang kebanyakannya disalurkan melalui media massa dan bahan-bahan bacaan, buku-buku, majalah, surat-surat khabar, radio, telefon dan televisyen dan tidak ketinggalan juga pengetahuan dalam bidang komputer yang terdapat di dalamnya internet, e-mail dan lain-lain. Dari itu, ICT adalah penting bagi pembangunan negara.

Mohammad Azrin bin Haji Jafaruddin,
No. 39 'A', Simpang 544-22,
Kampung Jerudong,
BG 3122
No. k/p: 285259.

TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Mengekalkan Permainan Tradisi Orang-orang Brunei'. Tarikh tutup 14 April, 2001.
2. 'Kegiatan Pasukan Beruniform Di Sekolah-sekolah Bina Ketrampilan Seorang Pelajar'. Tarikh tutup 21 April, 2001.
3. 'Bergotong-royong Semakin Terhakis Dalam Kehidupan Masyarakat. Mengapa dan Gariskan Cara-cara Mengatasinya'. Tarikh tutup 28 April, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditulis jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

E-mail : pelita@brunet.bn

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu "Kepentingan Teknologi Infokomunikasi (ICT) Dalam Pembangunan Negara".

Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Teknologi pemangkin pembangunan negara

TEKNOLOGI adalah manifestasi kemajuan. Sesungguhnya apabila sesebuah negara itu mempunyai kemajuan teknologi sama ada teknologi informasi atau komunikasi, maka negara itu dikategorikan sebagai negara yang canggih. Frasa 'canggih' di sini membawa maksud tidak terkebelakang atau tidak ketinggalan zaman. Justeru itu, teknologi informasi dan komunikasi ini sangatlah penting kerana teknologi adalah pemangkin dalam pembangunan sesebuah negara itu.

Dunia sekarang menghadapi era globalisasi iaitu ledakan dunia siber berteknologi canggih. Teknologi canggih ini selalu diasosiasikan dengan jaringan-inter (internet), laman web, e-dagang, e-mail, komunikasi dan sebagainya. Namun begitu jika kita tidak awas, teknologi ini boleh menjahanamkan kita juga. Walaupun pada masa yang sama teknologi ini membawa kebaikan tetapi ia juga boleh membawa impak kepada kita mahupun kepada negara.

Walau bagaimanapun Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan daripada kecanggihan teknologi ini. Dari masa ke semasa, Brunei peka dengan pergolakan dunia teknologi ini. Ini adalah untuk kepentingan dalam membangun negara kerana dunia sekarang lebih bersandarkan dengan kebenaran teknologi masa kini. Untuk menyelaraskan pembangunan adanya negara luar, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia membenarkan pembangunan teknologi canggih ini.

Semasa membuat tuntutan penyimpan hendaklah membawa resit-resit asal berkenaan dalam tempoh 3 (tiga) bulan dari tarikh pemberitahuan ini. Mana-mana wang cagaran yang masih tidak dituntut selepas dari tempoh yang telah ditetapkan akan dimasukkan ke dalam akaun hasil kerajaan.

Di bawah ini disenaraikan nama-nama orang perseorangan, syarikat-syarikat dan wang cagaran berkenaan yang tidak dituntut pada tahun 1995 setelah lepas tempoh lima tahun :-

Diah Enterprise, 1627638 15/4/95 \$200.00; 1627640 15/5/95 \$200.00; Syarikat H.A. Mumin dan Anak-Anak, 1627642 15/4/95 \$200.00; Syarikat Nikmatia, 1627644 15/4/95 \$200.00; Aqilah Hakimah Enterprise, 1627646 15/4/95 \$200.00; Syarikat Ismail bin Mohamad, 1627688 15/4/95 \$200.00; Ema Suria Enterprise, 1627705 17/4/95 \$200.00; Zaman Indah Services, 1627764 17/4/95 \$200.00; 1627766 17/4/95 \$200.00; 1627768 17/4/95 \$200.00; 1627769 17/4/95 \$200.00; Aqilah Hakimah Enterprise, 1627809 18/4/95 \$200.00; 1627810 18/4/95 \$200.00; Mashardika Bersatu 1627819 18/4/95 \$200.00; 1627823 18/4/95 \$200.00; 1627824 18/4/95 \$200.00; Mohammad Azmy bin Lamit Enterprise, 1627841 18/4/95 \$200.00; Lazmy Enterprise, 1627843 18/4/95 \$200.00; 1627844 18/4/95 \$200.00; 1627845 18/4/95 \$200.00; Syarikat Dayang Suria dan Adik-Adik, 1627887 18/4/95 \$200.00; Chuntek binti Bachi dan Anak-Anak, 1626604 18/4/95 \$200.00; Joe Richtfield Industries, 1626608 18/4/95 \$200.00; Syarikat Zaiza, 1627506 18/4/95 \$200.00; 1627508 18/4/95 \$200.00; Habbah Enterprise, 1627913 19/4/95 \$200.00; Syarikat Dayang Bungsu binti Haji Md. Salleh dan Anak-Anak, 1627932 19/4/95 \$200.00; Syarikat Perusahaan Abdan, 1627933 \$200.00; Isha Enterprise, 1627936 19/4/95 \$200.00; Zun Enterprise, 1627543 \$200.00; 1627544 19/4/95 \$200.00; 1627545 19/4/95 \$200.00; 1627546 19/4/95 \$200.00; 1627547 19/4/95 \$200.00; 1627548 19/4/95 \$200.00; 1627549 19/4/95 \$200.00; 1627550 19/4/95 \$200.00; Perusahaan Lazarus, 1627559 19/4/95 \$200.00; Syarikat Noridah dan Anak-Anak, 1627563 19/4/95 \$200.00; 1627564 19/4/95 \$200.00; 1627565 19/4/95 \$200.00; Syarikat H. Mohd. Diah dan Keluarga, 1627572 19/4/95 \$200.00; Perusahaan Umra, 1627574 19/4/95 \$200.00; Mawar Desa Enterprise, 1627575 20/4/95 \$200.00; 1627576 20/4/95 \$200.00; 1627577 20/4/95 \$200.00; Syarikat Sumber Bahagia, 1627578 20/4/95 \$200.00; Hamiazulwati Bersaudara, 1627579 20/4/95 \$200.00; 1627580 20/4/95 \$200.00; 1627581 20/4/95 \$200.00; 1627582 20/4/95 \$200.00; Syarikat D.S. dan Anak-Anak, 1626802 20/4/95 \$200.00; Pengiran Siti Sarbanun binti Haji, 1626803 20/4/95 \$200.00; 1626804 20/4/95 \$200.00; Ima Maya Enterprise, 1626805 20/4/95 \$200.00; Usaha Keluarga Mohammad Nor, 1626812 20/4/95 \$200.00; Syarikat Faizul, 1626812 \$200.00; Perusahaan Jayasaha Hajah Sipah, 1626815 20/4/95 \$200.00; A'salam Trading Co. 1626852 20/4/95 \$200.00; Perusahaan Habb, 1626903 20/4/95 \$200.00; 1626904 20/4/95 \$200.00; 1626905 20/4/95 \$200.00; Dayang Jamilah Restoran, 1626877 22/4/95 \$200.00; 1626878 22/4/95 \$200.00; 1626879 22/4/95 \$200.00; Syarikat Yashub bin Haji Jumat, 1626928 22/4/95 \$200.00; Guya Company, 1626929 22/4/95 \$200.00; 1626930 22/4/95 \$200.00; Syarikat Budi Utama, 1626931 22/4/95 \$200.00; 1626932 22/4/95 \$200.00; 1626933 22/4/95 \$200.00; Syarikat Hajah Tiamah binti Haji Saifur dan Anak-Anak, 1626956 22/4/95 \$200.00; Syarikat Hajah Abd. Kadir bin Haji Tengah, 1626967 22/4/95 \$200.00; 1626968 22/4/95 \$200.00; 1626969 22/4/95 \$200.00; Koperasi Sekolah Rendah Pulaua Denyau, 1626970 22/4/95 \$200.00; 1626991 24/4/95 \$200.00; Yatirah Enterprise, 1627303 24/4/95 \$200.00; Syarikat Nazilah, 1627334 24/4/95 \$200.00; Syarikat Marta binti Haji Sabtu dan Anak-Anak, 1627342 24/4/95 \$200.00; Ramal Enterprise, 1627209 24/4/95 \$200.00; 1627211 24/4/95 \$200.00; Syarikat Perusahaan Dayang Hajah Plut, 1627362 24/4/95 \$200.00; Idu Industries And Catering Services, 1627363 24/4/95 \$200.00; HZHM Restaurant, 1627223 24/4/95 \$200.00; Syarikat Perusahaan Fame Patra Jaya, 1627233 24/4/95 \$200.00; Syarikat Haji Hamdan bin Haji Lawi dan Anak-Anak, 1627238 24/4/95 \$200.00; Serumpun Indah Enterprise, 1627263 24/4/95 \$200.00; 1627264 24/4/95 \$200.00; 1627265 24/4/95 \$200.00; 1627266 24/4/95 \$200.00; Syarikat Dayang Bungsu binti Haji Md. Salleh dan Anak-Anak, 1627287 24/4/95 \$200.00; Adika Enterprise, 1627124 24/4/95 \$200.00; 1627125 24/4/95 \$200.00; Zahiran Enterprise, 1627127 24/4/95 \$200.00; Syarikat D.H.R., 1627132 24/4/95 \$200.00; 1627133 24/4/95 \$200.00; 1627134 24/4/95 \$200.00; Usaha Timah Ahim dan Anak-Anak, 1627135 24/4/95 \$200.00; Hata Berkajaya Enterprise, 1627136 24/4/95 \$200.00; Masra Enterprise, 1627137 24/4/95 \$200.00; Syarikat Hajah Rohani binti Haji Ibrahim, 1627139 24/4/95 \$200.00; Syarikat Al-Banna, 1627161 24/4/95 \$200.00; Triple 'A' Enterprise, 1627169 24/4/95 \$200.00; Syarikat Abd. Malik Hj. A. Raup, 1627007 24/4/95 \$200.00; 1627008 24/4/95 \$200.00; Syarikat Permiagaan Safasuma 1627009 24/4/95 \$200.00; 1627010 24/4/95 \$200.00; 1627011 24/4/95 \$200.00; 1627012 24/4/95 \$200.00; 1627013 24/4/95 \$200.00; 1627014 24/4/95 \$200.00; Noriela Ali & Adik-Adik, 1627015 24/4/95 \$200.00; Pumama Enterprise, 1627181 24/4/95 \$200.00; 1627182 24/4/95 \$200.00; Syarikat Mohd. Zain Haji Abdullah Bersaudara, 1627186 25/4/95 \$200.00; 1627187 25/4/95 \$200.00; Triple 'A' Enterprise, 1627188 25/4/95 \$200.00; 1627189 25/4/95 \$200.00; Fibisah Enterprise, 1627025 \$200.00; Syarikat Nikmatia, 1964043 15/11/95 \$200.00; Syarikat Amar Syahirah, 1964044 15/11/95 \$200.00; Syarikat H.A. Mumin dan Anak-Anak, 1924045 15/11/95 \$200.00; A.A.R. Enterprise, 1964093 16/11/95 \$200.00; Perusahaan Raihah, 1964103 16/11/95 \$200.00; 1964104 16/11/95 \$200.00; 1964105 16/11/95 \$200.00; Syarikat Kerinah dan Adik-Beradik, 1964109 16/11/95 \$200.00; Orbit Enterprise, 1964126 16/11/95 \$200.00; 1964127 16/11/95 \$200.00; 1964128 16/11/95 \$200.00; Dayangku Jalla dan Anak-Anak, 1964129 16/11/95 \$200.00; Syarikat Minah binti Haji Mat, 1964151 18/11/95 \$200.00; 1964152 18/11/95 \$200.00; Syarikat Hijau Budiman, 1964168 18/11/95 \$500.00; 1964169 18/11/95 \$500.00; Syarikat Haji Kamanul Ariffin dan Anak-Anak, 1964170 18/11/95 \$200.00; Pengiran Haji Damit & Sons Enterprise, 1964201 18/11/95 \$200.00; 1964202 18/11/95 \$200.00; 1964203 18/11/95 \$200.00; Syarikat Hajah Rohani binti Haji Ibrahim, 1964204 18/11/95 \$200.00; Pengiran Haji Damit & Sons Enterprise, 1964207 18/11/95 \$200.00; 1964208 18/11/95 \$200.00; 1964209 18/11/95 \$500.00; 1964210 18/11/95 \$500.00; Zun Enterprise, 1964190 20/11/95 \$200.00; 1964191 20/11/95 \$200.00; Syarikat D.H.R., 1964192 20/11/95 \$200.00; Syarikat Haji Mohd. Diah dan Keluarga, 1964229 20/11/95 \$500.00; Adika Enterprise, 1964235 20/11/95 \$200.00; Anuar Tahir Family Enterprise, 1964237 20/11/95 \$200.00; Syarikat Pengiran Haji Salim Pengiran Hashim dan Anak-Anak, 1964324 21/11/95 \$500.00; Yohanis Enterprise, 1964250 22/11/95 \$500.00; 1964251 22/11/95 \$500.00; 1964252 22/11/95 \$500.00; 1964253 22/11/95 \$500.00; 1964254 22/11/95 \$200.00; 1964255 22/11/95 \$200.00; 1964256 22/11/95 \$200.00; 1964257 22/11/95 \$200.00; Dekey Mas Company, 1964277 22/11/95 \$200.00; Dayangku Jalla dan Anak-Anak, 1964343 23/11/95 \$500.00; 1964346 23/11/95 \$200.00; Syarikat Permiagaan Safasuma, 1964347 23/11/95 \$500.00; 1964348 23/11/95 \$500.00; 1964349 23/11/95 \$200.00; Syarikat Alinah binti Dampul dan Anak-Anak, 1964374 25/11/95 \$200.00; 1964375 25/11/95 \$200.00; Sanglima Enterprise, 1964401 25/11/95 \$500.00; Syarikat Hanapi Bangkok, 1964403 25/11/95 \$500.00; Zun Enterprise, 1964410 25/11/95 \$500.00; 1964411 25/11/95 \$500.00; 1964412 25/11/95 \$200.00; 1964413 25/11/95 \$200.00; Sofflady Enterprise, 1964504 25/11/95 \$200.00; Shahrolazni Enterprise, 1964446 27/11/95 \$500.00; Nadzla Enterprise, 1964512 27/11/95 \$500.00; Syarikat Sapiah binti Serudin, 1964515 27/11/95 \$200.00; Ali Haji Abd. Hamid Enterprise, 1964472 28/11/95 \$200.00; 1964473 28/11/95 \$200.00; P.D. Enterprise, 1964477 28/11/95 \$200.00; Pebay Laila Company, 1964480 28/11/95 \$200.00; Syarikat Usaha Padu Abang Anuar, 1964491 21/12/95 \$200.00; Hajah Timbang binti Jamil, 1964496 4/12/95 \$200.00. Jumlah Keseluruhan : \$42,500.00.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

Pemohonan adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut dalam PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. PENGURUS PENGENDALIAN KOMPUTER

[BILANGAN KOD: 133 08 330]
[DI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA,
KEMENTERIAN KEWANGAN]
TANGGAGAJI: B2 \$ 3,880 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai ijazah Sarjana Muda dalam bidang teknologi maklumat/komputer atau kejuruteraan elektronik atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penganalisa Sistem dalam tanggagaji B2EB3 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 5 tahun.

- Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan di para b(i) hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penganalisa Sistem dalam tanggagaji B2 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 8 tahun.

- Calon-calon yang mempunyai pengalaman dan kebolehan berikut adalah diberi keutamaan:

- Mempunyai kebolehan yang baik dalam komunikasi lisan dan tulisan;
- Mempunyai pengalaman praktikal dalam pengurusan pelbagai a) projek dan perkhidmatan teknologi maklumat; b) platform teknologi maklumat terkini;
- Menyediakan dan menyampaikan kertas kerja atau artikel dalam bentuk-bentuk yang berkaitan dengan teknologi maklumat bagi persidangan, seminar, konferens, keluaran media cetak atau elektronik tertentu dan lain-lain;
- Pengurusan pelbagai projek teknologi maklumat yang melibatkan perkembangan, pemasangan dan pengendalian sistem-sistem aplikasi dan prasarana rangkaian platform dan telekomunikasi komputer terkini;
- Pelaksanaan proses 're-engineering', pembaikan perkhidmatan menggunakan kaedah 'quality management' atau seumpamanya, serta kemudahan teknologi maklumat;
- Mempunyai pengetahuan dalam pelbagai: a) proses 're-engineering' dan sistem-sistem kualiti melibatkan teknologi maklumat; b) dasar dan peraturan kerajaan dalam bidang pejabat, kakitangan, kewangan dan teknologi maklumat.

TUGAS DAN TANGGUGJAWAB:

Bertanggungjawab kepada Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara (atau wakilnya) dan menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara (atau wakilnya) dan juga perkara di bawah ini:

- Mengetahui dan mengurus bahagian atau unit-unit perkhidmatan teknologi maklumat yang diarahkan oleh Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara (atau wakilnya) dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam unit berkenaan;
- Memantau dan memastikan kualiti dan prestasi pelaksanaan perkhidmatan bahagian atau unit berkenaan dijalankan dengan amanah, sempurna dan selaras dengan peraturan, dasar, kaedah dan kehendak Jabatan dan Kerajaan termasuk pelaksanaan rancangan-rancangan dan pengurusan sumber-sumber unit berkenaan;
- Menganalisa masalah dan keperluan bahagian atau unit berkenaan dan mengurus tindakan-tindakan yang perlu diambil mengenai masalah-masalah yang timbul, jika perlu mengemukakan sokongan kepada Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara (atau wakilnya) untuk kebenaran;
- Mengaji dan membuat sokongan pembaikan yang inovatif kepada sistem-sistem, proses-proses dan struktur yang sedia ada yang boleh membantu Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara mencapai misi, matlamat-matlamat dan objektif-objektifnya;
- Memudahkan dan menyertai kumpulan (teams dan task forces) mengaji proses 're-engineering' dan sistem-sistem kualiti melibatkan teknologi maklumat;
- Tugas dan tanggungjawab mengurus Unit Perkhidmatan-Perkhidmatan Teknologi Maklumat yang diarahkan oleh Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara (atau wakilnya) di antaranya meliputi perkara-perkara berikut:
 - Pengurusan kawalan kualiti, merangka piawai-piawai dan prosedur-prosedur bagi mewujudkan sistem-sistem kualiti melibatkan teknologi maklumat dan melaksanakan pengauditan dalaman untuk menguji kualiti dan menilai prestasi pelaksanaan perkhidmatan dan pengendalian perkhidmatan-perkhidmatan, projek-projek dan sistem-sistem teknologi maklumat;
 - Pengurusan perancangan, merangka cadangan dan rancangan-rancangan teknologi maklumat untuk mendapatkan peruntukan dengan kaedah 'selective sourcing' melalui fasa permulaan projek;
 - Pengurusan perkembangan projek (aplikasi dan/atau teknik) melalui fasa permulaan, fasa tawaran, fasa pelaksanaan, fasa perkembangan dan fasa selepas pelaksanaan projek;
 - Pengurusan pentadbiran sistem, penjadualan sistem, perbekalan dan pemeliharaan aset, bantuan keselamatan, pengendalian operasi, bantuan komunikasi, pemeliharaan sistem-sistem aplikasi dan bantuan pengguna;
 - Pengurusan perkembangan sumber tenaga manusia, rancangan-rancangan kursus formal dan latihan kakitangan dalam bidang teknologi maklumat dan program-program publikasi;
 - Pengurusan penyelidikan teknologi/saintifik dalam teknologi maklumat bagi perkembangan khusus.

2. JURUAUDIT [BILANGAN KOD: 006 11 020]

[DI JABATAN AUDIT, JABATAN PERDANA MENTERI]
TANGGAGAJI: B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai ijazah Sarjana Muda dalam bidang ukur bahan/kejuruteraan awam/pembinaan bangunan/mekanikal atau elektrik atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2 EB3:

- Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang ukur bahan/kejuruteraan awam/pembinaan bangunan/mekanikal atau elektrik atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Tradedman Tingkat Khas/Pengawas Tingkat II atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun.
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Juruaudit atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam tanggagaji C3 selama 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUGJAWAB:

- Merancang dan menyediakan program pengauditan.
- Mengawasi pengauditan yang dijalankan ke atas pelbagai kira-kira kerajaan.
- Memimpin dan melatih kakitangan di bawahnya dalam hal pengauditan.
- Membuat draf/menyediakan laporan-laporan audit.
- Mengulangkaji/mengeluarkan pertanyaan-pertanyaan audit/peringatan-peringatan.
- Menyusuli laporan-laporan audit yang telah dikeluarkan.

3. PENGANALISA SISTEM [104 08 310]

[DI KEMENTERIAN PERTAHANAN]
TANGGAGAJI: B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai ijazah Sarjana Muda dalam bidang komputer/teknologi komputer atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2:

- Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang komputer/teknologi maklumat atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penyelidik Pemeliharaan dan Pengendalian Komputer/Perjudial atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam tanggagaji C3 selama 5 tahun.
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penyelidik Pemeliharaan dan Pengendalian Komputer/Perjudial atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam tanggagaji C3 selama 5 tahun.

- Mempunyai pengalaman dan kebolehan berikut adalah diberi keutamaan:

- Berpengalaman dalam penjadualan di mini atau 'mainframe environment'.
- Berkebolehan membuat penjadualan dalam bahasa-bahasa komputer semasa.
- Berpengalaman teknikal dalam bidang 'system analysis' dan 'design', 'database' dan 'computer networking' dan 'communication'.
- Mempunyai daya analisis yang baik.
- Mempunyai 'Interpersonal dan Communication Skill' yang bersesuaian dan dapat bertugas dengan semua peringkat pegawai dan kakitangan.

4. PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA [096 02 131]

[DI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]
TANGGAGAJI: B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perancangan Bandar dan Desa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUGJAWAB:

- Menyediakan pelan-pelan perancangan strategik dan tempatan, skem-skem perancangan perumahan, susuturan (layout) perancangan dan lain-lain yang berhubung serta membuat kajian-kajian dan laporan-laporan perancangan dan mengemukakan cadangan kaedah-kaedah dan dasar-dasar perancangan untuk pertimbangan.
- Menyeras perancangan dan menyediakan tapak-tapak projek kerajaan dan swasta serta memberikan khidmat nasihat kepada pihak-pihak kerajaan dan orang ramai dalam hal-hal berhubung dengan perancangan fizikal.
- Mentadbir dan mengurus pelaksanaan Akta (Kawalan Kemajuan) Perancangan Bandar dan Negara (Penggaji 143).

5. PEGAWAI EKONOMI [001 09 013]

[DI JABATAN UNIT PETROLEUM, JABATAN PERDANA MENTERI]
TANGGAGAJI: B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan profesional yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUGJAWAB:

- Mengikuti perkembangan pasaran minyak mentah dan produk antara-bangsanya terutama dalam perkembangan harga pasaran.
- Menganalisa harga minyak mentah antarabangsa bagi penetapan harga minyak mentah negara.
- Mengawasi pengeluaran produk minyak dari kilang penapisan dan juga penggunaan produk dalam negeri.
- Membuat penyelidikan ke atas industri minyak antarabangsa seperti dari segi pembekalan dan permintaan.
- Mengawasi penjualan minyak mentah dan gas yang dibuat oleh syarikat-syarikat dan meneliti laporan-laporan yang ada.
- Sebagai junjukkan dalam rundingan penjualan minyak dan gas yang dibuat oleh syarikat-syarikat minyak.

6. * JURUKIMIA PERTANIAN (PENGANALISAN RACUN KIMIA

PERTANIAN) [BILANGAN KOD: 004 05 240]
[DI JABATAN PERTANIAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA]

TANGGAGAJI: B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam 'chemistry' /applied chemistry' atau 'agriculture chemistry' atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

- Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam menggunakan program komputer dalam bidang yang berkaitan adalah satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUGJAWAB:

- Menganalisis sisa dan bahan racun kimia (instrumental analisis) dalam rancangan jaminan dan kawalan mutu hasil pertanian.
- Mengendalikan kajian dan pemeriksaan pemantauan bahan kimia pertanian.
- Mengawasi dan menyelaras aktiviti makmal dengan mengamalkan GLP (Good Laboratory Practices).
- Merancang pelaksanaan projek yang berkaitan dalam Rancangan Kemajuan Negara serta menyediakan laporan status kemajuan.
- Menyediakan perancangan perubatan tahunan dan pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara bagi unit.
- Mengendalikan maklumat teknikal berhubung dengan kimia pertanian dan membuat syor mengenai.

* JURUKIMIA PERTANIAN (KAWALAN MUTU MAKANAN DAN

KEMAJUAN PRODUK) [BILANGAN KOD: 004 05 240]
[DI JABATAN PERTANIAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA]

TANGGAGAJI: B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam 'food science' atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

- Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam menggunakan program komputer dalam bidang yang berkaitan adalah satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUGJAWAB:

- Mengendalikan kajian dalam pengendalian, pemrosesan dan kemajuan produk hasil pertanian.
- Membuat kerja-kerja analisis deria, fizikal, kimia dan mikrobiologi makanan bagi program-program kemajuan produk dan kawalan mutu makanan.

- Mengawasi dan menyelaras aktiviti makmal-makmal analisis dan pemrosesan makanan dengan mengamalkan GLP (Good Laboratory Practices) dan GMP (Good Manufacturing Practices).
- Mengendalikan kerja kemajuan talacara analisis makanan (method development).
- Merancang pelaksanaan projek yang berkaitan dalam Rancangan Kemajuan Negara serta menyediakan laporan status kemajuan.
- Menyediakan laporan kajian yang dilaksanakan dan laporan-laporan lain yang diperlukan.
- Mengendalikan pemindahan teknologi makanan kepada golongan sasaran.
- Tambahan gelaran jawatan [Kawalan Mutu Makanan Dan Kemajuan Produk] adalah bertujuan bagi pengiklanan sahaja.

8. PENYELARAS PROJEK [084 31 009]

[DI JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]
TANGGAGAJI: C3-4 EB 3 \$ 1,990 - \$ 2,970 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Building Studies/Business Studies atau Computer Studies atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan-jawatan yang berkaitan dalam tanggagaji C2 selama 3 tahun atau dalam tanggagaji C1 selama 5 tahun.

Mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam urusan penyusunan/pelaksanaan projek-projek dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

- Boleh menyediakan laporan-laporan teknikal dan kedudukan kemajuan.
- Berkebolehan bercakap dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Kebolehan menggunakan komputer adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada ketua bahagian.
- Mengumpulkan data-data dan keterangan mengenai projek-projek dan mengikut perkembangannya.
- Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja.
- Mengendalikan semua fail dan dokumen mengenai projek-projek.
- Menilai kedudukan sesuatu projek dan membuat laporan.

9. PENDAFTAR RAHSIA BESAR [BILANGAN KOD: 072 19 179]

[DI JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI,
JABATAN PERDANA MENTERI]
TANGGAGAJI: C2 EB 3 \$ 1,450 - \$ 2,270 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang yang bersamaan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan-jawatan yang berkaitan dalam tanggagaji C1 selama 3 tahun atau dalam tanggagaji D3 selama 5 tahun.

- Berpengalaman dalam bidang mendaftar dan menyimpan dokumen-dokumen yang diperjeniskan rahsia besar merupakan satu kelebihan.
- Berkebolehan bercakap dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUGJAWAB:

- Mendaftar dokumen-dokumen yang diperjeniskan rahsia besar.
- Menyimpan dan menjaga keselamatan fail-fail yang diperjeniskan rahsia besar.
- Mengemaskinikan fail-fail dari masa ke masa.
- Memastikan keselamatan segala dokumen-dokumen dan harta benda dalam bilik khazanah rahsia besar.

10. TUKANG PELAN KANAN [084 03 292]

[DI JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]
TANGGAGAJI: C2 EB 3 \$ 1,450 - \$ 2,270 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang 'draughtsmanship' atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

- Mempunyai kelulusan BOTVEC Diploma Kebangsaan Biasa (OND) dalam bidang 'draughtsmanship' atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Tukang Pelan selama 7 tahun.

Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja praktikal dalam menyediakan pelan-pelan dan ukiran-ukiran yang lengkap dari lukisan-lukisan kasar (dimensional sketches).

11. PENULIS SKRIP [BILANGAN KOD: 106 15 944]

[DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN]
TANGGAGAJI: C1 - 2 EB 3 \$ 1,280 - \$ 2,270 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang yang bersamaan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan-jawatan yang berkaitan dalam tanggagaji D3 selama 3 tahun atau dalam tanggagaji D1 selama 5 tahun.

- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang penulisan hal-ehwal kebudayaan.
- Boleh menulis dan membaca jawi dengan baik merupakan satu kelebihan.
- Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris juga merupakan satu kelebihan.

12. FOREMAN MEKANIK [084 70 025]

[DI JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]
TANGGAGAJI: D4 EB 5 \$ 1,225 - \$ 1,625 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan BOTVEC Diploma Kebangsaan Biasa (OND) dalam bidang yang bersamaan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersamaan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Tradedman Tingkat Khas/Pengawas Tingkat II atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun.

- Mempunyai kebolehan yang baik dalam kerja-kerja pembaikan berbagai-bagai jenis injin petrol dan diesel.
- Pengalaman dalam membuat pesanan barang alat-alat ganti bagi kenderaan atau jentera berat.
- Mempunyai Sijil Kejuruteraan Jentera (Plant) dari Maktab-Maktab Teknikal yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah merupakan satu kelebihan.



Pelita Brunei

Dari muka 4

13. **KERANI PENDAFTAR TANAH [052 39 318]**
[DI JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]
TANGGAGAJI: D3 EB 4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) Mempunyai kelulusan Sijil Kebangsaan Biasa (ONC) dalam bidang yang beresesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang beresesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang berkaitan dengan pendaharan tanah dalam tanggagaji D1 selama 3 tahun.
b) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan secara manual atau komputer.
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:
1. Membuat pendaftaran sama ada pendaftaran secara manual atau pendaftaran menggunakan komputer.
2. Mengemaskinikan pendaftaran permohonan-permohonan hak milik tanah.
3. Menyemak dan meneliti hak milik tanah.
4. Mengetuahkan surat, tuntutan cukai-cukai tanah.
14. **JURUBAHASA/KERANI [005 18 545]**
[DI JABATAN BIRO MENEGAS RASUAH, JABATAN PERDANA MENTERI]
TANGGAGAJI: D3 EB 4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) Mempunyai kelulusan Sijil Kebangsaan Biasa (ONC) dalam bidang yang beresesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang beresesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pengendali Penyediaan Data atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun.
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:
1. Memasukkan data-data dan maklumat kepada sistem yang ada dan sistem yang baru.
2. Menyediakan dan mereka bentuk 'software' yang dapat digunakan bagi mengemaskinikan dan mempercepatkan proses kerja dan seumpamanya.
3. Kerja-kerja "Office Automation".
4. Memberikan tunjuk cara kepada pengguna komputer dan perisian.
15. **PENGENDALI KOMPUTER [066 34 221]**
[DI JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI]
TANGGAGAJI: D3 EB 4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) Mempunyai kelulusan Sijil Kebangsaan Biasa (ONC) dalam bidang komputer atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang beresesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pengendali Penyediaan Data atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun.
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:
1. Memasukkan data-data dan maklumat kepada sistem yang ada dan sistem yang baru.
2. Menyediakan dan mereka bentuk 'software' yang dapat digunakan bagi mengemaskinikan dan mempercepatkan proses kerja dan seumpamanya.
3. Kerja-kerja "Office Automation".
4. Memberikan tunjuk cara kepada pengguna komputer dan perisian.
16. **PENOLONG PEGAWAI DOKUMEN KONTRAK [BILANGAN KOD: 084 31 147]**
[DI JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) Mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit dalam 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang beresesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.
b) Berpengalaman dalam menyediakan kenyataan tawaran, pembahagian dokumen tawaran, penyediaan dokumen kontrak dan pembahagian.
c) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam penggunaan komputer serta meniadalah merupakan satu kelebihan.
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:
Membantu Pegawai Dokumen Kontrak dalam perkara-perkara berikut:
i) Menyediakan lida tawaran dan pembahagiannya.
ii) Mengendalikan dan pembahagian dokumen tawaran.
iii) Mengendalikan surat penerimaan kerja dan pendaftaran dokumen, buku pendaftaran kontrak dan kad rekod para pemborong.
iv) Menyusun dan pembahagian dokumen kontrak.
v) Menyusun dan mencatat sijil-sijil kontrak dalam buku pendaftaran kontrak dan rekod para pemborong.
17. **PEMANDU OPERATOR [BILANGAN KOD: 024 88 513]**
[DI JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI]
TANGGAGAJI: D1 EB 2 \$ 530 - \$ 820 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:
a) Mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit dalam 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan

- yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
b) Mempunyai lesen memandu kelas 3, 5, dan 11 yang sah dan tidak pernah didakwa atas kesalahan-kesalahan memandu.
c) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan berat dan berkebolehan membaiki kerosakan-kerosakan kecil adalah merupakan satu kelebihan.
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:
1. Memandu jentera-jentera berat atau apa jua kenderaan dalam mengendalikan kerja-kerja yang diungkapkan oleh Jabatan Daerah seperti meratakan tanah, menggali longkang dan seumpamanya.
2. Memastikan jentera-jentera berat atau lain-lain kenderaan digunakan sentiasa berada dalam keadaan baik.
18. **AHLI BOMBA PELATIH [LELAKI DAN WANITA]**
[BILANGAN KOD: 043 56 113]
[DI JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI]
TANGGAGAJI: Mulai dari \$ 500.00 sebulan dan selepas berkhidmat selama 6 bulan dengan memuaskan, calon-calon yang dipilih akan dinaikkan pangkat menjadi Ahli Bomba Kelas II dengan gaji sebanyak \$ 605.00 sebulan dalam skema gaji P1 EB 2 - \$ 605.00 - \$ 885.00. Tambahan elaun "P" sebanyak \$ 100.00 sebulan, kumulatif elaun khas sebanyak \$ 100.00 sebulan dan elaun sara hidup sebanyak \$ 140.00 sebulan.
KELAYAKAN AKADEMIK:
Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
KELAYAKAN FIZIKAL:
a) Umur - Di antara 18 hingga 28 tahun.
b) Tinggi - Sekurang-kurangnya 5'4" (1.63m) bagi lelaki dan 5' (1.52m) bagi wanita.
c) Dada - Sekurang-kurangnya 34" (86cm) apabila tidak ditarik nafas (biasa) bagi lelaki.
d) Pemohon-pemohon hendaklah tidak memakai kaca mata.
e) Berasingan dengan ketetapan V/8 tanpa menggunakan kaca mata atau kanta lekap (contact lens) dan boleh membaca dekat 1/1N.5. Tidak buta warna (colour blind).
f) Pendengaran biasa.
g) Pemohon hendaklah mempunyai badan yang sihat dan mendapat kelulusan pemeriksaan yang dibuat oleh Pengarah Perubatan dan Kesihatan kerajaan.
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:
Calon-calon yang berjaya apabila dicalonkan adalah dikehendaki menjalankan tugas di mana-mana Balai Bomba di Negara ini.
TEMPAT DAN TARIKH PENGAMBILAN:
Pengambilan anggota-anggota baru ini akan diadakan selama 3 hari iaitu pada 23, 24 dan 25 April, 2001 bertempat di Pusat Latihan Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas. Masa pengambilan bermula 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan jam 1.30 petang hingga 4.00 petang. Calon-calon hendaklah membawa bersama sijil-sijil pelajaran yang asal serta salinannya sekali dan kad pengenalan mereka semasa menghadiri pengambilan tersebut.
Hanya mereka yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang dikehendaki seperti di atas dipelawa untuk menghadiri pengambilan tersebut.
UJIAN
Calon-calon akan dikehendaki menjalani ujian permulaan, praktikal dan juga ujian bertulis. Mereka yang gagal dalam ujian tersebut tidak akan disokong. Bagi seseorang yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, hendaklah menghantar permohonan mereka melalui ketua jabatan masing-masing dan ketua jabatan tersebut hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan mereka satu laporan sulit dan salinan rekod perkhidmatan yang lengkap sebelum pengambiln. Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan juga dikehendaki hadir ke tempat pengambilan pada tarikh yang dinyatakan.
Borang permohonan boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dilampirkan dengan lengkap (3 salinan) dan diserahkan berserta dengan salinan Surat Akaan dan sijil-sijil kepada Pegawai Pengambilan Bomba semasa menghadiri pengambilan ahli-ahli bomba pelatih lelaki dan wanita pada tarikh dan tempat yang telah ditetapkan.
19. **PEMBANTU BURUH [050 19 455]**
[DI JABATAN BURUH, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI]
TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang beresesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang berkaitan dalam tanggagaji F1 selama 3 tahun.
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:
Menghantar sama dan notis dan membuat sedikit sebanyak kerja-kerja teknikal dan kerani dalam cawangan Jabatan Buruh.
20. **TRADESMAN TINGKAT I [068 03 955]**
[DI JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI]
TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC 3 dalam Motor Vehicle Mechanic atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

- Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang beresesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Tradesman Tingkat II selama 3 tahun.
b) Boleh membaiki dan membuat kerja-kerja kerosakan-kerosakan ringan kenderaan seperti trak-trak, mesin-mesin dan mesin rumput.
c) Boleh membaiki dan taham untuk menyemak nombor barang-barang ganti dalam buku manual/katalog.
d) Mempunyai lesen memandu kelas 3. Manakala calon-calon yang mempunyai lesen memandu kelas 5 adalah satu kelebihan.
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:
1. Memastikan peralatan yang digunakan dalam keadaan baik.
2. Menjalankan lain-lain tugas Jabatan Bandaran yang ditugaskan oleh Pengerusi dari masa ke semasa.
21. **PEMANDU [BILANGAN KOD: 000 98 505]**
[DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN]
TANGGAGAJI: F3-4 EB 5 \$ 550 - \$ 700 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:
a) Hendaklah tahu menulis dan membaca.
b) Mereka mestilah memandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu.
c) Boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
d) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.
22. **TRADESMAN KUMPULAN I TINGKAT I**
[BILANGAN KOD: 094 03 961]
[DI JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]
TANGGAGAJI: F3-4 EB 6 \$ 550 - \$ 790 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC 3 dalam 'carpentry' atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang beresesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
ii) Mempunyai pengalaman selama 3 tahun sebagai tukang kayu dan boleh membaca dan memahami lukisan-lukisan rajah serta boleh membuat penilaian bahan-bahan dan kayu yang akan digunakan bagi satu-satu kerja yang dirangkaskan.
23. **PEMANDU MOTORSANGKUT TINGKAT I**
[BILANGAN KOD: 060 98 156]
[DI JABATAN LAUT, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN]
TANGGAGAJI: F3-4 EB 6 \$ 550 - \$ 790 SEBULAN.
KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) Mempunyai Sijil Kecekapan sebagai Pegawai Laut Kelas 9 terhad dan mempunyai pengalaman memandu motorsangkut selama 3 tahun. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pemandu Motorsangkut, Tingkat II dalam tanggagaji F34 EB 5 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun serta lulus ujian bagi mendapatkan Sijil Kecekapan sebagai Pegawai Laut Kelas 9 terhad yang ditugaskan oleh Jabatan Laut.
b) Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai peralatan-peralatan sungai-sungai di Negara Brunei Darussalam.
- NOTA:**
Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sangat baik bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
Bagi calon-calon yang mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa hendaklah dengan cara sekali duduk peperiksaan atau 2 kali pada 2 tahun berturut-turut.
AM:
Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau sebagai cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
PERINGATAN:
Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.
Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.
Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah di kemulikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akaan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Satu, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
TARIKH TUTUP: 14 MEI 2001
BILANGAN PENDAFTARAN: 05/2001
RUJUKAN: JPA/3.2/09/00



DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DAN KUALA BELAIT

SAMAN BIL : 149/2000
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
... Plaintiff

DAN

HONG SHE HOE ... Defendan

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Hong She Hoe alamatnya yang terakhir diketahui ialah di Lot No : 2560, Jalan Pandan, Kuala Belait KA 1931, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa satu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang tersebut di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana tuntutan plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut 1) sebanyak \$442.00; 2) faedah pada kadar 6 peratus mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh; 3) kos; 4) sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret Kuala Belait pada 28 Mei, 2001 jam 2.15 petang, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan

di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Bertarikh pada hari ini 28 Februari, 2001.

Haji Abdullah Soefri DP Haji Abidin - Majistret

SAMAN BIL : 130/2000
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
... Plaintiff

DAN

CHONG JUAT NGO ... Defendan

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Chong Juat Ngo alamatnya yang terakhir diketahui ialah di W3 1/2 Lot 4593, Jalan Maulana, Kuala Belait KA 1931, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa satu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang tersebut di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana tuntutan plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut 1) sebanyak \$2,932.23; 2) faedah pada kadar 6 peratus mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh; 3) kos; 4) sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret Kuala Belait pada 28 Mei, 2001 jam 2.15 petang, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Bertarikh pada hari ini 28 Februari, 2001.

Haji Abdullah Soefri DP Haji Abidin - Majistret

SAMAN BIL : 153/2000
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
... Plaintiff

DAN

SHARIFAH JUHARA BINTI WAN MUSA (Berniaga di bawah nama dan gelaran "Sharlee Enterprise") ... Defendan

Harga Tawaran : \$200.00. Harga Dokumen : \$50.00.
Tempat tutup : Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.
Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi kategori 5(j), 6(f), 6(g) dalam kelas II, III, IV, V, VI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Empat (4), Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA KEMENTERIAN KEWANGAN

Bilangan Tawaran : TMSN/8/4.2001

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "Supply And Delivery Of Stationery For Information Technology And State Store Department, Ministry Of Finance For The Year 2002 - 2003".
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran berharga \$200.00 (Ringgit Brunei Dua Ratus sahaja) bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam.
3. Pembelian dokumen tawaran hendaklah dibuat di Unit Akaun, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi sahaja.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk seperti berikut : "SUPPLY AND DELIVERY OF STATIONERY FOR INFORMATION TECHNOLOGY AND STATE STORE DEPARTMENT, MINISTRY OF FINANCE FOR THE YEAR 2002 - 2003" tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong. Sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin 14 Mei, 2001.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



HINDARKANLAH KEMALANGAN

JAWATAN PEKERJAAN TEMPATAN KEMENTERIAN HAL EHWAL NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

an kur-
kut: nyai pekerjaan dan mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ii. Skim ini diberikan HANYA SEKALI kepada graduan dan lepasan HND yang terpilih.

iii. Mestilah berdaftar dengan Jabatan Buruh, dan;

iv. Sektor swasta termasuk syarikat yang dimiliki oleh kerajaan dan penyertaan ke dalam skim ini adalah secara sukarela dan tidak ada paksaan.

Bagaimanakah Skim Ini Berjalan?

Skim ini dibahagikan kepada 6 proses seperti berikut :-

PROSES 1 - PEMILIHAN DAN PERTIMBANGAN JAWATAN

Melalui skim ini cuma jawatan-jawatan yang dikenal pasti dan dibenarkan sahaja yang akan ditawarkan kepada graduan dan lepasan HND. Senarai jawatan yang dikenal pasti akan dimaklumkan dari masa ke semasa melalui pengiklanan.

PROSES 2 - PENGIKLAMAN JAWATAN

Setelah jawatan dikenal pasti dan ada majikan yang berkesanggupan untuk mema-suki skim ini, maka iklan akan dikeluarkan oleh Jabatan Buruh dengan menyatakan syarat-syarat kelayakan dan sebagainya seperti yang diperlukan oleh majikan. Setiap pemohon yang berdaftar dengan Jabatan Buruh adalah dipelawa untuk memohon jawatan yang difikirkan bersesuaian dengan karier mereka.

PROSES 3 - TEMU DUGA

Borang-borang permohonan yang diterima akan diproses dan calon-calon yang diperakukan (shortlists) sahaja yang akan dipanggil untuk temu duga.

PROSES 4 - PENEMPATAN

Sebelum skim dan penempatan dimulakan, calon-calon yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani kontrak perjanjian bersama dengan majikan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Semasa penempatan, di samping membuat kerja-kerja yang diarahkan oleh majikan, calon berkenaan juga akan dikehendaki untuk mengikuti program-program yang telah dirancang dan kenal pasti. Tempoh penempatan adalah di antara 3 hing-ga 6 bulan tertakluk kepada jenis jawatan dan juga persetujuan majikan.

PROSES 5 - PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Perkembangan setiap pelatih yang telah disalurkan ke syarikat swasta akan diawasi dan dipantau dari masa ke semasa oleh Jabatan Buruh melalui Jawatankuasa Pemantauan. Setiap majikan dikehendaki untuk menghadapkan laporan perkembangan (Progress Report) ke jawatankuasa berkenaan setiap bulan bagi setiap pelatih yang ikut ser-



ta dalam skim ini dan cuma pelatih-pelatih yang menunjukkan prestasi dan kedatangan-an yang memuaskan akan diberikan elaun mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Di samping laporan bulanan, Jabatan Buruh juga akan membuat pemantauan melalui lawatan ke tempat kerja di mana pelatih menjalani latihan serta perbincangan yang berterusan dengan pihak majikan.

PROSES 6 - PEKERJAAN TETAP

Calon-calon yang berjaya mengikuti skim ini dan memenuhi kehendak majikan akan diambil berkhidmat secara tetap oleh majikan. Calon-calon yang berjaya juga akan diberikan SIJIL PENYERTAAN (TAMAT LATIHAN).



Bagi maklumat dan penerangan lanjut mengenai dengan skim ini, sila hubungi terus :

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PEKERJAAN TEMPATAN
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tel : 02 382 056 Ext 332/342

Hot Line : 02 382676

Fax : 02 383 244/02 382 979

E-Mail : info@labour.gov.bn



Sambutan Hijrah..... Sambutan Hijrah..... Sambutan Hijrah.....



SETIAUSAHA Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin selaku wakil Timbalan Menteri Pertahanan menyampaikan cenderamata kenangan kepada seorang pegawai Kementerian Pertahanan yang bersara (atas). Sementara gambar kiri, tetamu kehormat serta lain-lain pegawai kanan Kementerian Pertahanan ketika hadir di Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1422 anjuran Kementerian Pertahanan yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Hayati, amalkan semangat hijrah

PULAU, 30 Mac. - Seramai 40 orang pegawai dan kakitangan awam Kementerian Pertahanan telah menerima hadiah cenderamata kenangan bagi mengenang jasa mereka setelah bersara daripada jawatan masing-masing dalam satu majlis sempena menyambut Awal Tahun Baru Hijrah 1422.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin selaku wakil Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sangamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Majlis yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah itu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh naib johan qari Kementerian Pertahanan tahun 2000, Pengiran Haji Merali bin Pengiran Haji Momin.

Menyerikan majlis berke-bajikan itu, ceramah khas mengenai peristiwa serta pengertian hijrah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah disampaikan oleh pensyarah Institut Pe-

Oleh
Abu Bakar HAR

ngajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Nik Rahim bin Nik Wajis.

Pengajaran peristiwa hij-

rah yang telah dialami oleh Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang melebihi 1,400 tahun lalu sewajarnya dihayati, bukan hanya diingat setiap kali datangnya awal bulan Muharam sahaja, akan tetapi ianya mestilah menjadi amalan dan menjadi prinsip bagi setiap umat Islam.



PEGAWAI dan kakitangan wanita Kementerian Pertahanan di antara ratusan jemputan yang hadir di majlis itu. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Sambutan Hijrah anjuran Universiti Brunei Darussalam

Oleh Siti Muslihat HS



PARA ahli panel Forum Hijrah Universiti Brunei Darussalam ketika menggariskan pengertian hijrah dalam pelbagai bidang. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

TUNGKU, 28 Mac. - Sempena menyambut Awal Tahun Hijrah 1422, Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Institut Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddin telah mengadakan Forum Hijrah berlangsung di Dewan Kuliah universiti berkenaan.

Hadir menjadi tetamu kehormat di majlis itu ialah Penolong Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Kassim bin Haji Daud.

Forum berkisar mengenai Hijrah Dalam Konteks Maju Bangsaku Sejahtera Negaraku dan mengetengahkan empat orang ahli panel terdiri daripada Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Dekan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin; Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman, Dekan Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar; Dayang Hajah Aisah binti Haji Mohd. Yusof, Pensyarah Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanah Bolkih dan Awang Haji Sarbini bin Haji Matahir, Pensyarah Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin.

Semasa forum para ahli panel antaranya menggariskan pengertian Hijrah Dalam konteks Islam, ekonomi, pendidikan berlandaskan Islam dan akidah.

Forum dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Institut Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Pengiran Anak Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail.

Majlis Resepsi Hari Kebangsaan NBD Ke-17 di luar negara



TUAN Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bin Pengiran Metasan, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman sedang memotong kek sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 yang diadakan di Grand Hyatt Hotel, Kesultanan Oman bersama tetamu kehormat, Tuan Yang Terutama Dr. Ahmad bin Khalfan bin Mohammed Al Rawahi, Menteri Pertanian dan Perikanan.



TUAN Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bin Pengiran Metasan, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman dan Datin bergambar bersama masyarakat Brunei di Kesultanan Oman iaitu pasangan suami isteri pegawai-pegawai Kedutaan Besar dan pegawai-pegawai Syarikat Minyak Brunei Shell yang bertugas di Petroleum Development of Oman. Mereka telah mengambil bahagian dalam persembahan kebudayaan Brunei semasa Majlis Resepsi Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 yang diadakan di Grand Hyatt Hotel, Kesultanan Oman pada 24 Februari, 2001.

Sambutan di Republik Rakyat China



TETAMU kehormat di majlis tersebut, Tuan Yang Terutama Tuan Zhao Guangzhao berkesudahan memotong kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 bersama Awang Haji Abdul Halid bin Haji Mustafa, Kuasasah Sementara.

REPUBLIK RAKYAT CHINA. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Beijing, Republik Rakyat China mengadakan Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17. Majlis berlangsung pada 23 Februari, 2001 bertempat di Hotel Hilton, Beijing.

Hadir di majlis tersebut ialah pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan lain-lain kementerian Republik Rakyat China, duta-duta besar serta pegawai-pegawai kanan kedutaan negara-negara ASEAN dan duta-duta besar asing termasuk beberapa wakil daripada agensi-agensi pelancongan, pelaburan dan Persatuan Islam China.

Tetamu kehormat ialah Tuan Yang Terutama Tuan Zhao Guangzhao, Vice Chairman of The Standing Committee of The National People's Congress, Republik Rakyat China.

Sambutan di Muscat, Kesultanan Oman

KESULTANAN OMAN. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Resepsi bagi merayakan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 pada 24 Februari, 2001 di Grand Hyatt Hotel, Muscat, Kesultanan Oman. Seramai 400 orang tetamu antaranya terdiri daripada orang-orang kenamaan Oman, diplomat-diplomat, ahli-ahli perniagaan dan masyarakat ASEAN di Oman telah hadir di majlis tersebut.

Majlis disambut dengan meriah dan keramaian para tetamu yang mengahdirinya itu sesungguhnya dapat disimpulkan sebagai suatu penghormatan tinggi dan penghargaan terhadap negara kita.

Pihak Kerajaan Kesultanan Oman telah mengaturnya Tuan Yang Terutama Dr. Ahmad bin Khalfan bin Mohammed Al Rawahi, Menteri Pertanian dan Perikanan sebagai tetamu kehormat di majlis tersebut termasuk tiga orang Setiausaha Rendah (Undersecretaries), Timbalan Presiden Pertubuhan Agung Pergerakan Belia, Sukan dan Kebudayaan, Timbalan Ketua Audit Kewangan Negara, Timbalan Gabenor Muscat, Komander Angkatan Tentera Oman, Komander Angkatan Udara Diraja Oman, Penolong Ketua Inspektor Polis dan Kastam dan Ketua Jabatan Asia, Ketua Protokol dan Ketua Jabatan Pertubuhan-pertubuhan Persidangan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Kesultanan Oman.

Majlis tersebut tambah meriah lagi dengan adanya pertunjukan kebudayaan Brunei yang

dipersembahkan oleh masyarakat Brunei di Oman iaitu pegawai-pegawai di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Oman dan pegawai-pegawai Syarikat Minyak Brunei Shell yang bertugas di Petroleum Development of Oman (PDO).

Antara atur cara persembahan kebudayaan itu ialah bacaan syair bertajuk 'Merdeka' karya Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bin Pengiran Metasan, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, menggayakan pakaian tradisi lelaki Brunei yang menarik iaitu 'Cara Melayu' dan nyanyian serta tarian asli Brunei yang diiringi oleh peralatan muzik Brunei. Seni kata syair dan lagu asli Brunei ditayangkan bersama gambar-gambar keindahan Negara Brunei Darussalam melalui 'Microsoft Power Point Slide Presentation'.

Persembahan kebudayaan itu diunkayahkan bagi tujuan memberi kesempatan kepada masyarakat asing untuk mengenali keindahan kebudayaan dan tradisi Brunei serta mengenalkan tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam secara slaid, di samping untuk mempromosikan Tahun Melawat Brunei 2001 dan untuk meningkatkan lagi imej Negara Brunei Darussalam kepada negara-negara lain.

Persembahan itu mencapai matlamatnya dan mendapat sanjungan daripada para tetamu dan persembahan seumpama itu adalah yang pertama kali diadakan di kalangan pejabat kedutaan di Kesultanan Oman.



SEBUAH lagu dan tarian asli Brunei 'Adai-adai' dipersembahkan semasa Majlis Resepsi Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 yang diadakan di Grand Hyatt Hotel, Kesultanan Oman pada 24 Februari, 2001.



AWANG Haji Abdul Halid bin Haji Mustafa, Kuasasah Sementara, pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Beijing, Republik Rakyat China beserta keluarga masing-masing bergambar ramai semasa majlis tersebut.

HUJAN terus mencurah. Derunya mbingkitkan telinga. Udara menjadi lembap, kedinginan membungkus badan. Keadaan begini membuat orang menjadi malas. Mata terasa berat. Jika kepala diletak di atas bantal, pasti lena jadinya. Malahan orang yang menonton rancangan televisyen pun menjadi mengantuk. Sudah empat jam hujan mencurah. Air sudah melimpahi longkang. Warna air longkang kekuningan, tak ubah air teh tarik bercampur susu.

Hajah Norsiah diulit bimbang. Sekejap dia duduk, sekejap pula dia berdiri. Matanya sering memandang ke arah pintu. Hatinya resah bercampur bimbang. Suaminya Haji Nudin yang keluar pagi tadi belum pulang-pulang. Selalunya jika dia ke hutan, sebelum Asar dia sudah ada di rumah.

"Aku terpaksa masuk hutan. Anak kita Saloma mengidamkan ayam hutan."

"Tapi sekarang musim hujan bang haji. Tunggulah sehari dua."

"Tak boleh Siah. Abang kena pergi jua."

"Eloklah berteman bang haji."

"Ala awak ni macam tak tahu dengan aku ni pula. Hutan sekitar kampung ini bukan sekali dua aku terokai."

"Saya rasa elok kalau abang pergi dengan suami Saloma. Esok Hamdan tak bekerja."

"Perkara baik tak elok ditunda-tunda."

Hajah Norsiah masih ingat dialog dirinya dengan suaminya Haji Nudin. Walaupun baru berkahwin dengannya dua tahun, namun rasa kasih dan sayang tercurah sepenuhnya kepada Haji Nudin. Lebih setahun dia menjanda. Lebih setahun dia berduka. Saban hari kesedihan jadi teman setianya. Suami pertamanya Haji Luba hilang di laut. Laut yang menjadi sumber pendapatannya. Laut luas tempatnya mencari rezeki kiranya menjadi kubur tak bernisan bagi jasadnya yang tidak dijumpai hingga hari ini.

Bukan mudah bagi Hajah Norsiah melupakan kisah sedih itu. Bukan mudah pula untuk memujuk hatinya yang rawan, yang sunyi, yang sepi. Hasil perkahwinannya dengan Haji Luba, dia mendapat dua orang anak. Saloma dan Salihudin. Saloma baru kahwin enam bulan yang lalu. Kini mengidamkan daging ayam hutan. Oleh sebab suami Saloma, Hamdan tak berkesempatan untuk mencari daging ayam hutan idaman isterinya itu, Haji Nudin mahu ke hutan untuk mencapainya hasrat Saloma anak tiri kesayangannya. Dia walaupun pernah berkahwin tetapi tidak punya zuriat. Isteri pertamanya meninggal dunia kerana menghidap penyakit kencing manis. Penyakit yang meragut ramai jiwa. Kata orang sekarang penyakit zaman maju, membunuh dalam senyap.

Di halaman terdengar bunyi kereta. Sedang hujan masih turun renyai. Saloma dan Hamdan tiba-tiba muncul di ruang tamu. Keduanya menghampiri Hajah Norsiah yang kelihatan resah. Wajah mereka penuh teka-teki.

"Apa halnya mak suruh kami pulang lckas?" Saloma mengajukan pertanyaan.

"Ayah tiri kau, belum pulang dari hutan."



PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI

"Ayah tahu dengan selok-belok hutan di sini, mak. Usaha lah bimbang."

"Tapi tadi angin agak kuat. Mak bimbang sesuatu yang buruk menimpa ayah tiri kamu."

"Janganlah menyangka yang buruk-buruk mak. Berdoalah agar ayah selamat. Terlindung daripada segala bala bencana."

Masa beredar tidak terasa. Tahu-tahu malam sudah melabuhkan tirainya. Sang suria sudah masuk ke bilik peraduannya. Haji Nudin masih belum pulang. Kegelisahan serta kebimbangan Hajah Norsiah sudah sampai ke puncaknya. Air matanya mengalir laju, tak

ubah air empangan yang limpah. Apa yang dibuatnya serba tak kena. Berdiri salah, duduk pun salah. Selera makan juga hilang. Perutnya terasa kenyang meskipun seharian belum diisi dengan makanan. Sesuatu yang buruk tergambar dalam mindanya. Meskipun dia cuba menghalau bayangan buruk itu, namun ia tewas dan kalah terus. Saloma sudah puas memujuk, puas menenangkan, namun tidak berjaya memujuk hati ibunya yang sangat rawan itu.

Kehilangan Haji Nudin sudah dilaporkan kepada ketua kampung. Malah kepada pihak polis juga telah dihubungi. Se-

pasukan anggota polis dan dibantu oleh anak-anak kampung, sedang menjelajah hutan yang dimasuki oleh Haji Nudin siang tadi. Hamdan dan Salihudin juga ikut serta. Sementara itu Hajah Norsiah tidak lepas-lepas memohon doa ke hadirat Ilahi agar menyelamatkan suaminya daripada sebarang bala bencana.

"Mak, ayah tak ada apa-apa penyakit yang bahayakah?"

"Setahu emak tak ada. Dia sihat."

"Maksud saya, adakah ayah menghidap penyakit darah tinggi? Lemah jantung atau kencing manis?"

"Tak ada. Ayah kau sihat. Kau pun lihat sendiri, dia tu mana suka duduk diam. Ada saja yang hendak dibuatnya."

"Bersabarlah mak. Samalah kita berdoa semoga ayah dapat ditemui. Ayah akan pulang menemui kita mak."

"Mudah-mudahan, Saloma." Hajah Norsiah teresak-esak. Hatinya sayu benar, sehingga dia tidak dapat mengawal perasaan pilunya. Saloma menyabarkannya. Saloma memeluknya. Di matanya sendiri sudah tergenang air mata. Dia sendiri merasa sayu melihat nasib ibunya.

Tiba-tiba saja tergambar di mindanya tentang kehilangan ayahnya Haji Luba lebih dua tahun yang lalu. Waktu itu ibunya dalam kesedihan yang amat sangat. Berminggu-minggu lamanya mereka menunggu dan mendengar berita tentang ayahnya Haji Luba, namun orang yang ditunggu tidak kunjung tiba. Khabarnya juga tidak ada. Jikalau takdir menentukan ayahnya menemui ajal, mengapa mayatnya tidak ditemui?

Saloma masih ingat, kerana kehilangan ayahnya itulah ibunya Hajah Norsiah menjadi pendiam. Tidak banyak berbicara. Masanya lebih banyak diisi dengan bermenung. Makanan sudah tidak membuka selernya. Meskipun Saloma dan Hamdan membelikan berjenis-jenis makanan dan masakan yang membuka selera, namun selera makan Hajah Norsiah seperti tiada. Jikapun dia makan hanya sekadar mengisap perut. Itu pun amat sedikit. Akibatnya badan Hajah Norsiah susut. Berat badannya menurun. Saloma tidak mahu peristiwa sedih itu berulang lagi. Ia tidak mahu ibunya akan bersedih dan berduka. Selera makannya juga akan hilang. Baginya semua makanan dan masakan tidak sedap, tidak membuka selera.

"Bersabarlah mak. Kami sudah mencari ayah di merata tempat. Tetapi tak berjumpa." Hamdan yang baru pulang dari hutan bersuara. Badannya basah oleh peluh.

"Benar mak. Esok pihak polis dan orang kampung akan membantu mencari. Bertenanglah mak. Jangan difikirkan yang tidak-tidak." Salihudin pula cuba menenteramkan hati nurani ibu kandungnya. Meskipun dia sendiri diulit bimbang, namun semuanya dipendam dan disembunyikan. Dia tidak mahu ibunya akan terlalu hiba. Akan terlalu bimbang. Malam itu mereka bersembahyang hajat.

Siang meskipun lambat munculnya bagi Hajah Norsiah dan anak-anaknya, namun ia tetap muncul mengabdikan diri. Sang suria bersinar galak dan makin galak menerangi buana. Hutan di sekitar Kampung Penyangat Belaying awal-awal pagi sudah diisi oleh manusia. Suara mereka melaung-laung memanggil nama Haji Nudin. Bersahut-sahutan suara memanggil-manggil nama Haji Nudin. Tetapi tiada balasan, tiada tindak balas, kecuali yang ada suara pemanggil memantul dan singgah di cuping telinga setiap orang yang ada di dalam hutan. Kesan-kesan mereka cari. Tapak kaki juga dicari. Mereka gagal menemui apa yang boleh dijadikan panduan dan alamat.

Hamdan dan beberapa orang di dalam kumpulan mereka menemui seponok pokok getah yang agak besar tumbang menyembah bumi. Pantas mereka mengeledah di tempat pokok getah itu, tetapi mereka tidak menemui apa-apa. Haji Nudin tidak ada di bawah pokok, di celah dahan dan ranting pokok getah yang rebah itu juga tiada. Ini bererti dia tidak terlibat dengan kemalangan akibat pokok yang tumbang itu.

Sementara kumpulan Salihudin menemui beberapa titis darah di atas rumput, malah pada daun-daun pokok renek yang berhampiran. Berderau hati Salihudin. Mereka mengikut kesan darah itu, tetapi sampai di bahagian curam kesan darah itu sudah hilang. Di bawah curam mereka geleдах, tidak ada apa-apa di sana. Mereka terus mencari.

Kini sudah masuk hari ketiga Haji Nudin hilang. Bererti sudah tiga hari juga Hajah Norsiah dibungkus kesedihan. Matanya sudah merah dan bengkak kerana sering menangis. Entah mengapa, dia sendiri tidak dapat menahan rasa sebak di dalam dirinya. Meskipun dicubanya bertenang, walaupun dibawa beristighfar dan berzikir mengingat ilahi, namun rasa pilu itu lebih tinggi menguasai dirinya. Gerakan mencari tetap diteruskan, namun bayangan Haji

Majlis tahlil malam itu disatukan dengan majlis doa kesyukuran. Bagi Hajah Norsiah, kematian suami keduanya kini berganti. Satu hilang, satu datang.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN


PIHAK RTB berhak
menyuar mana-mana
jua rancangan

RABU 11 APRIL		5.55	MARI BELAJAR MENGAJI	10.00	NEWS AT 10		- Siaran Langsung	4.15	ANIMATION -
			- Ulangan	10.30	KHUTBAH JUMAAT	9.00	BERITA		'Monte Cristo'
		6.20	DARI MAHKAMAH KADI	10.45	TELEDRAMA -	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	5.15	TRAP TRIP - Ulangan
		6.28	AZAN MAHGRI		'Apa Salahku' Bhg. VII	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	5.30	DOKUMENTARI -
		6.35	AL-QURAN	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT	10.10	TINDULANG BERSAMA		'Zambezi Shark'
							CHEF WAN - Siri baru	5.45	BERITA
							FROOTERS - Siri baru	5.55	DOKUMENTARI -
							KLIK! KLIK! KLIK!		Sambungan
							BERITA	6.27	AZAN MAGHRIB
							SUNDAY MATINEE -	6.35	AL-QURAN
							'Free Willy 2: The Adventure Home'	6.36	THAHARAH
</									

Majlis Resepsi Hari Kebangsaan NBD Ke-17 di luar negara



TUAN Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Amin bin PDPD Dato Paduka Haji Abdul Rahim, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia dan Datin Hajah Norhani binti Haji Mohammad bersama-sama Puan Yang Terutama Ibu Megawati Soekarnoputri, wakil Presiden Republik Indonesia semasa memotong kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 pada 23 Februari, 2001 di Sasono Mulyo, Le Meridien Hotel, Jakarta, Republik Indonesia.



TUAN Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Amin bin PDPD Dato Paduka Haji Abdul Rahim, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia bergambar ramal bersama-sama dengan pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jakarta semasa sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 yang telah diadakan pada 23 Februari, 2001 di Sasono Mulyo, Le Meridien Hotel, Jakarta, Republik Indonesia.

Sambutan Hari Kebangsaan di Jakarta, Indonesia

INDONESIA. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jakarta, Indonesia telah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17. Majlis berlangsung pada 23 Februari, 2001 lalu bertempat di Sasono Mulyo, Hotel Le Meridien, Jakarta.

Majlis telah dihadiri oleh Puan Yang Terutama

Ibu Megawati Soekarnoputri, wakil Presiden Republik Indonesia; Tuan Yang Terutama Tuan Achmad Sujudi, Menteri Kesihatan Republik Indonesia; bekas Menteri Luar Negeri Republik Indonesia, Yang Mulia Bapak Ali Alatas; para duta besar dan pegawai-pegawai kanan Republik Indonesia.



TUAN Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Adnan bin Buntar dan isteri, Pengiran Datin Hajah Yura Alaiti binti Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bergambar ramal bersama pegawai-pegawai Home-Based Staff serta keluarga Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Berlin.

Sambutan di Republik Persekutuan Jerman

REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Berlin, Republik Persekutuan Jerman telah mengadakan Majlis Resepsi Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17. Majlis berlangsung pada 23 Februari, 2001 bertempat di Hotel Hilton, Berlin.

Majlis turut dihadiri oleh duta-duta besar negara-negara asing ke Berlin, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jerman, ahli-ahli perniagaan dan tetamu-tetamu yang lain.



TETAMU-TETAMU yang terdiri daripada duta-duta besar negara-negara asing ke Berlin, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jerman, ahli-ahli perniagaan dan tetamu-tetamu lain.



TUAN Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Adnan bin Buntar, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Berlin dan isteri, Pengiran Datin Hajah Yura Alaiti binti Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bersama tetamu, Tuan Jurgen Wilken, Sr. Vice Presiden Lufthansa Technic, Republik Persekutuan Jerman.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain menerima penerangan ringkas mengenai Program Muhawarah Perkhidmatan Awam Ke Arah Al-Falaah daripada Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Malai Haji Ali. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika hadir di Majlis Pelancaran Program Muhawarah Perkhidmatan Awam Ke Arah Al-Falaah. Juga kelihatan ialah Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Anak damit lahir 1 Muharam 1422 terima hadiah dari IBB, TAIB dan IDBB

KUALA BELAIT, 27 Mac. - Seorang anak damit lelaki yang dilahirkan pada 1 Muharam 1422 Hijrah di Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait telah menerima hadiah yang disampaikan oleh Kadi Daerah Belait, Pg. Haji Noor Asmawi bin Pg. Haji Ahmad selaku wakil peribadi Pegawai Daerah Belait.

Hadiah berupa pakaian dan peralatan anak damit itu adalah sumbangan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Selain itu wakil-wakil dari Bank Islam Brunei (IBB), Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB) juga memberi sumbangan.

IBB memberi sumbangan berupa Akaun Anak Damit sebanyak \$1,000.00 sementara TAIB memberikan Perlindungan Takaful Pelajaran sebanyak \$15.00 setiap bulan dalam tempoh 10 tahun berjumlah \$1,800.00 dan IDBB pula memberi sumbangan Al-Wadiah Junior Akaun sebanyak \$500.00.

Anak damit seberat 4.045 kilogram itu lahir kira-kira jam 3.05 petang adalah anak kedua bagi pasangan Awang Zailani bin Abdullah, 30 tahun dan Dayang Siti Hawa binti Haji Dullah, 28 tahun yang kini tinggal di Tutong Kem.

Menurut Dayang Siti Hawa, seorang suri rumah sepenuh masa berasal dari Kuala Belait, dia telah berada di hospital selama seminggu kerana mengalami bengkak kaki berpunca serangan darah tinggi. Untuk melahirkan anaknya itu katanya, dia dikehendaki menjalani pembedahan.

Awang Zailani merupakan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berasal dari Daerah Tutong. Pasangan terse-

Oleh Dk. Hj. Saidah PHOA

but telah berkahwin selama dua tahun dan anak sulung mereka seorang perempuan kini berusia 1 tahun 1 bulan.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah penghargaan kepada ibu-ibu yang prihatin dalam penyusuan



KADI Daerah Belait, Pg. Haji Noor Asmawi bin Pg. Haji Ahmad menyampaikan cenderamata kepada seorang ibu yang prihatin dalam penyusuan susu ibu, Dayang Noraini binti Haji Apang.

Program Muhawarah Perkhidmatan Awam Ke Arah Al Falaah

WARISAN ISLAM HENDAKLAH DIMANFAATKAN

RIMBA, 27 Mac. - Program Muhawarah Perkhidmatan Awam Ke Arah Al-Falaah merupakan warisan Islam hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya dalam kita menghadapi cabaran-cabaran daripada globalisasi dan ledakan teknologi infokomunikasi.

Kita perlu meninjau dan memahami ajaran-ajaran yang dibawa oleh pemimpin kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perkara ini telah dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain di Majlis Pelancaran Program Muhawarah Perkhidmatan Awam Ke Arah Al-Falaah yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Yang Berhormat berkata, Institut Perkhidmatan Awam memainkan peranan bagi menggerakkan hati dan menyapuh minda ke arah kecemerlangan Al-Falaah bagi menjamin tercapainya dan terlaksananya dasar-dasar, matlamat-matlamat dan rancangan-rancangan kerajaan demi kemakmuran dan keamanan negara.

Menurut Yang Berhormat, lima nilai yang perlu ada bagi memenuhi dasar dan matlamat sesebuah organisasi iaitu ada-

nya para cendekiawan dan adanya ahli-ahli yang berilmu dan memanfaatkan ilmunya; pentadbir-pentadbir dan pengarah-pengarah serta menteri-menteri yang berlaku adil; orang-orang salih dengan kegigihan mereka bekerja; penasihat-penasihat yang menyumbangkan buah fikiran dan menegur secara beradab dan menunaikan amanah supaya tidak berlaku penyelewengan.

Program Muhawarah Perkhidmatan Awam yang bertajuk 'Ke Arah Al-Falaah' iaitu kebaikan di dunia dan akhirat, adalah merupakan program kaunseling dan tafakkur meng-

ikut teori kaunseling Islam.

Ianya juga dikenali sebagai Pusat Bimbingan Pengurusan Mengikut Al-Quran dan As-Sunnah dan dijalankan dari masa ke semasa.

Dalam program itu, para peserta dididik dengan tatacara pentadbiran awam di samping meningkatkan kecekapan dan mutu kerja semata-mata berasaskan tamadun baru Islam.

Program ini diharap akan dapat meningkatkan kesedaran tentang perilaku dan perkembangan organisasi di samping mewujudkan kepekaan terhadap kesihatan organisasi dari aspek sistem dan budaya.

Pameran Komputer (BITEX 2001)

PAMERAN Komputer iaitu BITEX 2001 akan diadakan pada hari Khamis, 26 hingga 30 April, bertempat di Setia Kenangan Shopping Mall, Kiulap. Pameran tersebut akan dibuka kepada orang ramai mulai jam 9.30 pagi hingga 9.30 malam. BITEX 2001 adalah anjuran Persatuan Komputer Brunei Darussalam (PKBD) yang bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka yang berminat mengenai komputer dan teknologi masa kini untuk melihat pelbagai teknologi baru dan peralatan canggih dalam industri berkenaan.

Tema pada tahun ini ialah Pendidikan dan Latihan Dalam Infokomunikasi Teknologi (ICT).

Lebih daripada 25 syarikat-syarikat komputer akan turut hadir menawarkan peralatan-peralatan komputer yang terkini seperti komputer persendirian, modem, pengimbas, mesin pencetak, mesin penggambar, telefon bimbit, aksesori komputer, kursus komputer dan perkhidmatan pinjaman komputer dengan harga yang istimewa dalam BITEX 2001 ini.



KADI Daerah Belait, Pg. Haji Noor Asmawi bin Pg. Haji Ahmad selaku wakil peribadi Pegawai Daerah Belait bergambar ramai bersama ibu bapa dan anak damit yang dilahirkan pada 1 Muharam 1422 Hijrah. Juga hadir wakil-wakil dari Bank Islam Brunei (IBB), Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB), Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait dan pegawai-pegawai kanan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Belait.

BERAKAS, 31 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sentiasa mempunyai sikap terbuka, tulus dan ikhlas dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan kawalan ke atas daging halal dan pencegahan kemaksiatan yang melibatkan masyarakat Islam dan hukum syarak.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula ketika berucap di Majlis Perjumpaan Muhibah Dengan Pengurus-pengurus Perhotelan, Service Apartment dan Rumah-rumah Persinggahan Kerajaan berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Menurut Pengiran Dato Paduka, segala maklumat, maklum balas, cadangan, teguran dan nasihat yang ikhlas dan membina daripada orang ramai dan sektor swasta seperti pihak perhotelan, apartmen, rumah persinggahan, dewan-dewan perniagaan adalah sangat berguna bagi membantu kementerian untuk memilih cara atau kaedah yang terbaik dan bersesuaian demi memperbaiki dan meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan profesionalisme penguatkuasaan undang-undang dan peraturan penguatkuasaan daging-daging halal dan pencegahan maksiat di negara ini.

"Ini adalah selaras dengan kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam, dan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara," tegas Pengiran Dato Paduka.

Beliau berharap agar langkah 'turun padang' atau 'road show' bersemuka dengan mereka yang terlibat dalam memberikan bantuan, kerjasama dan sokongan dalam penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan isu pencegahan kemaksiatan dan kawalan daging halal itu akan dapat mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai kesan dan akibat daripada melanggar undang-undang dan peraturan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan hukum syarak.

Kesemuanya itu tambahnya, adalah semata-mata untuk memastikan supaya negara ini terhindar daripada segala kemaksiatan dan kemungkaran yang boleh merosakkan akidah, akhlak dan moral, menjejaskan keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan negara.

Beliau seterusnya menegaskan bahawa apa yang dihasratkan ialah kewujudan sebuah masyarakat dan negara yang aman, selamat, sejahtera dan makmur yang sentiasa mendapat keredaan dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wataala.

Terdahulu Pengiran Dato Paduka telah menyentuh mengenai berita-berita yang tersiar di surat-surat khabar dan perbualan di kedai-kedai kopi, restoran-restoran dan tempat-tempat awam mengenai isu kawalan ke atas daging dan penguatkuasaan mencegah kemaksiatan.

Dari segi kawalan ke atas daging, beliau menegaskan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak berniat untuk mengacau sesiapa pun tetapi adalah untuk memelihara umat Islam di negara ini supaya daging-daging yang dibekalkan kepada mereka itu terjamin kehalalannya menurut undang-undang dan peraturan serta kehendak hukum syarak.

Mengenai pencegahan maksiat, beliau menyatakan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama akan mengambil pendekatan melalui perjumpaan muhibah dan permuzakarah dengan pihak swasta yang berkaitan bagi tujuan mendengar dan menangani persoalan yang timbul supaya langkah-langkah yang bersesuaian akan dapat diambil oleh pihak-pihak yang berwajib.

Selain melarutkan perjumpaan muhibah itu ke daerah-daerah lain, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga akan mengadakan kursus ulang kaji bagi pegawai-pegawai penguatkuasaan undang-undang di Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk meningkatkan lagi kefahaman, pengalaman, keupayaan, disiplin serta tatacara dalam menjalankan tugas masing-masing di samping meningkatkan lagi profesionalisme mereka.

Di majlis itu, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama juga menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui kementerian sentiasa mengutamakan dan menitikberatkan kehendak hukum syarak melalui penguatkuasaan undang-undang sesuai dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan serta kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai negara Melayu Islam Beraja.

Sehubungan dengan usaha menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan kehendak hukum syarak itu, katanya, Kementerian Hal Ehwal Ugama memerlukan kerjasama dan bantuan daripada agensi-agensi penguatkuasaan di sektor kerajaan, sektor swasta dan orang ramai.

Antara matlamat perjumpaan muhibah itu ialah untuk memberikan penerangan mengenai undang-undang dan peraturan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan lain-lain kementerian dan jabatan yang berkenaan dengan penguatkuasaan kawalan daging dan pencegahan maksiat.

Ia juga bagi meningkatkan kerjasama dan perhubungan antara agensi penguatkuasaan undang-undang di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan lain-lain kementerian dan jabatan yang berkenaan dengan pihak swasta.

Selain dari itu, ia juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan maklumat lanjut mengenai perlaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama di samping untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan penguatkuasaannya.




KADI-KADI dan pegawai-pegawai masjid ketika mendengar ceramah mengenai ilmu Falak Syarie daripada seorang penceramah khas yang mengendalikan kursus tersebut. Kursus berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. - Gambar oleh Amat HM.

Menangani isu daging dan maksiat

Kementerian amalkan sikap terbuka

Oleh Sahari Akim



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof (empat dari kiri) ketika berucap di Majlis Muhibah Dengan Pengurus-pengurus Perhotelan, Service Apartment dan Rumah-rumah Persinggahan Kerajaan. Majlis berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah. - Gambar oleh Harun HR.

BELIAU seterusnya menegaskan bahawa apa yang dihasratkan ialah kewujudan sebuah masyarakat dan negara yang aman, selamat, sejahtera dan makmur yang sentiasa mendapat keredaan dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wataala.

Terokai Ilmu Falak Syarie

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 April. - Ilmu Falak Syarie adalah sebahagian kajian astronomi yang amat penting dalam kehidupan masyarakat Islam kerana kepentingannya dalam tugas-tugas ibadah seperti penentuan hala kiblat, waktu-waktu sembahyang dan penentuan bulan-bulan baru Islam.

Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria berkata demikian ketika berucap merasmikan Kursus Falak Syarie anjuran bersama Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Pejabat Kadi Besar, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama berlangsung di 'Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di sini.

Menurut Dato Paduka, ilmu tersebut mempunyai kepentingan yang sangat luas dan besar kepada umat Islam serta menjadi satu kewajipan fardu kifayah kepada sebahagian umat Islam yang mengetahui ilmu itu untuk mengembangkannya kepada umat Islam yang lain.

Bidang falak adalah bidang baru di negara ini yang patut diterokai khususnya oleh umat Islam. Maka ke arah itu beliau berharap agar Kursus Falak Syarie itu akan dapat memperdalam dan memupuk minat peserta semata-mata untuk kepentingan umat Islam khususnya bagi kemajuan di Negara Brunei Darussalam.

Beliau juga berharap agar Kursus Falak Syarie yang julung-julung kali diadakan dan diungkapkan sendiri oleh pegawai-pegawai dari agensi-agensi kerajaan di negara ini, akan dapat dijadikan titik tolak bagi membantu pihak yang terlibat khususnya dalam penggunaan falak syarie

dan umumnya bagi membantu orang ramai dalam perkara yang mereka patut ketahui.

Menyentuh mengenai kursus tersebut yang akan dilancarkan kepada para beliau yang aktif dalam kegiatan masjid, pada hemaat beliau ia adalah satu rancangan yang sangat baik, kerana jika mereka itu rajin mengkaji dan mendalami ilmu tersebut, maka mereka akan dapat mengembangkannya kepada umat Islam yang lain di masa hadapan selain dapat menanamkan keimanan dan kecintaan kepada agama Islam.

"Saya berharap sasaran perkembangan ilmu falak syarie ini kepada beliau-beliau akan dapat diusahakan pada kadar yang segera. Kepada para peserta yang akan menghadiri kursus pada hari ini diharapkan akan dapat mempelajari ilmu ini dengan tekun dan sabar kerana saya percaya ilmu yang akan diperolehi itu nanti dapat membantu serba sedikit tugas-tugas harian peserta," jelasnya.

Kursus yang akan diadakan dua atau tiga hari dalam seminggu selama lebih kurang enam minggu itu dihadiri oleh 20 orang peserta terdiri daripada kadi-kadi dan pegawai-pegawai masjid.

Latihan yang akan diberikan adalah seperti penentuan arah kiblat, waktu-waktu salat dan awal bulan Hijrah di samping mendedahkan para peserta kepada penggunaan perisian-perisian yang terdapat dalam internet selain memberikan latihan amali dengan menggunakan peralatan-peralatan ukur.

Masjid lama boleh dimanfaatkan bagi kemudahan anak kampung

Oleh Dk. Hjh. Saldah PHOA

KUALA BELAIT, 1 April. - Penghulu Mukim Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Utama Pengiran Haji Md. Said bersabda, masjid lama dan terbiar usang di Kampung Sungai Teraban boleh dimanfaatkan bagi kemudahan anak-anak kampung di situ.

Masjid yang terletak berdekatan kawasan perumahan di kampung itu, sabda Yang Amat Mulia boleh digunakan semula oleh anak-anak kampung dengan mengadakan aktiviti keagamaan.

Sehubungan dengan itu Yang Amat Mulia menyeru penduduk kampung berkenaan supaya bergotong-royong memperbaiki segala kerosakan yang terdapat di masjid itu dan membersihkan kawasan sekitarnya.

Yang Amat Mulia membuat seruan itu di Mesyuarat Pembubaran Ahli Jawatan Kuasa Majlis Perundingan Kampung Sungai Teraban Sesi 1999 - 2001 dan Perlantikan Ahli Jawatankuasa Baru Sesi 2001 - 2003. Majlis tersebut diadakan di Balai Raya kampung berkenaan.

Dalam pada itu Yang Amat Mulia juga menyeru mereka yang mempunyai tanah di kampung itu supaya membersihkan kawasan tanah mereka dan jangan mengabaikannya hingga ditumbuhi lalang dan semak serta menjadi sarang haiwan berbahaya.

Sikap perpaduan di kalangan penduduk kampung dan membantu membersihkan kawasan tanah mereka yang terlibat akan membitkan kemesraan dan keharmonian di kampung itu.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pemangku Ketua Kampung Sungai Teraban, Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Md. Salleh. Pada masa ini keramaian penduduk kampung tersebut berjumlah 1,212 orang.

Lantikan ahli-ahli baru Majlis Perundingan Kampung Sesi 2001-2003 terdiri daripada Timbalan Pengerusi, Pengiran Haji Zainal bin Pengiran Haji Ahmad; Setiausaha, Awang Mursidi bin Haji Sara; Timbalan Setiausaha, Awang Zaini bin Bujang Kadri; Bendahari, Awang Nurul Kumi bin Jaafar dan ahli-ahli jawatankuasa biasa, Awang Abdul Rahman bin Mat, Awang Ramli bin Chee, Awang Haji Ibrahim, Awang Haji Kefli bin Haji Omarali dan Awang Sumadi bin Marjono.

PESTA KOMERSIL PERDAGANGAN

Oleh Dk. Hjh. Saldah PHOA

KUALA BELAIT, 22 Mac. - Peniaga kecil dan sederhana di Daerah Belait telah dapat memperkenalkan produk barangan jualan mereka kepada orang ramai melalui penyertaan mereka di Pesta Komersil Perdagangan anjuran Syarikat Perkhidmatan Sulaikha.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI dengan jurucakap pihak penganjur menerangkan, Pesta Komersil Perdagangan selama sembilan hari itu merupakan kali keempat diadakan bertujuan bagi membantu peniaga kecil dan sederhana di daerah itu yang menghadapi kesulitan mencari tempat untuk menjalankan peniagaan mereka.

Melalui pesta seumpama itu katanya, para peniaga akan dapat mencari rezeki lebih dan berniaga di tempat yang sah menurut undang-undang dan peraturan pihak berwajib. Selain itu juga mereka berpeluang berkomunikasi dengan orang ramai dan menimba pengalaman berniaga.

Di samping itu juga ia memberi kesenangan kepada rakyat dan penduduk di daerah itu berbelanja di tempat sendiri dan dalam waktu yang sama mengurangkan mata wang negara itu mengalir ke luar negara. Dengan cara sedemikian sedikit sebanyak dapat mengukuhkan dan mengembalikan ekonomi negara.

Pesta berkenaan dirasmikan oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Pemangku Penguasa Polis Awang Haji Majid bin Haji Awang Damit, antara lain menyifatkan pesta seumpama itu memberi peluang rakyat dan penduduk negara ini berbelanja di negara sendiri dengan tawaran harga yang kompetitif.

Oleh
Dk. Hjh. Saldah PHOA

LUMUT, 29 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Pos disarankan agar sentiasa peka dengan perkembangan sekeliling dan sentiasa memastikan perkhidmatan yang mereka berikan setanding dan memenuhi kehendak dan keperluan orang ramai.

Ini berikutan kemunculan produk baru yang lebih menarik seperti internet dan bertambahnya syarikat swasta memberikan perkhidmatan perhubungan yang sama dengan yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos merupakan cabaran hebat bagi jabatan berkenaan.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menegaskan bahawa setiap kelengahan akan membuat jabatan tersebut ketinggalan dan berkemungkinan menjadi lapuk dan terus tersisih.

Berucap semasa merasmikan Pejabat Pos Lumut di sini, Yang Berhormat menyarankan agar pembaharuan dalam perkhidmatan diberi perhatian serius secara berterusan bagi menarik orang ramai agar terus berurus ke pejabat itu dan menjadikan pejabat tersebut berperanan sebagai pusat tumpuan masyarakat setempat berinteraksi, mendapatkan pelbagai perkhidmatan urusan, menerima dan menghantar maklumat.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menyeru semua pegawai dan kakitangan yang bertugas di semua pejabat pos di negara ini supaya sentiasa memberi perhatian dan membaiki kualiti perkhidmatan mereka, di samping membuat inovasi bagi memenuhi tahap perkhidmatan sebagaimana yang terkandung dalam Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) jabatan mereka.

Selain itu Yang Berhormat juga mengingatkan mereka supaya menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi, bertanggungjawab, jujur dan amanah, sentiasa memberikan perkhidmatan dengan penuh mesra dan bersopan santun.

Kata Yang Berhormat, telah menjadi hasrat kementerian untuk memberikan kemudahan dan perkhidmatan dengan penuh mesra dan bersopan santun.

Kata Yang Berhormat, telah menjadi hasrat kementerian untuk memberikan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan penduduk negara ini meliputi bukan sahaja penjualan setem dan

Jabatan Perkhidmatan Pos disarankan Beri perkhidmatan setanding dengan keperluan orang ramai



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyakikan kemudahan Pejabat Pos Lumut seurus merasmikannya. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

SEMUA pegawai dan kakitangan yang bertugas di semua pejabat pos di negara ini diseru supaya sentiasa memberi perhatian dan membaiki kualiti perkhidmatan mereka, di samping membuat inovasi bagi memenuhi tahap perkhidmatan sebagaimana yang terkandung dalam Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) jabatan mereka.

penghantaran surat tetapi juga menyediakan kemudahan lain umpamanya bil elektrik, air, telefon, gas pembaharuan lesen memandu dan cukai jalan.

Untuk itu sejak beberapa tahun yang lepas pelbagai usaha telah dilakukan bagi memperbaiki meningkatkan dan memperbagaikan perkhidmatan yang terdapat di pejabat-pejabat pos seperti mengenalkan produk yang berkaitan dengan penghantaran, perhubungan dan pelbagai urusan.

Dalam pada itu juga kerajaan melalui agensi-agensinya seperti Kementerian Perhubungan akan sentiasa berusaha memberikan kemudahan internet di tempat-tempat bersesuaian seperti cyber cafe di pejabat-pejabat pos kepada semua lapisan masyarakat.

"Perkhidmatan yang dikendalikan di kaunter-kaunter pejabat pos pada masa ini lebih menyeluruh daripada perkhid-

matan pos asas (pos biasa) kepada penyediaan perkhidmatan agensi, penjualan barang-barang pos, alat-alat tulis, surat khabar dan perkhidmatan menerima, menghantar maklumat dan urusan-urusan lain," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, pembukaan pejabat pos tersebut merupakan sebahagian daripada usaha untuk menjadikan setiap pejabat pos di negara ini sebagai pusat urus niaga dan informasi bagi para pelanggan dan orang ramai membuat urusan pembayaran perkhidmatan di satu tempat sahaja.

Pejabat Pos Lumut terletak berhadapan Sekolah Rendah Lumut merupakan pejabat pos baru dan mula beroperasi 5 Mac lepas, bagi menggantikan Pejabat Pos Sungai Liang yang selama ini menumpang sementara di Balai Raya Kampung Sungai Liang dengan menjalankan perkhidmatan terhad

memandangkan biliknya sempit.

Pada masa ini pejabat pos berkenaan dikendalikan oleh lima orang kakitangan bagi menjalankan perkhidmatan pos tradisi seperti penjualan setem, surat berdaftar, pengiriman dan penerimaan bungkusan, kiriman wang dan bayaran sewa peti surat, bayaran bil elektrik, air insurans, membaharu cukai dan lesen memandu, manakala perkhidmatan lain seperti bayaran bil telefon dan gas akan diluaskan sedikit masa lagi.

Dalam masa sehari mereka mengendalikan sebanyak 2,670 alamat persuratan, sementara alamat yang disinggahi 1,640 dan jumlah penghantaran persuratan yang diserahkan oleh posmen 1,690 di tiga kawasan perumahan iaitu kawasan Kampung Sungai Liang, kawasan Kampung Sungai Bakong dan kawasan Kampung Lumut I dan Lumut II.

Mengikut perangkaan Pejabat Daerah Belait, bilangan penduduk di Mukim Lumut pada masa ini hampir 9,000 orang. Jumlah tersebut dijangka akan bertambah kepada 12,000 orang dalam masa lima ke enam tahun akan datang.

Dalam masa dua tahun akan datang, bangunan kekal Pejabat Pos Lumut akan dibina berhampiran kawasan tersebut di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Selamat melawat kemudahan yang terdapat di Cawangan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) sambil menerima penerangan ringkas mengenai bank itu daripada Pengarah Urusan IDBB, Dayangku Hajah Urai binti Pengiran Ali. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.



Sektor kewangan yang mantap penting untuk pertumbuhan ekonomi

Oleh Aliddin HM

SENGKURONG, 29 Mac. - Sektor kewangan, khususnya sektor perbankan yang mantap adalah penting untuk pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang boleh bertahan.

"Pendanaan pembangunan ekonomi di negara ini yang kini banyak bertumpu kepada peruntukan kemajuan kerajaan, pinjaman bank-bank komersil dan juga FDI perlu dipelbagaikan lagi supaya cara-cara pendanaan lain dapat dimanfaatkan," kata Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap di Majlis Pembukaan Rasmi Cawangan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) yang berlangsung di Bangunan Cawangan Bank IDBB di sini.

Yang Mulia menambah sektor kewangan yang mantap termasuk sektor perbankan yang sihat, memerlukan dasar makroekonomi yang berkesan, kemudahan infrastruktur tertentu sebagai asas kepada industri kewangan yang stabil dan berjalan lancar dan pengawasan perbankan berprinsip yang bersesuaian.

Negara Brunei Darussalam sekarang sedang menikmati stabiliti makroekonomi yang tidak kurang nikmat dan keselesaan jika dibandingkan dengan negara-negara yang mempunyai ekonomi sta-

bil dan maju di rantau ini, jelasnya.

Yang Mulia menambah, melalui agenda pembaikan dasar dan struktural, kerajaan juga mengadakan keperluan-keperluan infrastruktur dan sistem pengawalan yang berprinsip sebagai asas kepada perkembangan sektor kewangan yang mantap termasuk sektor kewangan antarabangsa.

Sektor kewangan yang mantap melalui pendanaan pelaburan yang stabil dan berterusan katanya, dapat membantu usaha kerajaan dan sektor swasta untuk mewujudkan ekonomi baru yang lebih beraneka corak, lebih kukuh dan berdaya tahan.

Bagaimanapun jelasnya, dari segi pelaburan ekonomi kita pada masa ini masih lagi berada di peringkat peralihan, kita juga masih lagi menunggu pemulihan ekonomi yang lebih menyeluruh.

Ke arah usaha menggalakkan sambutan sektor swasta yang memuassakan, Yang Mulia menyarankan supaya mengadakan perundingan dan muafakat yang asasnya tidak jauh lari daripada sistem amalan perbankan yang sihat termasuklah cara-cara 'resolution trust' dan pengalaman-pengalaman dari negara lain boleh juga

dimanfaatkan sebagai panduan tanpa melibatkan kerajaan.

Ini jelasnya akan dapat meringankan beban pengusaha dan peniaga yang berhutang dan susah membayarnya pada masa ini sambil menjaga amalan perbankan yang sihat yang ketika ini masih ada fleksibiliti di dalam amalan perbankan IDBB untuk meringankan beban tersebut.

Terdahulu dari itu, Pengarah Urusan IDBB, Dayangku Hajah Urai binti Pengiran Ali berkata bahawa di sebalik kelembapan ekonomi negara dan serantau, Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad mencatatkan pencapaian memberangsangkan dengan kenaikan pendapatan kasar 14.5 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2000 berbanding tahun sebelumnya.

Beliau menambah, draf akaun IDBB yang belum diaudit menunjukkan status kewangan bank ini masih kukuh dan stabil dibandingkan dengan sebelum ia menjadi institusi perbankan Islam sepenuhnya.

Keuntungan sebelum cukai tidak berubah daripada tahun sebelumnya, tetapi jumlah keseluruhan aset meningkat kepada \$1 bilion, kenaikan 66.5 peratus daripada tahun 1999, jelasnya.

Selepas merasmikan Cawangan Bank IDBB Sengkuring, Yang Mulia dibawa melawat ke beberapa bahagian di bank tersebut yang mempunyai dua tingkat dalam memudahkan orang ramai berurusan dengan IDBB nanti.

Cawangan baru IDBB Sengkuring ini adalah yang kedua selepas cawangannya di Kuala Belait.

Cawangan Bank IDBB Sengkuring telah memulakan operasinya sejak 12 Mac yang lalu dengan mempunyai lapan orang kakitangan.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dan isteri, Datin Jaliha menyampaikan bunga telur kepada rombongan pelancong dari Thailand. - Gambar Ihsan Haji Saemah HZ.

Dari muka 10

Di samping itu ianya juga memberi peluang peniaga-peniaga tempatan memperkenalkan produk barangan mereka kepada masyarakat dengan potongan harga sebanyak 20 peratus daripada harga di pasaran. Pesta diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Sebanyak 26 petak disediakan oleh pihak penganjur. Setiap petak dikenakan bayaran sewa antara \$700.00 ke \$800.00 sepanjang tempoh jualan. Pelbagai barangan dijual termasuk tekstil,

buku, peralatan sekolah, cenderamata, perhiasan wanita, penjagaan kesihatan, alat-alat pejabat, perhiasan rumah, kraf tangan, permainan kanak-kanak, barangan elektronik, khat Islam, pakaian, kasut, beg, makanan dan minuman.

Pesta Perdagangan tersebut dibuka bagi kunjungan orang ramai setiap hari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam. Bagi memeriahkan lagi pesta tersebut, juga diadakan acara sampingan bagi penyertaan orang ramai seperti acara pertandingan membuat dan berpulut kikir serta cabutan tiket bertuah.

Manfaatkan alam semula jadi

Oleh Dk. Hjh. Saldah PHOA

LUMUT, 24 Mac. - Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyeru rakyat dan penduduk di Daerah Belait khasnya dan para pengunjung supaya memanfaatkan alam semula jadi ciptaan Allah di jalan yang betul.

Selain itu Dato Paduka juga berharap agar mereka menjayakan Tahun Melawat Brunei 2001 dengan penuh penghayatan melalui pendedahan aspek-aspek luhur dan murni daripada warisan budaya dan tradisi mereka sendiri.

Pegawai Daerah Belait menyatakan demikian di Majlis Penyerahan Pentas Kekal sumbangan Brunei LNG kepada masyarakat Lumut Liang sempena Tahun Melawat Brunei 2001 yang diadakan di Pantai Perkelahan Lumut di sini.

Oleh yang demikian katanya, para pelancong yang berkunjung ke negara ini tidak akan dihiburkan dengan unsur-unsur luaran yang tidak mempunyai kaitan dengan negara ini, agar mereka mengetahui bahawa negara ini mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri yang berkonsepkan Negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Dalam waktu yang sama ianya akan dapat menanamkan kesedaran kepada masyarakat di negara ini bahawa nilai-nilai luhur MIB harus ditani dan diberigakan dengan penuh penghayatan.

Dato Paduka seterusnya memaklumkan bahawa Daerah Belait akan melancarkan 'Bulan

Masyarakat Penyayang' selama sebulan bermula awal bulan Mei hingga bulan Jun tahun ini.

Dalam hubungan ini katanya, seluruh sektor dalam masyarakat akan melakukan pelbagai projek bagi mendekati masyarakat semata-mata untuk menanamkan kesedaran supaya seluruh ahli masyarakat sentiasa menyayangi masyarakatnya.

Kerja-kerja pembinaan pentas kekal yang berharga lebih \$3,000 itu bermula pada bulan Februari tahun lepas dan siap 20 Ogos di tahun yang sama. Ianya dibina untuk kegunaan beriadah dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian bagi penduduk setempat.

Di majlis tersebut pelbagai persembahan pentas daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah kerajaan dan bukan kerajaan di daerah ini diadakan, di samping acara sukan untuk semua peringkat usia menyerikan lagi suasana di majlis itu.

Serombongan pelancong dari Thailand hadir di majlis itu. Rombongan seramai lebih 30 orang itu disambut dengan pemberian bunga telur dan menikmati pelbagai juadah tradisional yang disediakan melalui pameran yang diadakan.

Warga ABDB diingatkan KEKALKKAN TAHAP DISIPLIN TINGGI

PENANJONG KEM, 20 Mac. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mempunyai pemerintahnya yang baru.

Majlis Serah Terima Tugas Jawatan sebagai Pemerintah ABDB telah berlangsung di Padang Kawad Penanjong Kem di antara Pemerintah ABDB yang akan bersara, Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari kepada Pemerintah ABDB yang baru, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar.

Dalam ucapan terakhir, Yang Dimuliakan mengingatkan semua anggota ABDB supaya meningkatkan minda dan pengetahuan dalam bidang masing-masing di samping berusaha menguasai bidang teknologi maklumat yang semakin luas penggunaannya di masa ini sejajar dengan perkembangan-perkembangan ABDB.

Terdahulu dari itu, Yang Dimuliakan juga mengingatkan semua warga ABDB supaya

Oleh Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh Hamadi HM

mengekalkan tahap disiplin yang tinggi serta mutu kerja yang baik dengan mengikut segala peraturan-peraturan dan patuh kepada arahan-arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Manakala bagi para pemimpin sama ada pegawai-pegawai mahupun PTB-PTB juga diingatkan agar sentiasa mengembangkan daya kepimpinan agar menjadi seorang pemimpin yang cukup matang dalam semua hal-hwal ketenteraan.

Sebelum menandatangani serah terima tugas sebagai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, majlis telah bermula dengan pemeriksaan perbarisan kawalan kehormatan oleh Pemerintah ABDB dan diikuti dengan perbarisan lalu daripada pelbagai angkatan tentera di dalam ABDB.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari menandatangani serah terima tugas bersama Pemerintah ABDB yang baru, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari ketika memeriksa perbarisan kawalan kehormatan pasukan ABDB.

Pemerintah ABDB yang baru

Oleh Abu Bakar HAR

PENANJONG KEM, 2 Mac. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang baru, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar menyeru pemimpin-pemimpin di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) supaya mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan bagi memimpin dan mentadbir unit masing-masing bagi menghadapi apa jua cabaran.

Tegasnya, setiap pemimpin perlu mempunyai nilai-nilai kepimpinan untuk dijadikan teladan kepada anggota-anggota yang dipimpin sekali gus menjadikan nilai-nilai tersebut sebagai penggerak utama dan aspirasi kepada semua anggota tentera ABDB untuk bergerak maju menyumbangkan khidmat bakti ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wataala.

Yang Dimuliakan membuat seruan tersebut selaku Pemerintah ABDB yang baru, sejezus selepas Majlis Serah Terima Tugas Pemerintah ABDB bagi menggantikan Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari yang menamatkan perkhidmatannya selaku Pemerintah ABDB.

Dalam ucapan pertama Yang Dimuliakan selaku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sekali lagi menyeru semua pihak di dalam ABDB supaya menumpukan keprihatinan dengan azam yang kuat dalam menjalankan tugas yang sempurna dengan mendisiplinkan diri dan mengamalkan sikap sentiasa menjaga keselamatan kelengkapan tentera serta memelihara harta benda awam dengan sebaik-baiknya.

Menyentuh mengenai keutamaan meningkat-

kan tahap disiplin, Yang Dimuliakan menegaskan, apa jua perbuatan dan tingkah laku yang melanggar dan mengabaikan disiplin di kalangan anggota ABDB akan diambil tindakan dengan sewajarnya dengan segera.

Terdahulu dari itu, Yang Dimuliakan mengingatkan semua anggota tentera agar sentiasa meningkatkan keimanan dan pengetahuan dalam menempuh perubahan-perubahan minda dan pendekatan kepada tugas dan tanggungjawab dalam mengimbangi kesan-kesan negatif.

Yang Dimuliakan mula memasuki tentera sebagai bakal pegawai pada 30 Jun, 1969 dan pada 11 Disember, 1970, beliau telah ditauliahkan sebagai Pegawai Muda setelah berjaya mengikuti latihan setahun di luar negeri sebagai Pegawai Kadet di Maktab Tentera Pegawai Kadet Portsea, Australia dan di awal kerjayanya, Yang Dimuliakan telah ditugaskan sebagai ketua platun selama tiga tahun.

Di sepanjang kerjayanya, Yang Dimuliakan pernah menyertai pelbagai seminar dan kursus ketenteraan dan bukan tentera, di samping melalui liku-liku kehidupan sebagai seorang pegawai yang penuh dengan cabaran dan dugaan dan dengan berkat kesabaran dan ketabahan itu, beliau telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dinaikkan pangkat sebagai Mejar Jeneral pada 1 Februari, 2001.

Antara jawatan utama yang pernah dipegang oleh Yang Dimuliakan termasuklah Penolong Pegawai Memerintah Kompeni B pada tahun 1974; Pegawai Semboyan 1974 hingga 1976; Timbalan Pegawai Turus Latihan 1982 hingga 1985; Pegawai Turus Tadbir 1988 hingga 1991; Timbalan Pemerintah ATDDDB 1991 hingga 1994; Pemerintah ATPBDB 1994 hingga 1999 dan Pemerintah ATDDDB pada 1999.



PEMERINTAH ABDB yang baru, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar.

DALAM ucapan pertama Yang Dimuliakan selaku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sekali lagi menyeru semua pihak di dalam ABDB supaya menumpukan keprihatinan dengan azam yang kuat dalam menjalankan tugas yang sempurna dengan mendisiplinkan diri dan mengamalkan sikap sentiasa menjaga keselamatan kelengkapan tentera serta memelihara harta benda awam dengan sebaik-baiknya.



PEMERINTAH ABDB yang baru, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar ketika memeriksa perbarisan kawalan kehormatan pelbagai angkatan tentera di dalam ABDB.

Wanita..... Wanita..... Wanita..... Wanita.....

MAKTAB Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB) akan mencapai usianya ke-15 tahun sejak penubuhannya pada 4 September, 1986.

Dalam usia tersebut ianya sehingga kini telah mengeluarkan sejumlah 605 orang graduan di peringkat Diploma Kejururawatan Asas.

Dalam Majlis Konvokesyen Ke-7 maktab berkenaan pada 31 Mac lepas, telah mengeluarkan sejumlah 160 orang graduan iaitu 100 orang graduan terdiri daripada penerima Diploma Kejururawatan pengambilan ke-11 sesi 1996 - 1999 dan ke-12 sesi 1997 - 2000.

Sementara selebihnya iaitu seramai 60 orang, terdiri daripada para graduan yang menerima Diploma Kejururawatan (conversion), Diploma Kejururawatan Kesihatan Masyarakat, Diploma Kejururawatan Penjagaan Kritikal, Diploma Kejururawatan Kemalangan dan Kecemasan, Diploma Kejururawatan Bilik Bedah, Diploma Kejururawatan Pembedahan Cranio-Maxillo Facial dan Diploma Kejururawatan Terapeutik.

Bidang kejururawatan itu merupakan bidang yang banyak diceburi oleh kaum wanita yang

mana daripada sejumlah 100 orang jururawat yang menerima Diploma Kejururawatan pe-ngambilan ke-11 pada Mac lalu, seramai 72 orang daripadanya terdiri jururawat wanita berbanding 28 orang jururawat lelaki.

Sementara itu seramai 60 orang yang menerima diploma terdiri daripada pelbagai jurusan lanjutan yang lain di konvokesyen yang sama, seramai 42 orang daripadanya adalah wanita termasuk seorang graduan wanita dari luar negara berbanding 18 orang jururawat lelaki.

Melihat akan kecenderungan kaum wanita memasuki bidang kejururawatan tersebut, wakil PELITA BRUNEI sempat membuat pendekatan bersama empat orang wanita yang terdiri daripada beberapa orang penerima hadiah terbaik dalam pelbagai sudut pemilihan. Hajah Norzihan binti Haji Ibrahim, 27 tahun, graduan terbaik dalam kemahiran-kemahiran kepimpinan dan organisasi ketika ditemui berkata, bidang kejururawatan ini digemarinya memandangkan tugasnya yang banyak memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

"Saya pernah menjadi sukarelawan di bahagian kebajikan perubatan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha selama satu tahun iaitu dalam tahun 1995.

Selepas itu saya mengajar di Sekolah PDS di Jangsak sebagai seorang guru sekolah rendah di sana selama dua tahun. Semasa berada di sana saya merasakan saya masih mahu melanjutkan pelajaran dan akhirnya memilih bidang kejururawatan hingga saya tamat hari ini," katanya menceritakan sedikit pengalaman sebelum memasuki bidang kejururawatan.

Beliau yang berasal dari Daerah Tutong berpendapat, bidang kejururawatan mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di samping profesion kejururawatan kini sedang berkembang.

MENCABAR

Seorang graduan berusia 23 tahun, Nurolmusamilin binti Haji Muslim, graduan terbaik dalam prestasi akademik di peperiksaan akhir pula menjelaskan, beliau memang suka dengan tugas yang memberikan perkhidmatan dan pertolongan kepada orang ramai.

Menurutnya, bidang ini adalah bidang yang mencabar terutamanya jika ditugaskan di Bahagian Kecemasan iaitu bahagian yang beliau minati.

"Jika ada peluang saya akan mengikuti

Oleh Siti Muslihat HS
Gambar-gambar oleh
Pengiran Rafee PDPHM



HAJAH NORZIHAN HAJI IBRAHIM.... "Bidang kejururawatan mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi."



NORFADZILAH JUNIT.... "Insya-Allah jika ada peluang saya berhasrat mengambil ijazah dalam bidang kejururawatan."

Lebih banyak wanita ceburi kerjaya mencabar

kursus-kursus lain yang diminati lagi seperti Diploma Lanjutan dalam bidang khusus," jelasnya ringkas.

Graduan yang berasal dari Kampong Saba Darat 'B', Kampong Ayer pula menjelaskan, bidang kejururawatan ini memang diminatinya di samping dorongan daripada arwah bapanya, semasa masih hidup yang menginginkan seorang anaknya untuk mencaburi bidang kejururawatan.

"Bidang ini pula suatu bidang yang mencabar dan saya rasa sudah sampai masanya untuk berbakti kepada masyarakat baik yang sihat atau sakit," jelas Roslina binti Kamis yang berusia 23 tahun.

Anak kelima daripada enam orang adik-beradik ini adalah merupakan seorang lagi penerima hadiah terbaik dalam prestasi akademik di peperiksaan akhir tahun dan bercita-cita untuk menjadi jururawat yang baik,

bertanggungjawab dan profesional.

Sementara itu graduan terakhir yang sempat ditemui di majlis konvokesyen tersebut adalah seorang graduan yang menamatkan Kursus Diploma Kejururawatan Penjagaan Kritikal sesi 1999 - 2000.

Beliau ialah Norfadzilah binti Junit yang merupakan penerima sijil cemerlang setelah mendapat keputusan cemerlang dalam bidang yang diambil.

Graduan berusia 34 tahun ini sudah berkhidmat selama sembilan tahun sebagai jururawat sebelum mengikuti Kursus Kejururawatan Penjagaan Kritikal sesi 1999 - 2000.

REBUT PELUANG

"Jadi untuk meningkatkan lagi mutu kerja dan taraf pengetahuan, saya menceburi bidang Kejururawatan Penjagaan Kritikal ini ke arah meningkatkan lagi profesionalisme saya," ujunya.

Dalam kesempatan itu beliau menyarankan agar para belia yang mempunyai kelulusan sebanding supaya tidak memilih kerja dan berusaha merebut peluang yang ada walaupun umur meningkat.

Walaupun sudah memiliki dua orang anak, beliau meneruskan cita-citanya untuk meningkatkan kemahiran ke peringkat yang lebih tinggi.



NUROLMUSAMILIN HAJI MUSLIM.... "Saya suka dengan tugas yang memberikan perkhidmatan dan pertolongan kepada orang ramai."



ROSLINA KAMIS.... Bidang ini suatu bidang yang mencabar dan saya rasa sudah masanya untuk berbakti kepada masyarakat, baik yang sihat atau tidak."

"SAYA pernah menjadi sukarelawan di bahagian kebajikan perubatan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha selama satu tahun iaitu dalam tahun 1995."

Belia Belia Belia Belia

KEPIMPINAN dapat didefinisikan sebagai kejayaan seseorang memimpin orang lain untuk melaksanakan satu-satu kerja ke arah pencapaian satu-satu objektif atau matlamat. Kejayaan seorang pemimpin sebenarnya mengikut serta memenuhi kehendak orang yang dipimpinnya.

Di samping itu kita lihat komponen-komponen kepimpinan yang harus ada pada seseorang pemimpin. Antaranya:-

1. Sifat-sifat personaliti.
2. Gaya pimpinannya.
3. Keadaan atau bentuk pekerjaannya.
4. Keperluan pengikut-pengikutnya.

Umumnya seorang pemimpin mempunyai sifat yang cergas, agresif, berdikari, progresif, berpendidikan dan sebagainya.

Kebiasaannya seorang pemimpin mempunyai gaya tertentu dalam pimpinannya. Ini terutama ditekankan di dalam kepimpinan sesebuah organisasi, sama ada kepimpinan bercorak orientasi tugas atau orientasi majikan. Orientasi tugas menekankan bahawa seseorang pengurus itu mempunyai kuasa penuh dan tegas terhadap orang bawahannya. Sedangkan orientasi pekerja lebih bercorak demokrasi dengan pengurus dan orang bawahan mempunyai kerjasama dan tolak ansur.

Jadi pemimpin haruslah menyesuaikan keadaan situasinya. Oleh kerana gaya kepimpinan bergantung kepada keadaan, gaya tidak semestinya berkesan pada suatu keadaan yang lain. Misalnya pemimpin harus memahami keadaan orang bawahannya dari segi nilai-nilai personaliti, motivasi, objektif kerja dan sebagainya. Begitu juga dari segi nilai-nilai pemimpin itu sendiri, umpamanya keyakinan pengurus itu sendiri terhadap pekerjaannya dan bagaimana ia mewakili kuasa kepada kakitangan bawahan.

Timbul satu persoalan lagi siapakah yang layak untuk menjadi seorang pemimpin? Selama ini tiada teori bagaimana seseorang pemimpin itu dapat dinilai. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada cara-cara kepimpinan yang berpusat kepada kelompok, seseorang itu layak menjadi seorang pemimpin asalkan ia memeningkan kepentingan-kepentingan kelompok di dalam pimpinannya. Jadi seorang dipilih menjadi pemimpin kerana dipercayai oleh kelompoknya. Ia diharapkan dapat mengerti dan menjaga kepentingan ahli-ahli dalam usahanya sebagai seorang pemimpin. Di sini pemimpin itu sentiasa campur tangan dalam segala masalah dalam anggota kelompok dan menganggotai serta membantu aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh ahli-ahli kelompok tersebut.

TUGAS PEMIMPIN

Pada umumnya tugas seorang pemimpin ialah mengusahakan supaya kelompok yang dipimpinnya dapat merealisasikan tujuan iaitu dengan sebaik-baiknya dalam kerjasama yang produktif. Ini tidak kira dalam keadaan mana yang harus dihadapi oleh organisasi itu. Di samping itu pemimpin/pengurus harus memberi gambaran mengenai tugas masing-masing dan gambaran keadaan kelompoknya. Ini adalah bertujuan untuk memberi satu dasar pandangan yang menyeluruh di dalam dan di luar kelompok untuk ia dapat diterima oleh semua ahli yang bersangkutan.

KEPIMPINAN

MUKADIMAH

SEDUTAN dari kertas kerja 'Tingkah Laku Organisasi Dalam Pengurusan Modern' oleh Ahmad Atroy Hussain telah dibentangkan dalam Kursus Kepimpinan Belia anjuran bersama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RKN Perumahan Lambak Kanan Zon 1 pada 3 April, 2001.

SIRI PERTAMA

Pemimpin/pengurus juga harus mengawasi tingkah laku berdasarkan peraturan bersama yang telah dirumuskan. Seterusnya pengurus harus menyedari serta merasakan kepentingan-kepentingan keinginan dan cita-cita anggota kelompok serta menjadi wakil ke dalam, mahu pun keluar dari kelompoknya.

Mengikut Floyd Rush tugas utama seorang pemimpin adalah seperti berikut:-

1. Menstrukturkan keadaan.
2. Mengawasi tingkah laku kumpulan.
3. Jurucakap kumpulan.

i. Menstrukturkan keadaan - Pengurus haruslah memberi penerangan mengenai struktur yang jelas daripada situasi-situasi yang rumit yang dihadapi oleh orang bawahannya. Umpamanya memberitahu perkara yang penting dan yang kurang penting serta memusatkan perhatian kepada tujuan dan ingin dicapai. Apabila anggota orang bawahannya menghadapi masalah rumit maka mereka mempunyai tempat rujukan untuk mengatasi masalah tersebut. Begitu juga dari segi konflik antara orang bawahan, maka pengurus haruslah bijak untuk menyelesaikannya. Jadi pengurus haruslah sensitif kepada keadaan, menilai kepentingan ahli, membimbing kepada satu arah secara keseluruhan. Ia juga berusaha supaya orang

bawahan dapat mencapai tujuan individu dalam kelompok dan menggabungkannya kepada tujuan bersama. Hilangkan perasaan tidak aman yang dihadapi oleh orang bawahan yang mungkin timbul iaitu apabila wujud kegiatan-kegiatan masa depan yang tidak jelas. Ini dapat diselesaikan dengan memberi kepastian-kepastian dalam situasi yang meragukan oleh pihak pengurus itu sendiri.

ii. Mengawal tingkah laku kumpulan - Pengurus harus mengawasi dan menyatukan tingkah laku kelompok. Jika terdapat penyelewengan ia harus diambil tindakan yang selaras dengan peraturan-peraturan yang telah dipersetujui. Dengan menggunakan kewibawaan, pengurus dapat bertindak dengan saluran-saluran tertentu jika wujud penyelewengan tadi. Ini menggambarkan pengurus itu ada peraturan sendiri untuk dapat menyalurkan aktiviti-aktiviti kelompok hingga selaras dengan peraturan yang sedia ada.

iii. Jurucakap kumpulan - Pengurus harus dapat merasakan dan menerangkan kepentingan-kepentingan ahli kelompok ke dunia luar. Umpamanya sikap orang bawahan, pengharapan-pengharapan, tujuan-tujuan dan sebagainya. Untuk menjadi jurucakap ia harus mentafsirkan tempat letaknya kepentingan-kepentingan kelompok secara menyeluruh. Di sinilah letaknya tanggungjawab yang besar di dalam kepimpinan memuat kelompok yang bersifat demokrasi.

CARA-CARA MEMIMPIN

a. Cara autoriti - Di sini pengurus menentukan segala kegiatan ahli kelompoknya. Segala apa yang akan dilakukan ahli tidak diajak berbincang dan berunding bersama. Umpamanya dalam menentukan dasar, pelaksanaan ataupun perancangan untuk organisasi tersebut. Segala kegiatan dan tujuan ditentukan daripada pihak atasan. Pengurus hanya membuat hubungan dengan orang bawahan apabila ada satu-satu cadangan atau permasalahan dalam tugas timbul dan perlu penyelesaian segera. Di sini pengurus tidak mahu bergaul dengan orang bawahannya.

b. Cara demokrasi - Pengurus mengajak anggota kelompok bersama-sama berbincang mengenai tujuan organisasi, perancangan masa depan dan lainnya. Pengurus menerima kritik dan pendapat daripada orang bawahan dengan cara terbuka. Pengurus lebih bersifat matang seperti kawan yang turut sama dalam interaksi kelompok.

c. Cara *laissez faire* (bebas) - Pengurus seperti itu begitu yakin terhadap orang yang dipimpinnya dan ia dianggap sebagai seorang penonton sahaja. Segala kegiatan kelompok diserahkan kepada orang-orang bawahannya. Ini satu cara yang tidak begitu baik dan tidak berkesan di dalam kepimpinan satu-satu organisasi.

BERSAMBUNG

PADA umumnya tugas seorang pemimpin ialah mengusahakan supaya kelompok yang dipimpinnya dapat merealisasikan tujuan iaitu dengan sebaik-baiknya dalam kerjasama yang produktif.

Kasih sayang asas bagi kekukuhan keluarga

KUALA BELAIT, 30 Mac. - Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyeru semua rakyat dan penduduk di Daerah Belait supaya menjalinkan perasaan kasih sayang di kalangan mereka tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit.

Menurutnya, perasaan kasih sayang merupakan asas bagi kekukuhan keluarga, masyarakat, negara dan umumnya bagi kebaikan diri sendiri. Berucap semasa melancarkan Serambi Seni II anjuran sektor warisan budaya dengan kerjasama Majlis Belia Daerah Belait dan Majlis Perundingan Pekan Belait yang diadakan di Jalan Pretty di sini.

Katanya, sesuatu bangsa akan dapat dibina atas dasar perpaduan, muhibah dan silaturahmi. Dalam hubungan ini katanya, Daerah Belait telah pun melancarkan slogan 'Bersama Masyarakat Penyayang' yang perlu diberigakan sepenuhnya untuk dihayati dalam menjalani kehidupan seharian.

Selain itu Pegawai Daerah juga menyeru para belia di daerah itu supaya berusaha menjana pembangunan dengan ilmu dan semangat yang membara demi kebaikan Negara Brunei Darussalam.

Serambi Seni II bertemakan 'Produk Belia Daerah Belait' bagi memberi ruang untuk menonjolkan peranan belia dan anak buah kampung

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

dalam sama-sama mengukuhkan pelbagai usaha serta aktiviti sesuai dengan acara pelancaran sempena Tahun Melawat Brunei 2001.

Serambi Seni II diadakan selama dua hari dengan memfokuskan pameran dan promosi yang menjurus kepada pelbagai produk hasil usaha belia dan anak-anak kampung serta diselenggarakan dengan Pesta Jualan.

Semasa pelancaran tersebut, persembahan pentomin adat perkahwinan antara puak Melayu Brunei dengan puak Belait bermula daripada Majlis Merisik hingga Majlis Persandingan dengan diselitikan tarian kebudayaan.

Persembahan pentomin tersebut bertujuan memaparkan kepada pelancong bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai keunikan adat dan tradisinya. Dengan yang demikian mereka akan lebih mengetahui fungsi yang indah dalam kesenian dan kebudayaan negara ini.

Sebelum itu Pegawai Daerah Belait telah menerima barisan penghormatan terdiri daripada kalangan belia dengan didahului iringan pasukan pancaragam Angkatan Tentera Bahagian Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei.


SELAIN itu Pegawai Daerah juga menyeru para belia di daerah itu supaya berusaha menjana pembangunan dengan ilmu dan semangat yang membara demi kebaikan Negara Brunei Darussalam.



SEORANG pelancong dari Belanda merenjis dan menepung tawar pengantin perempuan ketika persembahan pentomin adat perkahwinan antara puak Melayu Brunei dan puak Belait di Pelancaran Serambi Seni II. - Gambar Ihsan Hjh. Saemah HZ.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika menyampaikan hadiah dan sijil kepada seorang graduan yang mendapat keputusan cemerlang. - Gambar oleh Ramli Tengah.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz serta lain-lain tetamu ketika hadir di Majlis Makan Malam sempena Majlis Konvokesyen Ke-7 Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolikiah. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Peka terhadap perkembangan sains, teknologi perubatan

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 31 Mac. - Pengetua Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolikiah (PAPRSB), Dayang Hajah Suraya Noraidah menyarankan agar graduan-graduan jururawat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menangani sesuatu perkara yang mencabar, terutama bersedia dan peka dengan perkembangan sains dan teknologi perubatan.

Dayang Hajah Suraya Noraidah menambah, untuk menjadi seorang jururawat yang berjaya bukanlah setakat dengan memperoleh kelulusan sahaja, tetapi adalah bagi menepati kehendak dan ekspektasi orang ramai di dalam masyarakat yang mana akan sentiasa menjadi penilai yang utama di dalam memberi sukat-sukat atas mutu perkhidmatan yang diberikan.

Tegasnya, sebagai seorang jururawat yang profesional, mestilah menerima segala sungutan dan hujah dengan hati yang terbuka dan ikhlas bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran di samping untuk menjadi seorang jururawat yang dipercayai.

Para graduan jururawat yang baru menerima sijil-sijil mereka juga diingatkan supaya akan sentiasa menghayati konsep Melayu Islam Beraja supaya diterapkan dalam mengendalikan tatacara perawatan di mana saja mereka berada.

Pengetua Maktab Jururawat PAPRSB menjelaskan perkara tersebut di Majlis Makan Malam sempena Majlis Konvokesyen Ke-7 Maktab Jururawat PAPRSB yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini, sekali gus meraikan 160 orang graduan yang telah berjaya menamatkan kursus dan diploma dalam pelbagai bidang.

Hadir di majlis tersebut selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz yang juga menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang.

Antara penerima hadiah cemerlang itu ialah Dayang Roslina binti Kamis dan Dayang Nurulmusamirin binti Haji Muslin yang merupakan pelajar terbaik dalam jurusan Diploma Kejururawatan Pengambilan Ke-12 Sesi 1997 hingga 2000.

Sementara menerima Kepujian Diploma di bidang Kejururawatan Lanjutan dan Diploma Kejururawatan Kesihatan Masyarakat Sesi 2000 disandang oleh Dayang Ramlah binti Kisut.

Hidupkan semula J-kuasa Sekolah

MENTIRI, 1 April. - Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan sentiasa menekankan tentang kepentingan menubuh atau menghidupkan semula Jawatankuasa Sekolah masing-masing bagi kemajuan sekolah itu sendiri.

Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam berkata, melalui jawatankuasa itu masalah pembelajaran murid dan disiplin sekolah, isu-isu sosial akan dapat dibincangkan dan diatasi bersama di antara guru-guru dan ibu bapa atau penjaga murid.

"Peranan Jawatankuasa Sekolah adalah penting dalam membantu dan melengkapi usaha sekolah untuk menjaga kebajikan dan meningkatkan kemajuan pelajar-pelajar di sekolah itu," jelasnya ketika melancarkan Pesta Jualan Amal dan Hari Keluarga Sekolah Rendah Mentiri hari ini.

Katanya, selain menjalankan aktiviti sekolah, pembentukannya itu juga akan menjadi medan bertukar fikiran mengenai pendidikan, berunding bagi memperbaiki taraf pendidikan murid dan memperkukuhkan kewangan sekolah bagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Oleh Samle Haji Jait

Menyentuh pencapaian kecemerlangan sekolah, Pengiran Datin Paduka menyeru agar adanya perancangan yang tersusun serta mempunyai program khususnya untuk meningkatkan prestasi murid.

Katanya, Rancangan Pelan Bertindak dan Penilaian Kendiri Sekolah di samping menitikberatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang bermula dari peringkat pendidikan asas merupakan antara program yang dimaksudkan.

Pesta berkenaan adalah anjuran Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Sekolah Rendah Mentiri yang antara lain bertujuan bagi mengutip kewangan sekolah, manakala 10 peratus daripada hasil jualan akan didermakan kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Selain pameran, lebih 50 petak gerai beraneka jualan telah diadakan. Orang ramai turut berhibur dengan pelbagai pertandingan tradisi, melukis dan mewarna bagi kanak-kanak sepanjang pesta sehari suntuk itu.



PENGARAH Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam ketika menyaksikan pelbagai jualan sejour merasmikan Pesta Jualan Amal dan Hari Keluarga Sekolah Rendah Mentiri (atas). - Gambar oleh Hamadi HM.



PERTANDINGAN tradisi bagi orang dewasa memeriahkan lagi suasana Pesta Jualan Amal dan Hari Keluarga Sekolah Rendah Mentiri (kanan). - Gambar oleh Hamadi HM.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada bekas Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Awang Haji Adnan bin Haji Zainal (kiri) dan menerima watikah perlantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang baru ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Salman bin Ahmad (tengah). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima watikah perlantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan yang baru ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Badr-ud-deen. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. - Gambar-gambar oleh Ramli Tengah dan Masri Osman.

Berkenan mengurniakan, menerima watikah perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada bekas Pesuruhjaya Tinggi ke Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Baginda mengurniakan watikah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Awang Haji Adnan bin Haji Zainal, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam yang baru ke Republik Singapura.

Beliau berusia 52 tahun, bekas seorang guru agama di awal penglibatannya dalam perkhidmatan kerajaan dan dalam tahun 1998 menjadi Setiausaha Peribadi dan Sulit kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-

Oleh Abdullah Asgar

Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima watikah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang baru ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Salman bin Ahmad.

Setelah itu baginda berkenan menerima watikah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Badr-ud-deen.

Tuan Yang Terutama Tuan Badr-ud-deen berusia 59 tahun, bekas seorang mejar tentera udara Republik Islam Pakistan serta pernah berkhidmat di Kementerian Pertahanan Emeriah Arab Bersatu dari-

pada tahun 1974-1997.

Tuan Yang Terutama memulakan perkhidmatan tentera udara di Republik Islam Pakistan dalam tahun 1963, Tuan Yang Terutama juga memperolehi ijazah dalam bidang kesenian dari Akademi Tentera Pakistan.

Selepas itu baginda, berkenan menerima mengadap secara berasingan Tuan Yang Terutama Awang Haji Adnan bin Haji Zainal, Tuan Yang Terutama Tuan Salman dan Tuan Yang Terutama Tuan Badr-ud-deen.

Tuan Yang Terutama Tuan Salman bin Ahmad lahir di Kedah dan mendapat pendidikan tinggi di Universiti Sains, Pulau Pinang.

Sebelum menjadi Pesuruhjaya Tinggi, Tuan Yang Terutama merupakan Setiausaha Rendah (Undersecretary) di Kementerian Luar Malaysia.



Kebawah DYMM dan DYTMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan menerima mengadap isteri Pesuruhjaya Polis yang akan bersara, Datin Hajah Rahmah binti Mohd. Daud.

Pada waktu yang sama,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima mengadap isteri Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pengiran Datin Hajah Syarifah binti Pengiran Haji Zaini.

Majlis mengadap telah berlangsung secara berasingan di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong (gambar atas kanan dan kiri).



Sumbangan derma \$18 ribu hasil kutipan amal perlawanan golf

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan penyampaian sumbangan derma sebanyak 18 ribu ringgit hasil daripada kutipan amal Perlawanan Golf Piala Rebutan Duli Yang Teramat Mulia sendiri kepada Pengerusi Dana Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Majlis berlangsung di Royal Brunei Golf and Country Club, Jerudong pada 8 April lepas (gambar kiri). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

BERSAMA-SAMA MENANGANI MASALAH SOSIAL

دربیتکن اوله جباتن فرائغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.